

***Himpunan Risalah***  
***Dalam Beberapa***  
***Persoalan Ummah***  
**(Buku 4)**

Penyusun  
Hafiz Firdaus Abdullah

**Judul:**

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 4)

**Penyusun:**

Hafiz Firdaus Abdullah  
www.al-firdaus.com  
hafizfirdaus@yahoo.com  
SMS: 019-384 8467

**© Hafiz Firdaus Abdullah.**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2006

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

jahabers@tm.net.my

jahabers@starhub.net.sg

## Kandungan

1.	<b>Enforcing Public Morality: Satu Analisa Ke Atas Kertas Kerja Zainah Anwar (<i>Sisters in Islam</i>)</b>	<b>5</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
2.	<b>Pakaian Muslimah Bertaqwah</b>	<b>35</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
3.	<b>Merangka Belanjawan dari Perspektif Islam</b>	<b>51</b>
	Shabnam Mokhtar	
4.	<b>Meninjau Semula Hukum Kenajisan Khinzir</b>	<b>97</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
5.	<b>Pendirian Aisyah Dan Para Sahabat Di Sebalik Perang Jamal</b>	<b>117</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
6.	<b>Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perang Siffin</b>	<b>125</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
7.	<b>Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perlantikan Yazid dan Pembunuhan Hasan</b>	<b>135</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
8.	<b>Pendirian Yazid Di Sebalik Pembunuhan Husain</b>	<b>147</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	
9.	<b>Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Terhadap Yazid bin Muawiyah</b>	<b>157</b>
	Hafiz Firdaus Abdullah	

10.	<b>Panduan Membicara Sejarah Para Sahabat</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>165</b>
11.	<b>Pencerahan Dalam Persoalan Solat Sunat Qabliyah Jumaat</b> Hafiz Firdaus Abdullah	<b>183</b>

***Enforcing Public Morality:***  
**Satu Analisa Ke Atas Kertas Kerja Zainah Anwar**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

*Enforcing Public Morality.* Demikianlah tajuk sebuah forum yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 27 April 2005 yang lalu. Forum ini, dengan ahli panel yang terdiri daripada saudari Zainah Anwar, Dr. Siti Mariah dan Dato' Param Cumaraswamy, mengupas isu undang-undang moral yang kini agak hebat dibincang dalam negara kita daripada kalangan cerdik pandai sehingga kepada orang awam.

Malang sekali disebabkan kesibukan kerja, saya tidak dapat menghadiri forum tersebut. Akan tetapi kertas kerja yang dibentang oleh saudari Zainah Anwar, Pengarah Eksekutif pertubuhan *Sisters in Islam*, dapat saya rujuk di laman web mereka: <http://www.sistersinislam.org.my/zai%20speech.htm>

Kertas kerja ini benar-benar menarik perhatian saya, khasnya apabila ia dimulakan dengan kata-kata:

*"I speak from the perspective of a Muslim, a believer, a feminist and an activist who believes that Islam is just, that God is just."*

Ini kerana merupakan satu kejanggalan apabila seorang muslim (a

*muslim) dan mukmin (a believer) menulis sebuah kertas kerja tanpa mengisinya dengan apa-apa dalil daripada Allah yang Maha Adil bagi meneracai keadilan Islam yang sebenar. Apatah lagi memandangkan kertas kerja tersebut dibentangkan kepada hadirin yang terdiri daripada kalangan pelbagai agama dan pemikiran, ia sepatutnya menjadi peluang untuk membuktikan keadilan Allah dan keadilan Islam, sekali gus menjadi sarana dakwah kepada mereka semua. Kehadiran kalangan bukan Islam tidak sepatutnya menjadikan kita segan atau rendah diri, mengingatkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:*

***Dan janganlah sekali-kali mereka dapat menghalangmu dari menyampaikan ayat-ayat Allah sesudah ayat-ayat itu diturunkan kepadamu dan serulah mereka kepada jalan Tuhanmu dan janganlah sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang mempersekuatkan Tuhan.***  
[al-Qasas 28:78]

Semua ini menyebabkan saya – dengan segala rendah diri – merasa perlu untuk melakukan satu analisa ke atas kertas kerja saudari Zainah Anwar. Analisa ini bukanlah untuk mengukur nilai muslim atau mukmin seseorang, tetapi untuk mengukur jauh atau dekat dasar-dasar kertas kerja tersebut daripada neraca al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Semoga analisa ini dapat membantu kita sebagai orang muslim dan mukmin membahas isu undang-undang moral berdasarkan kaca mata Islam yang diturunkan oleh Allah yang Maha Adil, tidak berdasarkan kaca mata agama lain atau doktrin ciptaan manusia.

Analisa tidak dihadkan kepada dalil-dalil Ilahi sahaja (*naqli*), tetapi

dipanjangkan kepada dalil-dalil pemikiran yang sihat lagi adil (*aqli*). Ringkasnya boleh dikatakan bahawa analisa akan dilakukan berdasarkan dalil-dalil *naqli* dan *aqli* kerana *naqli* yang sahih tidak akan bertentangan dengan *aqli* yang sihat.

Kertas kerja saudari Zainah Anwar dibahagikan kepada empat isu utama. Akan tetapi setelah menelitiinya, saya mendapati hanya ada tiga dasar yang layak dianalisa:

**Dasar Pertama: Moral yang baik atau buruk ditentukan oleh kesepakatan orang ramai.**

Kertas kerja tersebut menyatakan bahawa ukuran moral yang baik atau buruk ditentukan oleh kesepakatan orang ramai (*public consensus*) yang diwakili oleh pihak daripada semua agama dan lapisan, tidak sekadar pihak berwajib agama Islam. Sebagai contoh, melakukan hubungan seks di hadapan khalayak ramai adalah satu tindakan yang tidak bermoral menurut kesepakatan orang ramai. Justeru tidak mengapa jika undang-undang moral dikuatkuasakan ke atas tindakan sedemikian.

**Analisa:**

Sesungguhnya di sisi manusia memang terdapat pelbagai cara atau jalan untuk menentukan apa yang baik dan apa yang buruk. Di antara jalan-jalan ini, yang mana satukah yang betul? Bagi seorang muslim dan mukmin, jalan tersebut

ialah jalan Islam dan bukan jalan-jalan yang lain. Ini telah diingatkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala:

*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa. [al-An'am 6:153]*

Sehubungan dengan ayat di atas, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam *Musnadnya* – hadis no: 4142 dengan sanad yang dinilai *hasan* oleh Syaikh Syu'aib al-Arna'uth, 'Abd Allah bin Mas'ud *radhiallahu anh* menerangkan:

(Pada suatu ketika) Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam menggariskan kepada kami satu garisan lalu bersabda: "Inilah jalan Allah." Kemudian baginda menggariskan beberapa garisan di sebelah kanannya dan di sebelah kirinya lalu bersabda: "Inilah jalan-jalan yang

*pada setiap jalan ada satu syaitan yang menyeru kepada jalan tersebut.”*

**Kemudian baginda membacakan ayat: "Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah."**

Di antara jalan yang mencerai-beraikan umat Islam daripada jalan Allah ialah menggunakan jalan lain, seperti kesepakatan orang ramai, untuk menentukan moral yang baik atau buruk. Jalan ini bukan sahaja menyimpang daripada jalan Islam, tetapi juga telah dikenal pasti oleh Islam sebagai satu jalan yang tidak mampu membawa manusia ke arah kebaikan yang hakiki, malah justeru ke arah keburukan dan kerosakan.

Sebabnya, majoriti manusia (baca: kesepakatan orang ramai) menentukan sesuatu kebaikan atau keburukan berdasarkan sangkaan dan hawa nafsu, bukan pengetahuan yang sebenar. Perkara ini dikhabarkan oleh Yang mencipta manusia itu sendiri, Allah Subhanahu wa Ta'ala:

***Dan kebanyakannya mereka tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (iktiqad). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan.***  
 [Yunus 10:36]

Allah Subhanahu wa Ta'ala juga berfirman:

**Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.** [al-An'am 6:119]

Menggunakan hawa nafsu sebagai pedoman dalam menentukan yang baik atau buruk tidak akan membawa manusia ke arah destinasi kebaikan yang hakiki. Ini kerana hawa nafsu itu adalah sumber kerosakan bagi manusia dan segala yang ada:

**Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia dari hasutan nafsu itu).** [Yusuf 12:53]

Allah Subhanahu wa Ta'ala juga berfirman:

**Dan kalauolah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada.** [al-Mukminun 23:71]

Atas sebab-sebab di ataslah Allah Subhanahu wa Ta'ala mengingatkan kita umat Islam agar tidak mengikuti jalan yang ditempuh oleh majoriti manusia. Kecenderungan majoriti manusia kepada sangkaan dan hawa nafsu akan menyesat kita daripada jalan Allah. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka**

***bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah.*** [al-An'am 6:116]

Semua ini mengembalikan kita kepada ayat pertama yang dikemukakan di atas, iaitu firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bermaksud: ***Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*** [al-An'am 6:153] Oleh itu seorang muslim dan mukmin tidak menerima "kesepakatan orang ramai" sebagai ukuran penentu moral yang baik atau buruk. Akan tetapi ukuran yang diterima ialah apa yang ditentukan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Menggunakan ukuran "kesepakatan orang ramai" tidak sahaja ditolak berdasarkan dalil-dalil *Ilahi*, tetapi juga oleh pemikiran yang sihat lagi adil. Ini kerana manusia sentiasa berbeza-beza penilaian mereka dalam menentukan moral yang baik dan buruk. Lebih dari itu, seandainya manusia dapat bersepakat dalam menentukan moral yang baik dan buruk, kesepakatan tersebut tidak akan bertahan lama. Apa yang dianggap baik pada masa kini akan dianggap buruk pada masa akan datang dan demikianlah sebaliknya. Tidak sekadar itu, moral yang dianggap baik pada satu lokasi mungkin dianggap buruk di lokasi yang lain, dan demikianlah juga sebaliknya.

Semua ini menunjukkan bahawa ukuran "kesepakatan orang ramai"

hanyalah satu teori yang fiktif (*fictitious*), mustahil wujud secara realiti. Kemustahilan ini mengarah kepada kemustahilan mewujudkan satu undang-undang moral. Ini berakhir dengan negara tidak memiliki apa-apa undang-undang moral. Apabila negara tidak memiliki undang-undang moral, tingkah laku tidak bermoral, daripada perbuatan tidak senonoh yang kecil sehingga jenayah yang besar, akan berleluasa sehingga ke tahap yang tidak dapat digambarkan.

Tingkah laku tidak bermoral akan turut memberi kesan kepada pihak yang pada asalnya mengusulkan teori "kesepakatan orang ramai". Akan tetapi tidak ada apa-apa yang dapat mereka lakukan untuk menegah dan menghukumnya. Ini kerana tidak wujud "kesepakatan orang ramai" untuk mengatakan bahawa ia adalah tingkah laku yang tidak bermoral sehingga patut ditegah dan dihukum.

Semua ini menunjukkan bahawa undang-undang moral tidak akan dapat dibentuk melalui "kesepakatan orang ramai". Sebabnya adalah mudah, manusia tidak dapat menentukan moral manusia. Hanya yang mencipta manusia dapat menentukan moral manusia, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

**Dasar Kedua: Isu moral bukanlah urusan pemerintah atau undang-undang.**

Kertas kerja tersebut turut menyatakan bahawa tingkah laku moral yang baik atau buruk tidak sepatutnya dikawal oleh pihak pemerintah atau dijadikan satu kesalahan di sisi undang-undang. Secara lebih terperinci:

1. Persoalan moral bukanlah urusan pihak pemerintah atau badan tertentu yang diberi mandat oleh pemerintah.
2. Moral yang dipersetujui baik di sisi majoriti diserap ke dalam masyarakat melalui pendidikan dan bukannya penguatkuasaan undang-undang. Lebih dari itu moral yang baik bagi umat Islam lahir daripada sifat iman yang sememangnya tidak boleh dipaksa melalui penguatkuasaan undang-undang.
3. Undang-undang moral yang cuba dikuatkuasakan oleh pihak pemerintah dan jabatan agama memiliki banyak kelemahan seperti beberapa perbuatan yang diwartakan sebagai "kesalahan" padahal apa dan bagaimana perbuatan tersebut tidak diperincikan. Lebih dari itu negeri yang berlainan memiliki undang-undang moral yang berlainan.
4. Undang-undang moral yang sudah sedia diwartakan tidak dikuatkuasakan. Sebagai contoh, merokok difatwakan haram di negeri Selangor dan sesiapa yang melanggar sesuatu fatwa di negeri Selangor boleh diambil tindakan undang-undang. Akan tetapi tidak kelihatan penguatkuasaan fatwa ini dilaksanakan di negeri Selangor.
5. Undang-undang moral juga bersikap berat sebelah, iaitu ringan kepada kaum lelaki tetapi berat kepada kaum wanita.
6. Undang-undang moral, daripada pewartaannya sehingga kepada penguatkuasaannya, hanya membazir duit para pembayar cukai (*tax payers' money*).

**Analisa:**

Poin-poin yang membentuk dasar di atas akan dianalisa dalam bentuk poin juga:

**Pertama:**

Dalam Islam, persoalan moral sememangnya menjadi urusan dan tanggungjawab pemerintah. Persoalan moral termasuk dalam ruang lingkup *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar* yang telah digariskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan kepada mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh melakukan kebaikan serta melarang daripada melakukan kemungkaran. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*** [al-Hajj 22:41]

**Kedua:**

Dipersetujui bahawa iman adalah sesuatu yang tidak boleh dipaksa. Ia diterap ke dalam diri seseorang melalui pendidikan. Akan tetapi pendidikan sahaja tidak mencukupi kerana manusia dikenali mudah bersifat leka dan sering cenderung kepada bisikan syaitan dan hawa nafsunya. Oleh itu iman bukan sahaja dididik tetapi juga dikawal agar ia sentiasa tersemat kemas dalam diri orang yang memilikinya.

Perkara ini dapat diperhatikan dalam sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Salah satu daripadanya ialah kes pengharaman arak. Arak tidak

diharamkan secara terus melainkan terlebih dahulu diterangkan secara hikmah kepada masyarakat bahawa ia bukanlah sesuatu yang bermanfaat. Ayat yang pertama berkenaan pengharaman arak hanya berbunyi:

***Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah "Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosanya lebih besar dari manfaatnya."*** [al-Baqarah 2:219]

Setelah turunnya ayat di atas dan umat Islam dapat menerima kesalahan meminum arak, barulah turun ayat yang mengharamkannya:

***Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk yang merupakan perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keuntungan.*** [al-Maidah 5:90]

Pengharaman arak tidak sekadar membacakan ayat di atas kepada orang ramai tetapi digandingi dengan perlaksanaan *Amar Ma'ruf* dan *Nahi mungkar*. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad – hadis no: 5390 dan dinilai *hasan* oleh Syaikh Syu'aib al-Arna'uth, 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* menerangkan bahawa ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedang berjalan-jalan, baginda ternampak satu karung kulit tergantung yang berisi arak. Lantas baginda meminta sebilah pisau dan terus membelah karung tersebut (dan menumpahkan isinya). Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* juga melaporkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim *Shahihnya*

– hadis no: 1980, apabila para sahabat mengetahui tentang pengharaman arak (berdasarkan ayat 90 surah al-Maidah), mereka terus memecah dan menumpahkan bekas-bekas arak yang masih mereka miliki.

Di Malaysia, minum arak dan pelbagai keburukan moral yang lain sudah diketahui ramai. Ini kerana pendidikan tentang keburukan-keburukan moral telah diterapkan kepada semua sejak kecil. Oleh itu faktor “pendidikan” bukanlah syarat bagi perlaksanaan *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar* di Malaysia. Ia tetap dilaksanakan ke atas setiap individu tanpa mengambil kira samada dia mengetahui atau tidak tentang kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Jika individu tersebut sudah mengetahuinya, maka usaha *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar* tersebut menjadi peringatan kepadanya. Seandainya individu tersebut belum mengetahuinya, maka usaha *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar* tersebut menjadi pengetahuan yang baru baginya.

Dakwaan bahawa moral yang baik hanya diterapkan melalui pendidikan adalah dakwaan yang tidak berpijak pada bumi yang nyata. Ini kerana moral yang baik tidak akan tercapai dengan pendidikan semata-mata. Ia tetap perlu digandingi dengan penguatkuasaan undang-undang. Sebagai contoh, para pemandu dididik terlebih dahulu dengan cara memandu yang betul lagi selari dengan peraturan jalan raya. Setelah lulus, mereka juga sering diingatkan melalui media akan kepentingan memandu dengan betul lagi selari dengan peraturan jalan raya. Akan tetapi semua ini tidak mencukupi. Penguatkuasaan oleh pihak polis adalah tetap perlu kerana hampir setiap saat kita menemui pemandu yang

memandu secara bahaya dan melanggar peraturan jalan raya.

Demikianlah juga dengan tingkah laku moral. Pendidikan sahaja adalah tidak mencukupi melainkan perlu digandingi dengan penguatkuasaan *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar*.

**Ketiga:**

Diakui bahawa undang-undang moral yang diwartakan memiliki beberapa kelemahan di dalamnya. Sekalipun apa yang baik dan apa yang buruk dalam Islam telah ditentukan lebih 1400 tahun yang lalu, proses mewartakannya sebagai satu undang-undang di Malaysia masih berada di tahap yang awal, masih jauh dari tahap kematangan. Dalam suasana sebegini, boleh dijangkakan wujud beberapa kelemahan.

Berbeza dengan undang-undang sivil, ia telah mencapai tahap kematangan kerana proses mewartakannya bermula beberapa abad yang lalu di negara-negara Barat. Apabila undang-undang sivil ini pertama kali digubal dan diwartakan di negara-negara Barat, ia juga memiliki pelbagai kekurangan di dalamnya. Akan tetapi hasil usaha sama semua pihak, khasnya para peguam mereka, undang-undang tersebut dapat disempurnakan sehingga mencapai tahap kematangan yang tinggi. Apabila ia diterapkan ke atas umat Islam di Malaysia, ia hanya perlu mengalami sedikit pengubah-suaian.

Salah satu punca kelemahan dalam proses mewartakan undang-undang Islam di Malaysia ialah banyaknya orang yang menentang dan memandang

rendah terhadapnya. Lebih memberatkan, yang bersikap demikian tidak sekadar orang bukan Islam tetapi orang Islam itu sendiri. Contoh yang terbaik ialah para tokoh aliran Islam Liberal, khasnya para peguam mereka. Para peguam ini tidak memainkan peranan untuk membantu menyempurnakan proses mewartakan undang-undang Islam, tetapi justeru bertindak aktif dalam mempersoal, mengkritik dan meremehkannya. Seandainya semua peguam Islam bekerjasama, pasti undang-undang Islam akan mencapai tahap kematangan yang tinggi melebihi undang-undang sivil.

**Keempat:**

Dalam Islam, penguatkuasaan undang-undang moral tidak terletak pada bahu pihak polis, tetapi pada bahu umat Islam itu sendiri. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*** [al-Taubah 9:71]

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 49, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya (mencegah dan menghentikannya) dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya. Jika dia masih tidak mampu (maka ubahlah) dengan hatinya (dengan membencinya), yang sedemikian adalah selemah-lemah iman.*

Perhatikan dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* meletakkan tanggungjawab mengubah, mencegah dan menghentikan kemungkaran kepada sesiapa jua yang melihat kemungkaran tersebut, tanpa dibataskan kepada pihak polis dan pemerintah sahaja.

Adapun kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang moral, ia berpunca daripada beberapa faktor, antaranya:

1. Kurangnya kesedaran umat Islam tentang kewajipan mereka melakukan *Amar ma'ruf dan Nahi mungkar*.
  2. Kurangnya kemampuan pihak berwajib, sama ada dari sudut kakitangan, peralatan dan mandat, untuk melaksanakan penguatkuasaan.
  3. Banyaknya kritikan daripada pihak lain seandainya dilaksanakan penguatkuasaan undang-undang moral.

Terhadap faktor ketiga di atas, terdapat dua poin menarik yang dapat

ditarik:

1. Merupakan satu keanehan apabila kita membaca kritikan tentang kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang moral. Bukankah jika undang-undang tersebut dikuatkuasakan, ia juga akan dikritik oleh yang mengkritik?
2. Turut menjadi keanehan ialah kritikan tidak adanya penguatkuasaan fatwa haram merokok di negeri Selangor. Padahal jika dibanding pada sudut yang lain, merokok juga dilarang di stesen-stesen minyak. Malah di stesen-stesen itu juga ditampal pelekat "Dilarang merokok", diikuti dengan amaran "Denda RM5000 atau Penjara 2 tahun". Akan tetapi pernahkah sesiapa yang melihat pihak polis mengawasi stesen-stesen minyak?

**Kelima:**

Adapun anggapan undang-undang moral bersikap berat sebelah, iaitu ringan kepada kaum lelaki tetapi berat kepada kaum wanita, ia dapat diimbangi semula berdasarkan salah satu atau kedua-dua daripada pemberat berikut:

1. Ia merupakan salah satu daripada kelemahan undang-undang moral yang perlu diperbaiki. Ini sebagaimana yang diterangkan dalam poin ketiga di atas.
2. Ia bukan bersikap berat terhadap wanita tetapi selari dengan keperluan wanita. Ini kerana wanita adalah lebih istimewa daripada lelaki sehingga keistimewaan tersebut memerlukan perhatian yang lebih tinggi. Wanita

juga memiliki peranan yang amat besar, iaitu melahirkan generasi pelapis yang bakal memelihara dan memimpin Islam, umat dan negara. Justeru wanita memerlukan keprihatinan yang lebih tinggi berbanding lelaki agar mereka dapat memainkan peranan tersebut dengan sebaik-baiknya. Selain itu wanita lebih mudah menjadi mangsa berbanding lelaki terhadap pelbagai keburukan moral yang berlaku di sekelilingnya. Oleh itu prioriti diberikan kepada wanita dalam rangka melindungi mereka daripada terkesan dengan keburukan di sekeliling mereka.

Apabila disebut "selari dengan keperluan wanita", yang dimaksudkan adalah keselarian pada ukuran Islam, bukan pada ukuran Barat yang sebenarnya "menelanjangkan wanita" di atas label "memerdekaan wanita".

**Keenam:**

Tidak ada yang mendakwa undang-undang moral membazir duit para pembayar cukai kecuali mereka yang berpemikiran yang amat terbantut. Ini kerana undang-undang moral menjamin kebaikan rakyat dan negara, sekali gus belanjawan duit para pembayar cukai. Paling kurang ini dapat diperhatikan daripada dua sudut:

1. Banyak duit para pembayar cukai digunakan untuk menguatkuasakan undang-undang jenayah. Kemudian duit para pembayar cukai juga digunakan untuk "menyara" penjenayah daripada perbicaraan di mahkamah sehingga kehadiran hukuman di penjara. Seorang manusia tidak berubah menjadi penjenayah secara tiba-tiba melainkan ia bermula


secara bertahap-tahap. Di antara tahap yang awal ialah tingkah laku moral yang buruk. Justeru menangani tingkah laku moral yang buruk sejak dari awal lebih menjimatkan duit para pembayar cukai daripada menangani tingkah laku jenayah pada akhirnya.

2. Sekalipun tidak semua pelaku moral yang buruk akan berakhir sebagai penjenayah, ia tetap membawa kerugian kepada duit para pembayar cukai. Ini kerana moral yang buruk selalunya sinonim dengan individu yang malas, tidak berdisiplin lagi tidak berwawasan. Semua ini akan menyebabkan negara terpaksa menggunakan duit para pembayar cukai pada jumlah yang lebih untuk mencapai sesuatu objektif.

Dalam Islam, undang-undang moral memiliki kepentingan yang sangat tinggi kepada rakyat dan negara. Kepentingan ini tidak hanya pada para pelaku moral yang buruk tetapi juga kepada orang-orang yang beristiqamah dengan moral yang baik. Kepentingan ini juga tidak hanya untuk masa kini tetapi untuk masa akan datang, khasnya dalam rangka melahirkan generasi pelapis. Ini kerana moral yang baik menjamin kebaikan kepada semua pihak sementara moral yang buruk mengakibatkan keburukan kepada semua pihak juga.

Semua kepentingan ini telah digambarkan dengan sebegini indah oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

!! !! !!!!!!! !! !!!!!!! !!!!!!! !! !!!!!!! !! !!!!!!! !! !!!!!!! !!



*Perumpamaan orang yang menegakkan perintah Allah (Amar ma'ruf dan Nahi mungkar termasuk perintah Allah) dan orang yang jatuh ke dalam larangan Allah ialah seperti satu kaum yang mengundi untuk mendapat tempat di dalam sebuah kapal. Sebahagian daripada mereka mendapat tempat di tingkat atas manakala sebahagian lagi pada tingkat bawah. (Ketika dalam pelayaran), apabila orang di tingkat bawah inginkan air, mereka terpaksa pergi meminta kepada orang yang berada pada tingkat atas.*

*Lalu mereka (yang berada di tingkat bawah) berkata: "Jika kita membuat lubang pada tingkat ini nescaya kita tidak perlu lagi meminta daripada orang di atas kita."*

*Jika (mereka yang berada di tingkat atas) membiarkan mereka (orang di tingkat bawah) melakukan apa yang mereka hendaki (melubangkan kapal), pasti semuanya akan musnah (tenggelam). Sebaliknya jika mereka (yang berada di tingkat atas) menahan dengan tangan mereka (rancangan melubangkan kapal), pasti mereka (yang di tingkat atas) akan selamat dan akan selamat juga semuanya (termasuk*

**(di tingkat bawah).** [Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya* – hadis no: 2493]

Atas dasar inilah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa umat Islam akan menjadi “umat terbaik” apabila kita semua melaksanakan *Amar ma'ruf* dan *Nahi mungkar*:

**Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran, serta kamu pula beriman kepada Allah.** [Ali Imran 3:110]

### **Dasar Ketiga: Menyelaraskan rukun-rukun keimanan dengan arus semasa.**

Akhirnya kertas kerja tersebut menekankan bahawa umat Islam masa kini memiliki satu cabaran yang hebat, iaitu bagaimana untuk menyelaraskan rukun-rukun keimanan kita (*reconcile the tenets of our faith*) kepada cabaran kemodenan, kepelbagaian dan perubahan semasa. Termasuk daripada cabaran ini ialah bagaimana seharusnya kita umat Islam menentukan ciri-ciri moral yang selari secara universal dengan nilai-nilai demokrasi (kesepakatan orang ramai), hak kemanusiaan dan hak wanita, serta di manakah kedudukan Islam terhadap nilai-nilai moral yang sentiasa berubah di dalam dunia yang serba moden ini?

**Analisa:**

Di atas bukanlah cabaran tetapi masalah yang dihadapi oleh tidak sedikit daripada umat Islam masa kini. Masalah tersebut ialah bersifat "mengalah" kepada arus semasa. Pemikiran yang "mengalah" ini lahir daripada kehinaan yang wujud dalam diri seorang muslim dan mukmin, hasil daripada kesan penjajahan pada masa lalu dan sifat ketinggalan pada masa kini yang dihadapi oleh umat Islam. Ini sebagaimana yang saya terangkan sebelum ini dalam risalah *Membongkar Aliran Islam Liberal*.

Perasaan hina tersebut amatlah berat sehingga dianggap jalan keluar bukan sekadar "menafsirkan semula Islam" tetapi "menyelaraskan rukun-rukun keimanan" kepada arus semasa. Sungguh, ini tidak akan membawa kepada kemuliaan tetapi justeru kehinaan yang lebih buruk.

Oleh itu apa yang ditekankan dalam *Dasar Ketiga* di atas bukanlah cabaran hebat yang dihadapi oleh umat Islam. Cabaran hebat yang sebenar ialah menterjemahkan kedua-dua firman Allah berikut ini:

***Dia-lah (Allah) yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Islam), supaya Dia meninggikannya (Islam) atas segala agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang hal itu).*** [al-Fath 48:28]

***Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Islam) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu menjadi orang yang memberi***

***keterangan kepada umat manusia (yang lain tentang benar dan salah) dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*** [al-Baqarah 2:143]

Cabaran yang pertama, sebagaimana ayat 28 surah al-Fath, ialah membuktikan Islam sebagai agama yang tertinggi di atas segala agama lain. Sifat "tinggi" yang dimaksudkan bukan sahaja dari sudut ketenteraan tetapi juga dari sudut kepimpinan yang mampu memimpin manusia ke arah kemuliaan, kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan yang jauh lebih baik daripada apa-apa agama mahupun doktrin ciptaan manusia.

Cabaran yang kedua ialah kita sebagai orang muslim dan mukmin perlu memainkan peranan untuk meninggikan agama Islam dengan menjadikannya pemimpin kepada arus semasa. Kita, bukan apa dan sesiapa lain, yang sepatutnya menerangkan apa yang baik dan apa yang buruk. Dengan itu juga cabaran-cabaran kemodenan, kepelbagaian, perubahan semasa, moral yang baik dan buruk, hak kemanusiaan dan hak wanita patut diselaraskan kepada nilai-nilai Islam dan bukan sebaliknya.

Hanya apabila kita melaksanakan dua cabaran di atas, kita layak menggelar diri kita seorang muslim dan mukmin. Justeru saya mengingatkan diri saya dan semua para pembaca agar tidak dengan mudah berkata "*I speak from the perspective of a Muslim, a believer, .....*". Ini kerana menggelar diri sebagai seorang muslim memiliki tanggungjawab yang amat berat.

Ciri-ciri seorang muslim adalah dia menjadikan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai saksi yang menerang apa yang benar dan apa yang salah berdasarkan risalah Islam yang dibawa oleh baginda. Seterusnya berdasarkan risalah Islam tersebut, seorang muslim menjadi saksi yang menerangkan kepada manusia yang lain tentang apa yang benar dan apa yang salah. Di samping itu seorang muslim juga mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat tahunan. Kemudian apabila mereka berhadapan dengan sesuatu masalah atau cabaran, mereka tidak mencari jalan penyelesaian yang lain kecuali berpegang teguh kepada jalan Allah. Ini dilakukan oleh seorang muslim kerana mereka menyakini bahawa Allah sahajalah yang merupakan sebaik-baik pelindung dan pemberi pertolongan.

Semua sifat dan tanggungjawab seorang muslim sepetimana di atas telah diperincikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

***Allah menamakan kamu "al-Muslimin" semenjak dahulu dan di dalam (Al-Quran) ini, supaya Rasulullah menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu dan supaya kamu pula menjadi saksi yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang benar dan salah). Oleh itu dirikanlah sembahyang dan berilah zakat serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dia-lah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifat-Nya) Dia-lah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.*** [al-Hajj 22:78]

**Kesimpulan:**

Sama-sama dapat kita perhatikan bahawa dasar-dasar yang kita analisa di atas amat berjauhan – malah bercanggah – dengan dasar-dasar al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ia juga tidak dapat diterima oleh pemikiran yang sihat lagi adil. Semua ini menimbulkan satu persoalan, dari manakah munculnya dasar-dasar tersebut?

Wujud satu kemungkinan.

Forum *Enforcing Public Morality* dianjurkan oleh *Liberal Forum Malaysia* dan *Friedrich Naumann Foundation*. Adalah selamat untuk dikatakan bahawa *Friedrich Naumann Foundation* adalah pengajur utama forum tersebut. Ini kerana nama pertubuhan ini tercatit dengan besar di belakang pentas forum. Lebih dari itu, *Friedrich Naumann Foundation* turut memberi liputan teks dan bergambar kepada forum tersebut. Teks dan gambar tersebut boleh dirujuk di: (<http://www.fnfmalaysia.org/Campaign/276>). Timbul persoalan: Apa dan siapa *Friedrich Naumann Foundation*?

*Friedrich Naumann Foundation* adalah sebuah pertubuhan liberal yang diasaskan di negara Jerman pada tahun 1958. Dasar-dasar pertubuhan ini telah dinyatakan secara padat dalam satu perenggan di laman web mereka sebagai:

The Friedrich Naumann Foundation is committed to liberalism. Liberalism, in the classic European sense of the word, calls for the advancement of individual freedom. It requires the strengthening of democratic structures, the reduction

of state interventionism, the advocacy of decentralization and privatization, the cutting of existing state regulations and of bureaucratic red tape in our daily lives. [<http://www.fnstusa.org/Startpage.htm>]

*Friedrich Naumann Foundation* juga memiliki minat yang mendalam tentang hal ehwal umat Islam, khasnya dalam menafsirkan semula Islam mengikut arus semasa. Antara lain sila rujuk artikel-artikel mereka di dua link berikut:

[http://www.fnfmalaysia.org/Human\\_Right\\_Islam\\_Resouces/225](http://www.fnfmalaysia.org/Human_Right_Islam_Resouces/225)

[http://www.fnst.org/africa\\_news\\_archive/News/gershman.htm](http://www.fnst.org/africa_news_archive/News/gershman.htm)

Kembali kepada dasar-dasar pertubuhan *Friedrich Naumann Foundation*, mungkinkah "kebebasan individu adalah melalui pengukuhan struktur demokrasi" yang dimaksudkan sewarna dengan "kebebasan tingkah laku moral melalui kesepakatan orang ramai"? Mungkinkah "pengurangan kawalan negara, undang-undang atau badan tertentu terhadap kebebasan individu" yang dimaksudkan secorak dengan "isu moral bukanlah urusan pemerintah atau undang-undang"? Mungkinkah "*liberalism*" yang dimaksudkan senafas dengan "menyelaraskan rukun-rukun keimanan dengan arus semasa"?

Saya menyerahkan persoalan-persoalan di atas kepada kajian dan analisa para pembaca sekalian. Yang jelas, *Friedrich Naumann Foundation* bukan sekadar pengajur kepada forum *Enforcing Public Morality*. Ini dapat diperhatikan dalam kesimpulan mereka dalam liputan terhadap forum tersebut:

However, the different positions among the discussants also made it very clear that the desired unity among the Muslim faithful does not exist and that there is no consensus in the Muslim community on the moral laws called upon by PAS. This refutes their claim to represent the umma. Even less, of course, can they represent those members of society, who do not follow the Muslim faith. [http://www.fnfmalaysia.org/Campaign/276]

Saya mengakhiri penulisan ini dengan sekali lagi mengingatkan diri saya dan para pembaca sekalian agar tidak dengan mudah berkata "*I speak from the perspective of a Muslim, a believer, a feminist and an activist who believes that Islam is just, that God is just.*" Jika kita benar-benar beriman bahawa Islam adalah adil dan Allah adalah Maha Adil, maka buktikanlah ia dengan menjadikan Islam sebagai jalan yang memberi penyelesaian terhadap pelbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam masa kini.

Islam yang saya maksudkan bukan Islam versi tertentu atau yang dicedok dari sumber asing, tetapi Islam yang diredhai oleh Allah yang Maha Adil. Kita tidak akan mengetahui apa dan bagaimana Islam yang diredhai oleh Allah melainkan kita merujuk kepada kitab-Nya, yakni al-Qur'an dan tunjuk ajar Rasul-Nya, yakni Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Merujuk kepada al-Qur'an bukanlah dengan menyelaraskan al-Qur'an kepada arus semasa tetapi menyelaraskan arus semasa kepada al-Qur'an. Ini berdasarkan tunjuk ajar Rasul-Nya, Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*:

!!!! !!!!•!! ♫! !!!!!!!!!!!!!!! !! !•!! !!!! !!!!•!! !!!! !!!! !!!!

*Al-Qur'an adalah syafa'at yang diterima dan penghujah yang dibenarkan. Sesiapa yang meletakannya di hadapan maka ia (al-Qur'an) akan memimpinnya ke surga dan sesiapa yang meletakannya di belakang ia akan menolaknya ke neraka.* [Diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan al-Thabarani, sanadnya dinilai jayyid (baik) oleh Syaikh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 2019.]

**Pakaian Muslimah Bertaqwa**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Apabila ditanya kepada seorang aktivis wanita Islam ala Barat: "Kenapakah anda tidak memakai tudung?" Jawapan yang diberikan adalah: "Pakaian yang dituntut dalam Islam adalah taqwa!", merujuk kepada ayat 26 surah al-A'raaf:

**"Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya."**

Memandangkan sifat taqwa letaknya pada rohani seseorang, maka apa yang dipakai pada jasmaninya tidak perlu dipersoalkan.

Kefahaman seperti ini memang merupakan asas kepada aliran *Islam Liberal* dalam bab berpakaian. Kita menjawab, benar bahawa sifat taqwa letaknya pada rohani seseorang. Akan tetapi bagi manusia, apa yang terletak pada rohaninya akan terpancar pada jasmaninya. Orang yang memiliki rohani yang bertaqwa akan terpancar pada jasmaninya sifat-sifat yang membuktikan ketaqwaan tersebut. Sebagai contoh, orang yang bertaqwa akan sentiasa mengeluarkan kata-kata yang tepat lagi benar, selari dengan ketaqwaannya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan**

**katakanlah perkataan yang tepat lagi benar.”** [al-Ahzab 33:70]

Demikian juga kaitannya antara rohani yang bertaqwah dan pakaian jasmani seorang muslimah. Ketaqwaan seorang muslimah akan menyebabkan jasmaninya terpancar dengan pakaian yang ciri-cirinya menepati perintah larangan Allah dan Rasul-Nya. Adapun pakaian yang belum menepati ciri-ciri tersebut, maka mungkin ia disebabkan oleh tahap ketaqwaan yang rendah. Mungkin juga, ia disebabkan kejahilan atau salah faham dalam mengetahui apakah ciri-ciri tersebut. Risalah ini *insya-Allah* akan memberi tumpuan kepada kemungkinan kedua. Kita mulakan dengan ciri-ciri yang pertama:

**Ciri Pertama: Bukan merupakan pakaian yang meraih kemasyhuran.**

Ciri pertama pakaian muslimah yang bertaqwa adalah pada tujuannya, iaitu ia tidak dipakai demi meraih kemasyhuran. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!! !!!!!!!

**"Sesiapa yang memakai pakaian demi kemasyhuran maka Allah akan memakaikannya pada hari Kiamat yang semisal, kemudian membakarnya di dalam pakaian tersebut dengan api neraka."**

[Diriwayatkan oleh Abu Daud dan dinilai hasan oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 4029]

Tidak bertujuan meraih kemasyhuran bukanlah bermakna seorang muslimah tidak boleh memakai pakaian yang baru, kemas, berwarna dan indah. Ini kerana ukuran dalam ciri pertama ini ialah tujuan pemakaian dan bukan apa yang dipakai. Adakalanya seseorang itu turut mencari kemasyhuran dengan memakai pakaian yang buruk, robek dan kelihatan selekeh. Kemasyhuran yang dicarinya adalah mengharapkan pujian daripada orang ramai bahawa kononnya dia memiliki sifat zuhud. Ini juga adalah tujuan pemakaian yang dilarang. Diriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa dilarang meraih dua bentuk kemasyhuran dalam berpakaian, yang pertama adalah memakai pakaian yang baik demi menarik perhatian orang atau keduniaan, yang kedua adalah memakai pakaian yang buruk demi menarik perhatian kepadanya. [Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *al-Sunan al-Kubra* – hadis no: 6102 dengan sanad yang lemah, dikemukakan sebagai penjelasan dalam bab ini]

**Ciri Kedua: Tidak menyerupai pakaian kaum bukan Islam.**

Kita umat Islam dilarang daripada menyerupai kaum bukan Islam dan ini termasuklah dalam ciri-ciri berpakaian. Abdullah bin Amr bin al-'Ash *radhiyallahu anhu* berkata:

*Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melihat saya memakai dua buah kain yang berwarna "Ushfur", maka baginda bersabda: "Sesungguhnya ini adalah daripada pakaian orang-orang kafir maka janganlah memakainya."* [Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Shahihnya – hadis 2077].

Terdapat beberapa sebab mengapa Islam melarang umatnya daripada menyerupai kaum bukan Islam dalam apa jua bentuk penampilan jasmani:

1. Penampilan jasmani mencerminkan identiti seseorang, sekali gus mencerminkan apa yang dibanggakannya. Justeru itu kita jarang-jarang melihat orang bukan Islam ingin berpakaian seperti orang Islam, disebabkan kebanggaan mereka dalam memelihara identiti tersendiri dan pandangan mereka yang hina kepada Islam. Sebaliknya kita melihat orang Islam suka berpakaian seperti orang bukan Islam, malah berbangga-bangga dengan pakaian tersebut. Ini amat menggembirakan orang bukan Islam kerana ia menandakan betapa umat Islam memandang hina terhadap diri sendiri dan mencari kemuliaan di sisi mereka.
2. Penampilan jasmani adalah salah satu faktor yang menjalin perhubungan di antara dua orang yang saling tidak berkenalan. Contohnya dua orang polis daripada lokasi yang berlainan, apabila berjumpa di satu tempat akan saling menegur. Faktor yang menggerakkan perhubungan antara mereka adalah pakaian seragam yang hampir mirip. Demikian juga, apabila dua orang muslimah yang tidak saling mengenali berjumpa, faktor yang akan

menghubungkan mereka adalah pakaian bercirikan Islam yang mereka kenakan.

3. Penampilan jasmani mencerminkan kecenderungan hati kepada apa yang diminati dan dikasihinya. Orang yang minat kepada pasukan bolasepak pilihannya akan gemar untuk memakai baju jersi pasukan tersebut. Orang yang kasih kepada penyanyi tertentu akan berusaha untuk berfesyen sebagaimana penyanyi tersebut. Demikian juga, seorang muslimah yang cenderung kepada orang bukan Islam akan cenderung untuk berpakaian seperti mereka. Kecenderungan seperti ini adalah sesuatu yang dilarang oleh Islam kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

**"Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya."** [al-Mujadilah 58:22]

4. Penampilan jasmani adalah salah satu faktor yang mempengaruhi akhlak dan perbuatan. Contohnya, orang yang mengenakan pakaian para ahli ilmu akan memiliki kecenderungan untuk berakhlak dan bertindak sebagai seorang ilmuan. Orang yang mengenakan pakaian ketenteraan akan memiliki kecenderungan untuk berakhlak dan bertindak sebagai seorang tentera. Demikian juga, seorang muslimah yang mengenakan pakaian orang bukan Islam akan memiliki kecenderungan untuk berakhlak dan bertindak seperti orang bukan Islam. Ini akhirnya akan menjerumuskan dirinya ke dalam akhlak dan perbuatan yang lazim dilakukan oleh orang

bukan Islam yang sebenarnya haram di sisi Islam.

Oleh itu hendaklah seorang muslimah berusaha menjauhkan diri daripada berpenampilan seperti orang bukan Islam. Dalam suasana globalisasi sekarang ini, perintah ini adakah sukar untuk dilaksanakan sepenuhnya. Maka laksanakanlah sekadar mampu, lakukanlah perbezaan sekalipun dengan kadar yang minima.

#### **Ciri Ketiga: Tidak menyerupai kaum lelaki.**

Selain daripada pakaian yang tidak menyerupai orang bukan Islam, seorang muslimah juga dituntut untuk berpakaian yang tidak menyerupai kaum lelaki. 'Abd Allah ibn 'Abbas *radhiyallahu anhu* berkata:

!! !!! !! !<sup>â</sup> !!!!! !! !!!!! !! !<sup>â</sup> !! !!!!! !! !!!!! !! !!!!! !! !!!!! !! !!!!!

!! !!!!! !<sup>â</sup> !!!!!

**"Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki."** [Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya* – hadis no: 5885]

Hikmah larangan adalah kerana pakaian merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi akhlak dan perbuatan seseorang. Apabila seorang muslimah berpakaian seperti lelaki, dia akan cenderung untuk berakhlak dan bertindak sebagai seorang lelaki. Ini akan menyebabkan berlakunya kesongsangan dalam

peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita. Lebih dari itu, sebahagian daripada peranan kaum lelaki adalah tidak sesuai dengan fizikal kaum wanita sehingga akhirnya menimbulkan mudarat kepadanya.

**Ciri Keempat: Tidak jarang kainnya.**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

!! !!!!!! !!! !! !AE!!! !!!!!! !!! !!! !!! !!

**"Pada akhir umatku nanti akan ada wanita yang berpakaian tetapi sebenarnya telanjang."** [Diriwayatkan al-Thabarani dan sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Kitab wa al-Sunnah* (Dar al-Salam, 2002), ms. 125]

Maksud Rasulullah dalam hadisnya di atas adalah wanita yang mengenakan pakaian yang jarang kainnya sehingga menampakkan tubuh badan mereka di sebaliknya. Justeru sekalipun mereka berpakaian, mereka sebenarnya tetap telanjang. Oleh itu dalam memilih sesuatu pakaian, hendaklah diperhatikan agar kainnya tidak jarang atau nipis.

**Ciri Kelima: Tidak menampakkan bentuk badan.**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah memberikan sehelai pakaian

*Quthbiyah* yang tebal kepada sahabatnya, Usamah bin Zaid *radhiyallahu 'anh*. Usamah kemudiannya memakaikannya kepada isterinya. Melihat yang sedemikian, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan kepada beliau:

!!!!!! !!!! ! ! !y!!! !! !!! !!!•!!! !!! !! !y!!! !y!!!!!!

**"Suruhlah beliau memakai baju dalam di sebaliknya kerana aku bimbang ia menggambarkan bentuk tulangnya."** [Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Baihaqi, sanadnya dinilai hasan oleh al-Albani di dalam *al-Tsamar al-Mustathab fi Fiqh al-Sunnah wa al-Kitab* (Muassasah Ghiras, Kuwait, 1422H), jld. 1, ms. 318]

Perhatikan bahawa sekalipun pakaian *Qubthiyah* adalah tebal, Rasulullah tetap menyuruh agar dipakai baju dalam di sebaliknya. Hal ini mungkin disebabkan oleh saiz badan isteri Usamah yang besar atau sifat pakaian *Quthbiyah* yang mudah melentur mengikuti bentuk badan orang yang memakainya. Berdasarkan hadis ini, hendaklah seorang muslimah mengenakan pakaian yang dapat menghindari daripada menampakkan bentuk badannya semampu mungkin, seperti memakai baju dalam, baju tambahan di luar, pakaian yang longgar atau pakaian yang diperbuat daripada kain yang tidak mudah mengikut bentuk badan.

**Ciri Keenam: Tidak mengenakan wangian pada pakaian.**

Dilarang bagi seorang muslimah untuk sengaja memakai wangi-wangian agar dapat dihidu oleh kaum lelaki. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:



**"Sesiapapun wanita yang memakai wangian lalu dia melintas di hadapan lelaki supaya mereka dapat menghidu kewangiannya, dia adalah penzina."** [Diriwayatkan oleh al-Nasai dan dinilai hasan oleh al-Albani di dalam Shahih Sunan al-Nasai – hadis no: 5141]

Larangan ini tidak membezakan sama ada wangian tersebut dikenakan di atas badan atau pakaian. Dikatakan "penzina" adalah kerana wangi-wangian yang dikenakan oleh wanita adalah salah satu faktor yang menaikkan berahi kaum lelaki sehingga akhirnya menyebabkan perzinaan, sama ada secara rela atau paksa. Walaubagaimanapun hadis ini tidaklah melarang seorang muslimah daripada menjaga dirinya daripada berbau busuk. Oleh itu dibolehkan, malah dianjurkan, untuk menjaga keharuman diri dengan sabun mandian atau semburan badan yang bersifat menahan peluh (*anti perspirant*) atau bau busuk (*deodorant*).

**Ciri Ketujuh: Menutupi tubuh badan kecuali apa yang zahir.**

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**"Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka."**

[al-Nur 24:31] Terdapat beberapa penjelasan yang penting daripada ayat di atas:

Pertama:

Firman Allah: "...**katakanlah...**" bukanlah bererti ia adalah satu suruhan yang sunat atau ringan hukumnya, tetapi suruhan yang membawa kepada perintah wajib. Ini sebagaimana firman Allah: "**Katakanlah: (Tuhanku ialah Allah Yang Satu.**" [al-Ikhlas 112:1]. Ayat ini tidaklah bererti mengesakan Allah sebagai Tuhan yang Satu adalah sunat kerana mengesakan Allah sebagai Tuhan yang Satu adalah kewajipan agama yang paling asas.

Kedua:

Firman Allah: "...**kepada wanita-wanita yang beriman...**" menunjukkan bahawa perintah ini ditujukan kepada semua wanita beriman tanpa membezakan tempat dan zaman. Ini membantalkan dakwaan *Islam Liberal* yang menganggap pakaian yang menutupi badan

hanya untuk wanita yang hidup 1400 tahun yang lalu di padang pasir.

Ketiga:

Firman Allah: "...**janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka...**" adalah satu larangan yang bersifat umum, bererti seorang muslimah dilarang daripada memperlihatkan tubuh badan mereka. Ini kerana tubuh badan wanita adalah satu "perhiasan" yang istimewa dan apa jua perhiasan yang memiliki nilai yang tinggi maka lazimnya ia tertutup demi memelihara keistimewaannya. Perhatikan bagaimana emas dan berlian tertutup di bawah tanah, mutiara tertutup dalam cengkerangnya di dalam lautan dan minyak tertutup di dalam lapisan bumi. Perhatikan juga bahawa di antara deria-deria manusia seperti mata, telinga dan hidung, hanya mata yang memiliki kelopak yang menutupinya manakala deria lain dibiarkan terdedah. Ini tidak lain menunjukkan bahawa mata adalah deria yang paling istimewa sehingga perlu ditutupi.

Selain itu seorang muslimah yang "menutup perhiasan" badannya akan mudah dikenali sebagai wanita yang baik dan lebih terpelihara daripada gangguan orang lain. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka**

*dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi." [al-Ahzab 33:59]*

Keempat:

Keumuman larangan di atas telah diberikan pengecualian, iaitu dengan firman Allah: "**...kecuali yang zahir daripadanya.**" Terdapat dua kefahaman di kalangan para ilmuan Islam tentang apa yang dimaksudkan dengan pengecualian di atas:

1. Yang dimaksudkan dengan "zahir" adalah bentuk badan seorang wanita dimana sekalipun dengan pakaian yang menutupi keseluruhan badan dan muka, seorang wanita tetap dapat dikenali disebabkan oleh susuk badan mereka. Maka ini dikecualikan kerana ia adalah sesuatu yang memang sukar untuk dielakkan. Berdasarkan kefahaman ini, ayat 31 surah al-Nisaa' dijadikan dalil bahawa seorang muslimah wajib menutupi seluruh badannya termasuk muka.
2. Yang dimaksudkan dengan "zahir" adalah apa yang kelihatan daripada beberapa anggota yang lazimnya terdedah bagi membolehkan seorang muslimah melaksanakan tugasnya yang ditetapkan oleh syari'at Islam. Anggota tersebut ialah muka dan tangan di bawah pergelangannya. Sebahagian lain menambah bahagian di bawah buku lali kakinya. Berdasarkan kefahaman ini, ayat 31 surah al-Nur juga dijadikan dalil bahawa seorang muslimah wajib menutupi seluruh badannya kecuali

apa yang perlu untuk tugasnya yang ditetapkan oleh syari'at.

Sekalipun terdapat dua kefahaman, wilayah perbezaan di antara kedua-duanya adalah amat kecil. Kedua-dua pihak memiliki hujah dan di sini penulis mengambil sikap berlapang dengan berkata bahawa kedua-duanya adalah benar. Seorang muslimah boleh memilih salah satu daripada pendapat tersebut. Pada waktu yang sama hendaklah dia menghormati muslimah lain yang memilih pendapat yang berbeza daripadanya.

Kelima:

Sebelum turunnya ayat 31 surah al-Nur, sebahagian wanita pada zaman tersebut ada yang memakai tudung kepala. Akan tetapi tudung tersebut dilepaskan ke belakang badan mereka. Maka Allah membentulkan cara pakaian tersebut dengan firman-Nya: "**...hendaklah mereka menutup dada dengan tudung kepala mereka**", yakni hendaklah ia dilepaskan ke hadapan badan mereka. Tidak sekadar itu, ia juga hendaklah dilabuhkan sehingga menutupi ke bawah dada mereka.

Demikian tujuh ciri-ciri pakaian bagi seorang muslimah yang bertaqwa. Sekali lagi ditegaskan bahawa taqwa adalah kedudukan rohani yang dibuktikan melalui perbuatan jasmani dan ciri-ciri berpakaian tidak terlepas daripada pembuktian ini. Pembuktian tersebut hendaklah secara bersungguh-sungguh sebagaimana pesan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada**

**Allah dengan sebenar-benar taqwa.”** [Ali Imran 3:102]

Walaubagaimana jika seorang muslimah mengalami kesukaran atau terhimpit dalam satu suasana yang menyukarkan, hendaklah dia berusaha sekadar termampu kerana Allah yang Maha Pengasih dan Maha Pengampun juga telah berfirman:

**“Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu.”**  
[al-Taghabun 64:16]

Terpenting, membaca ayat: **“Dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya”** sebagai alasan untuk tidak bertudung bukanlah ciri-ciri seorang muslimah yang bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benarnya, mahupun bertaqwa kepada Allah dengan sedaya upaya. Ia hanyalah ciri-ciri seorang wanita yang bertaqwa kepada hawa nafsunya.

**Merangka Belanjawan dari Perspektif Islam**

oleh:

Shabnam Mokhtar (querida\_287@yahoo.com)

**Pengenalan:**

Teori ekonomi mengkaji bagaimana manusia membahagikan sumber kepada pelbagai kegunaan yang berpotensi. Pembahagian sumber ini dilakukan oleh tiga kumpulan pembuat keputusan ekonomi iaitu pengguna, pengeluar dan kerajaan. Antara keputusan ekonomi yang dilakukan oleh mereka adalah<sup>1</sup>:

- Pengguna (*households*): bagaimana membahagikan pendapatan mereka untuk mendapatkan barang (dikenali sebagai "*consumption decision*")
- Pengeluar (*firms*): berapa banyak sumber yang hendak digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan (dikenali sebagai "*production decision*")
- Kerajaan: Apakah barang dan perkhidmatan yang akan disediakan dan cukai yang akan dikenakan ke atas pengguna dan pengeluar.

Risalah ini *insha'Allah* akan memberi tumpuan kepada keputusan yang dilakukan oleh pengguna iaitu "*consumption decision*". Penulis akan

---

<sup>1</sup> Parkin, Micheal, *Microeconomics*, 3<sup>rd</sup> Ed, Addison Wesley, 1996, ms 18

menggunakan perkataan “*consumption*” tanpa menterjemahkannya (menjadi “penggunaan”) sepanjang risalah ini. Risalah ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pada bahagian pertama penulis akan menerangkan serba ringkas faktor-faktor yang mempengaruhi *consumption* dalam ekonomi hari ini (yakni faktor-faktor yang mempengaruhi galagat pengguna - “*consumer behavior*”). Kemudian penulis akan menerangkan bagaimana ajaran Islam akan mempengaruhi gelagat pengguna yakni faktor-faktor tambahan yang perlu diambil kira oleh seorang muslim dalam menjalankan aktiviti *consumption*. Akhir sekali penulis akan memberikan contoh belanjawan yang mengambil kira faktor yang telah diterangkan dalam bahagian kedua.

### **Pertama: Gelagat Pengguna**

*Consumption* didefinisikan sebagai aktiviti menggunakan barang dan perkhidmatan bagi memuaskan kehendak (wants) manusia.<sup>2</sup> Oleh kerana kehendak pengguna adalah tidak terbatas, manakala pendapatannya (sumbernya) adalah terbatas, maka pengguna perlu membuat pilihan. Terdapat beberapa faktor yang akan mempengaruhi gelagat pengguna dalam membuat pilihan, namun ia dapat diringkaskan kepada dua konsep utama<sup>3</sup>:

---

<sup>2</sup> Sloman, John, *Economics* 3<sup>rd</sup> Ed, Prentice Hall, 1997, ms 1 (*Consumption is the act of using goods and services to satisfy wants. This will normally involve purchasing the goods and services*)

<sup>3</sup> Parkin, Micheal, *Microeconomics*, 3<sup>rd</sup> Ed, Addison Wesley, 1996, ms 147

1. Kekangan belanjawan (*budget constrain*):

Pengguna mempunyai jumlah pendapatan tertentu dan tidak boleh mempengaruhi harga barang yang ingin dibeli. Maka harga barang ini akan mempengaruhi kuantiti barang yang dapat dibeli. Contohnya dengan jumlah wang RM 10 kita hendak membeli beberapa buku roti (RM2) dan beberapa batang pen (RM1). Kombinasi yang dapat dibeli akan terhad kepada jumlah wang yang kita ada. Kita tidak dapat misalnya membeli 4 buku roti (RM8) dan 5 batang pen (RM5) kerana jumlah harganya melebihi wang yang kita ada.

2. Kesukaan (*preference*)

Jadi bagaimana kita akan menentukan kombinasi roti dan pen yang hendak dibeli? Tentunya berdasarkan kesukaan (*likes and dislikes*) kita. Ahli ekonomi menggunakan konsep utiliti untuk menerangkan keutamaan yang kita pilih. Utiliti adalah kepuasan yang diperolehi apabila menggunakan sesuatu barang dan perkhidmatan. Dalam ekonomi, pengguna yang rasional<sup>4</sup> dijangkakan dapat membuat pilihan yang terbaik untuk memuaskan kehendaknya. Jadi pengguna yang rasional akan membandingkan kepuasan yang akan diperolehi (manfaat) dengan harga barang tersebut (kos) dan membuat pilihan yang akan memaksimakan

---

<sup>4</sup>

Sloman, John, *Economics*, 3<sup>rd</sup> Ed, Prentice Hall, 1997, ms 102

kepuasannya. Namun begitu utiliti adalah sesuatu yang tidak dapat diukur dan berbeza dari satu individu ke individu yang lain.

Dapat diringkaskan bahawa 3 faktor utama yang mempengaruhi gelagat pengguna adalah jumlah **pendapatan** (*income*), **harga barang** (*price*) dan **kesukaan** (*preference* – diukur dengan kepuasan) menggunakan barang tersebut.<sup>5</sup> Faktor-faktor ini akan menentukan berapa banyak dan apa yang akan dibeli oleh pengguna. Selain faktor diatas, satu lagi pilihan yang akan dihadapi oleh pengguna adalah berapa banyak simpanan yang hendak dibuat. Adakah semua pendapatan perlu dibelanjakan sekarang (*current consumption*) atau sebahagian hendak disimpan untuk dibelanjakan dimasa hadapan (*savings = future consumption*)?

Maka dapat disimpulkan bahawa dua keputusan utama yang perlu ditentukan oleh pengguna adalah:

- i. Berapa banyak hendak dibelanjakan kini dan disimpan untuk masa hadapan (*present vs future consumption*)?

---

<sup>5</sup> Parkin, Micheal, *Microeconomics*, 3<sup>rd</sup> Ed, Addison Wesley, 1996, ms 179.

Terdapat faktor lain yang diterangkan oleh Keynes model misalnya seperti harta yang dimiliki (lebih banyak harta, lebih tinggi *consumption*), cukai (lebih tinggi cukai, lebih rendah pendapatan dan lebih rendah *consumption*), jangkaan harga akan datang (jika harga dijangka naik, pengguna akan membeli barang yang tahan lama lebih cepat, sebelum harga naik) dll. Penulis hanya meringkaskan faktor utama dalam risalah ini. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Sloman, John, *Economics* 3<sup>rd</sup> Ed, Prentice Hall, 1997, ms 496 –498.

- ii. Apa dan berapa banyak barang yang hendak dibeli (pilihan antara barang pengganti<sup>6</sup>)

### **Kedua: Gelagat Pengguna dari perspektif Islam**

Penulis tidak menafikan faktor-faktor di atas (kekangan belanjawan dan kesukaan) mempengaruhi gelagat pengguna namun ajaran Islam akan memberikan implikasi tambahan apabila seorang muslim berbelanja. Terdapat dua faktor tambahan yang akan mempengaruhi *consumption* seorang muslim<sup>7</sup>:

1. Berbelanja di jalan Allah.
2. Keutamaan dalam berbelanja (*Islamic Concept of need*)

---

<sup>6</sup> Barang pengganti adalah barang yang boleh saling ganti mengganti antara satu sama lain. Contohnya kita boleh memilih hendak membeli mentega atau majerin? Kopi atau teh? Selalunya harga barang ini akan mempengaruhi kuantiti pembeliannya. Misalnya jika harga mentega naik, dan harga majerin kekal, mungkin lebih ramai yang akan membeli majerin. Inilah yang dimaksudkan dengan barang pengganti i.e “Jika harga barang A meningkat, kuantiti barang B yang dibeli akan meningkat kerana barang B boleh menggantikan barang A dengan harga yang lebih murah.”

<sup>7</sup> Khan, Fahim, “*Theory of Consumer Behavior from Islamic Perspective*” dalam *Essays in Islamic Economics*, The Islamic Foundation, 1995, ms 29

### **Berbelanja di jalan Allah.**

Dalam menentukan *consumption*, seorang muslim tidak hanya mementingkan kepuasan yang diperolehi apabila berbelanja keatas diri sendiri tetapi seharusnya kita menentukan bahagian dari pendapatan kita yang akan dibelanjakan untuk orang lain yang berhak menerimanya (*spending not for one's own immediate worldly benefit*). Maka keputusan pertama yang harus ditentukan oleh pengguna dari perspektif Islam adalah:

- Berapa banyak hendak dibelanjakan untuk keperluan diri sendiri (Penulis namakan dengan "X" )
- Berapa banyak hendak dibelanjakan tidak untuk diri sendiri (*Infaq fi Sabilillah* – penulis namakan dengan "Y")

Bagaimana harus kita tentukan pembahagian perbelanjaan antara X dan Y? Ada sekurang-kurangnya dua perkara yang akan mempengaruhi pembahagian Y iaitu:

- a. **Zakat** (sedekah wajib): Amaun minimum bagi Y adalah zakat (jika telah mencapai *nisab* dan *haul*). Maka sebagai seorang Muslim adalah menjadi kewajipan kita untuk mengambil tahu samada tahap pendapatan kita ini sudah sepatutnya dikeluarkan zakat atau tidak. Selain pendapatan, wang simpanan dan emas yang telah mencapai *haul* dan *nisab* juga akan dikenakan zakat. Bagi mendapatkan maklumat ini, kita boleh merujuk

dengan Pusat Pungutan Zakat atau di website seperti <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator/pendapatan.asp>

- b. **Infaq (charity of surplus)<sup>8</sup>:** Selain zakat, sedekah dan infaq amat digalakkan dalam Islam. Dalam memberikan sedekah adalah penting diperhatikan konsep *Infaq al-Afw (charity of surplus)*. Konsep ini diterangkan dalam al-Qur'an:

**"Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah "(Dermakanlah apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya supaya kamu berfikir."**  
(Al-Baqarah 2: 219)

Mengenai ayat diatas, Ibn Abbas menyatakan bahawa ayat ini bermakna "**apa yang melebihi keperluan keluarga kamu**". Ini juga merupakan pendapat Ibn Umar, Mujahid, 'Ata', Ikrimah, Sa'id bin Jubayr, Muhammad bin Ka'b, Al-Hassan, Qatadah, Al-Qasim, Salim, 'Ata' Al-Kurasani dan Ar-Rabi` bin Anas.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Rahman, Afzalur, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, Muslim Educational Trust, London, 1980, ms 77-82

<sup>9</sup> <http://www.tafsir.com/default.asp?sid=2&tid=5792>

Selain itu, Rasulullah *shollallahu 'alaihi wasallam* juga telah menerangkan konsep ini dalam sabda baginda yang bermaksud: "**Tidak ada sedekah kecuali kelebihan dari keperluan.**"<sup>10</sup>

Jika diperhatikan, Islam mengajar pengikutnya untuk memperbanyakkan sedekah tetapi tidak sehingga menzalimi diri sendiri dan keluarga dibawah tanggungannya. Seorang muslim dapat menjadikan nafkah kepada keluarga sebagai sarana untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mendapat balasan pahala sepetimana sabda Rasulullah kepada Sa'ad bin Abi Waqqas:

**"Sesungguhnya kamu tidak menafkahkan dari suatu nafkah pun dengan mengharapkan redha Allah kecuali merupakan ibadah sadaqah bagimu sampai suapan yang kau masukkan ke mulut isterimu sekalipun."**<sup>11</sup>

Sabda Nabi saw lagi: "**Satu dinar yang kamu nafkahkan dijalan Allah (jihad), satu dinar yang kamu nafkahkan untuk memerdekaan hamba sahaya, satu dinar yang kamu sedekahkan terhadap orang**

<sup>10</sup> **Sahih:** Hadis diriwayatkan oleh Ahmad dan dinilai sahih oleh Ahmad Syakir dalam *Musnad Ahmad* – no 7155. Dinukil dari Hafiz Firduz Abdullah, *Kaedah Memahami Hadis-hadis Yang Saling Bercanggah*, Jahabersa, 2002, ms 80

<sup>11</sup> **Sahih:** Hadith diriwayatkan oleh Bukhari (3/132) dan Muslim (1628), dinukil dari Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 224.

*miskin, dan satu dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu, yang paling besar pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu.”<sup>12</sup>*

Setelah memenuhi keperluan keluarga, kerabat lebih utama untuk diberi sedekah daripada orang lain kerana akan mendapat dua pahala (pahala sedekah dan pahala silaturrahim).<sup>13</sup> Firman Allah dalam surah Al-Baqarah 2: 215 yang bermaksud: “**Mereka bertanya kepadamu: apakah yang akan mereka belanjakan? Katakanlah: “Apa jua harta benda yang kamu belanjakan, maka berikanlah kepada: kedua ibubapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan”. Dan apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya.”**

Maka dapat disimpulkan bahawa, *Infaq Al-Afw* bermakna memberi sedekah jika terdapat lebihan setelah memenuhi keperluan diri dan orang yang ditanggung. Konsep *Infaq Al-Afw* ini memainkan peranan yang amat

<sup>12</sup> **Sahih:** Hadith diriwayatkan oleh Muslim (995), dinukil dari Yusuf Qaradawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 226. Terdapat banyak lagi hadith yang menerangkan keutamaan memenuhi nafkah keluarga. Untuk bacaan lanjut sila rujuk buku Yusuf Qaradawi tersebut ms 218 –227.

<sup>13</sup> Dr. Mahmud Ahmad Sa’id Al-Ahrasy, *Kewajiban Orang Kaya Terhadap Orang Miskin*, Edisi Terjemahan, Cendekia Sentra Muslim, 2004, ms 73

penting supaya nafkah umum tidak melebihi nafkah peribadi sehingga terpaksa pula meminta-minta kepada orang lain dan menimbulkan penyesalan di kemudian hari. Ini tidak pula bermakna kita membelanjakan semua pendapatan kita keatas keluarga sahaja. Oleh itu amat penting untuk memahami keutamaan perbelanjaan dalam Islam (*Islamic Concept of Need*) yang akan penulis terangkan pada bahagian seterusnya.

Terdapat satu lagi konsep yang penting dalam menentukan berapa banyak kita hendak bersedekah yakni prinsip "***itsaar***"<sup>14</sup> (mendahulukan kepentingan orang lain dari kepentingan diri sendiri) sepertimana firman Allah:

***“...dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”*** (Al-Hasyr 59:09)

Maka mereka mendahulukan hak nafkah umum atas hak nafkah peribadi kerana yakin dengan apa yang ada di sisi Allah dan mengharapkan pahala balasanNya dan penggantianNya. Inilah yang dilakukan oleh Abu Bakar r.a sebagaimana yang dikisahkan oleh Umar r.a:

---

<sup>14</sup> Yusuf Qaradhwai, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 217

*Berkata Umar al-Khattab r.a, Rasulullah saw menyuruh kami bersedekah. Ini bertepatan dengan harta yang ada pada aku. Aku berkata "Jika satu hari aku akan menang diatas Abu Bakar, maka hari inilah aku akan menang atas beliau".*

*Lalu aku datang dengan setengah harta aku, lalu Rasulullah bertanya: "Apa yang kamu tinggalkan untuk ahli keluarga kamu?" Aku menjawab "Sepertiga".*

*Lalu datang pula Abu Bakar membawa seluruuh harta yang ada padanya. Maka bertanya Rasulullah: "Wahai Abu Bakar, apa yang kamu tinggalkan untuk ahli keluarga engkau?" Abu Bakar menjawab: "Aku tinggalkan untuk mereka Allah dan RasulNya".*

*Berkata Umar : "Aku memang tidak akan menang di atas Abu Bakar sesuatupun selama-lamanya"<sup>15</sup>*

Kedua-dua konsep ini (*infaq al-afw* dan *itsaar*) bukanlah sesuatu yang bercanggah antara satu sama lain tetapi lebih bergantung kepada tahap keimanan seseorang. Pada pendapat penulis, jika kita baru hendak berjinak-jinak dengan amalan bersedekah lebih baik kita mulakan dengan *infaq al-afw*.

---

<sup>15</sup> **Hasan:** Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan al-Albani dalam *Sahih Sunan al-Tirmizi-* no 3675 dan Abdul Salam bin Muhammad bin Umar dalam *al-Mustadrak* – no 1550, dinukil dari Hafiz Firdaus Abdullah, *Kaedah Memahami Hadis-hadis Yang Saling Bercanggah*, Jahabersa, 2002, ms 81

Kemudian kita bertahap-tahap cuba merancang perbelanjaan kita dan menambah amaun yang kita peruntukan untuk sedekah sedikit demi sedikit....Ini *insha'Allah* dapat membantu kita bergerak beransur-ansur menuju *itsaar*.

Terdapat dua manhaj yang digunakan dalam Al-Quran untuk menggalakkan umatnya bebelanja di jalan Allah, yakni manhaj positif dan negatif. Dalam manhaj positif Allah menjanjikan pahala berlipat ganda kepada orang yang bersedekah. Antaranya Allah umpamakan *infaq fi sabillah* ini sebagai "perniagaan yang tidak merugikan" sepertimana firmannya:

**"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian."** (Faathir 35:29)

Balasan pahala yang Allah janjikan bagi orang yang berinfaq dijalan Allah mencapai hingga 700%<sup>16</sup> sepertimana firmanNya:

**"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan harta pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiap yang**

---

<sup>16</sup> (7 tangkai X 100 biji) X 100  
1 biji benih

*dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaanNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”* (Al-Baqarah 2:261)

Sesungguhnya Allah mengembalikan apa yang telah dinafkahkan seseorang sebagaimana firmanNya: “...**Dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya, dan Dialah juga sebaik-baik Pemberi rezeki.**” (Saba’ 34:39)<sup>17</sup>

Selain manhaj positif yang digunakan, Allah juga mencela mereka yang kedekut untuk mengeluarkan sedekah dan mengancam mereka dengan azab yang dahsyat di hari akhirat (manhaj negatif). Antaranya:

**“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan dengan apa yang mereka bakhulkan itu pada hari kiamat kelak.”** (Ali-Imran 3:180)

**“Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (iaitu) pada hari dibakar emas dan perak itu dalam harta jahanam, lalu diselar dengannya dahi**

---

<sup>17</sup> Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menjanjikan pahala, kemenangan dan keampunan untuk orang-orang yang bersedekah. Untuk bacaan lanjut, sila rujuk Rahman, Afzalur, *Economic Doctrines of Islam*, Vol II, Muslim Educational Trust, London, 1980, ms 83-102

**mereka, rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah apa yang kamu simpan itu."** (At-Taubah 9:34-35)

**"Tangkaplah orang yang berdosa itu serta belenggu lah dia. Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahiim. Selain dari itu masukkanlah dia dalam rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta. Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah yang Maha Besar dan dia juga tidak menggalakkan memberikan makanan orang miskin."** (An-Haaqqah 69:30-34)

Walaupun perbelanjaan dalam kategori Y dijanjikan pahala berlipat ganda dari Allah, seorang muslim tidak seharusnya melupakan bahagiannya di dunia ini. Islam melarang "*ascetism*"<sup>18</sup>, iaitu menghalang diri dari menikmati apa yang dihalalkan oleh Allah - makanan, kehidupan berkeluarga - kerana hendak mendekatkan diri kepada Allah seperti yang dilakukan oleh sesetengah pengikut agama Hindu, Buddha atau Kristian.

Maka apabila berbelanja hendaklah kita pastikan kita nikmati hidup di dunia ini dengan membelanjakan harta keatas diri kita dan hendaklah kita pastikan hak orang lain di dalam harta kita juga dipenuhi sepertimana firman Allah:

---

<sup>18</sup> al-Zarqa, Muhammad Anas, "*A Partial Relationship In A Muslim's Utiliti Function*" dalam *Readings in Microeconomics: An Islamic perspective*, Longman Malaysia, 1992, ms 107

**"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian ni'matNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan"**

(Al-Qasas 28:77)

Oleh itu, seorang muslim sepatutnya mengambil jalan pertengahan (*balancing rule*) antara dua kategori ini (X dan Y) sesuai dengan firman Allah:

**"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu dilehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan"** (Al-Israa' 17: 29)

Jalan pertengahan ini amat penting agar tidak kita zalimi diri sendiri dengan memberi sedekah yang banyak tetapi menyesal dikemudian hari kerana keperluan diri dan keluarga tidak dipenuhi dan terpaksa pula meminta-minta dari orang lain....dan tidak pula terlalu bakhil untuk bersedekah kerana memuaskan kehendak nafsu kita apabila berbelanja.

Secara ringkasnya, dalam menentukan menentukan perbelanjaan di jalan Allah, seorang muslim perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Adakah pendapatan kita telah mencapai zakat? Jika ya, asingkan amaun zakat agar tidak dibelanjakan.
2. Sama ada layak atau tidak membayar zakat, hendaklah kita melaksanakan *Infaq al-Afw* yakni sedekah sesudah memenuhi keperluan diri dan keluarga yang ditanggung.

### **Keutamaan dalam berbelanja (Islamic Concept of need)**

Keperluan di dalam Islam mempunyai tingkat keutamaan yang berbeza-beza dan ianya dapat dibahagikan kepada<sup>19</sup>:

- i. *Al-Daruriyat*: perkara mutlak yang diperlukan untuk kehidupan manusia (*survival*)
- ii. *Al-Hajiyat*: perkara yang apabila ianya tiada maka kehidupan manusia akan menjadi sangat susah (*avoid hardship*)
- iii. *Al-Tahsiniyyat*: perkara pelengkap yang menjadi hiasan tambahan didalam kehidupan (*provide comfort*)

Tingkat keutamaan ini bertujuan untuk memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda (*Maqasid al-shariah*). Pada pendapat penulis tingkat keutamaan ini merupakan kualiti kehidupan yang semakin meningkat. Sebagai contoh, penulis mengambil kategori makanan. Makanan yang *daruriyat*

---

<sup>19</sup> Yusuf Qaradhwai, *Fiqh Keutamaan*, Thinker's Library, Cetakan Keenam 2003, ms26

adalah makanan yang dapat membantu kita terus hidup (i.e *survival* – contohnya nasi, roti dan lauk pauk dengan amaun dan kualiti yang amat minimum). Makanan yang *hajiyat* pula makanan yang dapat memberi kita tenaga tambahan untuk melaksanakan kerja dengan baik (contohnya daging, susu, vitamin dll). Makanan yang *tahsiniyat* pula merupakan makanan enak dan berkualiti (contohnya kek, nasi beriyani dll).

Ingin penulis ingatkan di sini bahawa tingkat keutamaan ini akan berubah mengikut kesesuaian hidup setiap individu dan peredaran zaman. Sebagai contoh kita menilai kenderaan yang digunakan sebagai pengangkutan. Mungkin 2 dekad yang lalu, kereta merupakan perkara *tahsiniyat*. Namun pada masa kini, kereta boleh jadi berada pada kategori *hajiyat*. Perjalanan jauh menjadi agak sukar tanpa mempunyai kereta.

Jika dahulu motorsikal mungkin dianggap sebagai perkara *hajiyat* atau *tahsiniyat*, hari ini ia boleh dikategorikan dalam perkara *daruriyat* yang mana ianya amat penting sebagai kenderaan bagi kebanyakan orang. Walaupun penulis mengategorikan motorsikal sebagai *daruriyat*, ia haruslah dinilai juga berdasarkan kualiti motorsikal tersebut. Jika motorsikal biasa seperti Honda C90, EX5, Kriss, Yamaha SS dan lain-lain bolehlah dikategorikan sebagai *daruriyat*. Namun motorsikal berkuasa tinggi ataupun "easy-rider" seperti TZM, Fireblade dan Harley Davidson mungkin berada dalam kategori *tahsiniyyat*.

Ini tidak bermakna seorang tidak boleh membeli barang-barang *hajiyat* dan *tahsiniyat* kerana ketiga-tiga kategori ini masih berada dalam lingkungan

perbelanjaan yang dibenarkan dalam Islam. Pengelasan perbelanjaan mengikut keutamaan ini amat penting agar kita dapat mengutamakan perkara *daruriyat* daripada perkara *hajiyat* dan *tahsiniyat* dalam berbelanja.

Pada hari ini asas keutamaan ini sangat rapuh. Umat Islam seperti terkeliru apa yang perlu diberi keutamaan. Contohnya dalam soal berumahtangga<sup>20</sup>, bernikah merupakan perkara *daruriyat* kerana ia akan meneruskan keturunan dan memelihara diri dari maksiat. Mengadakan kenduri merupakan perkara *hajiyat* manakala hantaran dan pakaian pengantin yang indah merupakan perkara *tahsiniyat*. Tidak salah berpakaian pengantin yang indah jika ia dalam kemampuan kita. Namun kini ramai yang terpaksa menangguhkan pernikahan (*daruriyat*) hanya kerana ingin mengumpul wang untuk menyediakan hantaran dan pakaian pengantin (*tahsiniyat*). Di sinilah ramai pasangan dan ibubapa tersalah memberi keutamaan. *Tahsiniyat* lebih dipentingkan daripada *daruriyat*.

Contoh lain adalah hiburan dan kesenian (*tahsiniyat*) lebih diutamakan daripada urusan berkenaan ilmu pengetahuan dan pendidikan (*daruriyat*). Bandingkan sahaja bilangan "Reality Show" berbentuk hiburan dengan bilangan rancangan berunsur pendidikan dalam television. Pembangunan "*shopping complex*" dan stadium sukan bernilai berjuta-juta ringgit berbanding pembangunan perpustakaan. Ternyata rancangan hiburan, pembangunan

---

<sup>20</sup> Contoh ini dicadangkan oleh akhi Hafiz Firdaus dan penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau.

*shopping complex* dan pusat sukan jauh berada di hadapan berbanding dengan usaha peningkatan ilmu pengetahuan.

Pada pendapat penulis, memahami tingkat keutamaan ini amat penting bagi membantu kita membuat keputusan berkaitan *consumption* dan keutamaan inilah yang memberi implikasi yang berbeza dalam teori gelagat pengguna dari perspektif Islam. Penulis berikan satu contoh di sini. Katakan kita mempunyai RM 100 untuk dibelanjakan. Kita sedang memilih antara membeli buku ataupun membeli minyak wangi misalnya yang harganya adalah sama kedua-duanya (RM100). Dari perspektif konvensional, seorang pengguna akan membuat keputusan untuk berbelanja mengikut kepuasannya. Jika diikutkan kepuasan, mungkin minyak wangi dapat memberikan lebih kepuasan (lebih disukai) kepada pengguna tersebut.

Manakala *fiqh awlawayiat* mengajar kita untuk menilai kedua barang tersebut menggunakan tingkat keutamaan tadi. Buku merupakan perkara *daruriyat* (kerana dapat menambah ilmu pengetahuan dan memelihara akal), manakala minyak wangi merupakan perkara *tahsiniyat*. Maka jelas bahawa perkara *daruriyat* perlu diberi keutamaan daripada perkara *tahsiniyat*.

Implikasi dari tingkat keutamaan ini akan menjadikan seorang Muslim sebagai pengguna yang "berfikir sebelum membeli". Adakah barang yang kita hendak beli ini penting atau mungkin ada barang lain yang lebih penting? Tidaklah kita menjadi pengguna yang "*buy as we go*" iaitu membeli apa-apa sahaja yang berkenan di hati. Sekali lagi penulis mengingatkan tiada salahnya

kita berbelanja atas barang *tahisiniyat* selagi tidak berlebih-lebihan kerana Islam menggalakkan umatnya mencapai kehidupan yang baik.

Selain tingkat keutamaan diatas, terdapat beberapa perkara lain yang akan mempengaruhi gelagat pengguna dari perspektif Islam:

a. Batasan Islam tentang perbelanjaan:

Dr. Yusuf Qaradhawi menerangkan bahawa batasan Islam dalam perbelanjaan ada dua kriteria iaitu<sup>21</sup>:

i. Batasan pada cara & sifat (kualiti perbelanjaan):

Batasan ini melihat **pada apa** harta itu dibelanjakan tanpa mengambil kira kuantitinya. Contohnya setiap perbelanjaan dalam hal-hal yang diharamkan seperti khamar, judi dan patung-patung adalah dilarang walaupun melibatkan amaun yang kecil.

Pada pendapat penulis, orang-orang yang hidup dalam kemewahan (*mutraf*)<sup>22</sup> juga termasuk dalam batasan ini sepetimana firman Allah yang bermakna:

---

<sup>21</sup> Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 259-262

<sup>22</sup> *Mutraf*: living in ease and luxury. *Arabic-English Dictionary, The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*, 4<sup>th</sup> Ed, 1994, ms 113

***"Hingga apabila Kami timpakan azab kepada orang-orang yang mewah diantara mereka, maka dengan serta merta mereka menjerit meminta tolong."*** (Al-Mu'minun 23:64)

Imam ar-Razi menjelaskan bahawa orang yang hidup mewah (*mutraf*) adalah penerima ni'mat yang sompong oleh kerana kenikmatan dan keluasan rezeki.<sup>23</sup> Yang dikecam adalah sifat sompong pemilik harta tersebut dan kufur dengan nikmat yang diberikan Allah.

Selain sifat sompong, Islam juga telah mengharamkan beberapa perkara yang dianggap contoh yang menonjol bagi kemewahan, di antaranya bejana emas dan perak, hamparan yang dibuat dari bahan campuran sutera atau dari kain sutera murni serta perhiasan emas dan pakaian sutera bagi lelaki.<sup>24</sup>

ii. Batasan pada kuantiti & ukuran

---

<sup>23</sup> *At-Tafsir Al-Kabir* oleh ar-Razi (XVIII/75) dinukil dari Yusuf Qaradhawi, ***Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam***, Robbani Press, 2001, ms 249

<sup>24</sup> Yusuf Qaradhawi, ***Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam***, Robbani Press, 2001, ms 249-253

Termasuk dalam batasan kedua adalah berbelanja berlebih-lebihan yakni melampaui batasan (*israaf*)<sup>25</sup> mahupun dalam perkara yang dihalalkan sepetimana firman Allah:

**"Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampaui-lampau. Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampui batas."** (Al-Araaf 7:31)

Terang Dr. Yusuf Qaradhawi, termasuk dalam *israaf* adalah pemborosan (*tabdzir*) yakni menghambur-hamburkan harta tanpa faedah (sia-sia) sepetimana firman Allah:

**"Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampaui-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur pada Tuhanmu."** (Al-Israa' 17:26-27)

Termasuk dalam menyia-nyiakan harta adalah membiarkan buah-buahan busuk dimakan ulat, menyalakan lampu di siang hari tanpa

---

<sup>25</sup> *asrafa-musrifun-israafun*: to exceed all bounds; be immoderate; be excessive; be extravagant; to waste. *Arabic-English Dictionary, The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*, 4<sup>th</sup> Ed, 1994 ms475

perlu, membiarkan pancuran air terbuka tanpa perlu, membuang makanan, membuang pakaian hanya kerana terdapat robekan kecil padanya dan membiarkan tanah yang subur tanpa ditanami.<sup>26</sup>

Berkaitan dengan pelarangan dan penyia-nyiaan harta, Nabi *shollallahu 'alaihi wasallam* melarang keras orang-orang yang membiarkan kambing yang mati dan tidak memanfaatkan kulitnya. Telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Ibnu Abbas bahawa Rasulullah melewati kambing yang mati, lalu bersabda:

**"Apakah kamu tidak memanfaatkan kulitnya?" Mereka berkata, "Ia adalah haiwan yang mati (bangkai)!" Bersabdalah baginda: "Sesungguhnya ia hanyalah diharamkan untuk memakannya."**<sup>27</sup>

Nabi *shollallahu 'alaihi wasallam* pernah melewati Sa'ad bin Abi Waqqash ketika ia sedang berwudu' lalu bersabda padanya:

**"Janganlah kamu berlaku boros." Sa'ad bertanya, "Apakah dalam (pemakaian) air ada tindakan pemborosan, wahai**

---

<sup>26</sup> Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 257

<sup>27</sup> **Sahih:** *Muttafaq 'alaih, al Lu'lu' wal Marjan* (205) dinukil dari Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 258

**Rasulullah?" Beliau menjawab, "Ya, meskipun kamu berada pada sungai yang mengalir."**<sup>28</sup>

Mengenai adab makan pula Nabi shollallahu 'alaihi wasallam bersabda di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Anas r.a:

**"Jika satu suap di antara kamu sekalian jatuh, maka hendaklah ia membersihkan kotorannya dan (setelah itu) hendaklah memakannya dan tidak membiarkannya untuk syaitan." Anas berkata, "Dan baginda memerintahkan kita untuk menghabiskan makanan dari piring." Baginda juga bersabda, "Sesungguhnya kamu tidak mengetahui di makanan manakah adanya keberkatan."**<sup>29</sup>

Di samping melarang sikap *israaf*, Islam juga melarang sifat kedekut sepetimana yang dijelaskan oleh Rasulullah:

**"Hindarilah olehmu sifat kedekut, kerana sesungguhnya umat sebelum kamu telah binasa kerana sifat kedekut ini: dengan**

<sup>28</sup> Hadith riwayat Ibn Majah (425) dan dalam sanadnya ada kelemahan, namun dikuatkan dengan hadith sebelumnya (424) dari Ibnu Umar, tersebut didalamnya: "**Janganlah kamu berlaku boros, Janganlah kamu berlaku boros!**" dinukil dari Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 236

<sup>29</sup> **Sahih:** Hadith riwayat Muslim (2034) dinukil dari Yusuf Qaradhawi, *Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam*, Robbani Press, 2001, ms 238

***sebabnya mereka saling memutuskan hubungan silaturrahim, menjadi bakhil dan melakukan tindakan kezaliman.***<sup>30</sup>

Oleh yang demikian, apabila kita berbelanja hendaklah kita mengambil jalan pertengahan; tidak terlalu boros dan tidak pula terlalu kedekut sepetimana firman Allah:

***"Dan juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara itu."*** (Al-Furqaan 25:67)

b. Budaya berhutang bukan budaya hidup Muslim

Seorang Muslim harus merancang perbelanjaannya agar tidak melebihi pendapatannya sehingga terpaksa berhutang. Islam telah mengingatkan orang yang berhutang dengan pelbagai cara. Antaranya sabda Nabi:

***"Bagi orang yang mati syahid akan diampuni dosa-dosanya kecuali hutang"***<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> **Sahih:** Hadith riwayat Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Sahih Sunan Abu Daud* (1697).

*Dari Muhammad bin Abdullah bin Jahsy, ia berkata, Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam sedang duduk ketika jenazah (para syuhada') diletakkan (di liang lahad). Lalu, baginda mengangkat kepalanya ke langit kemudian menundukkan pandangan dan meletakkan tangannya di atas dahinya seraya mengatakan: "Subhanallah, subhanallah! Betapa telah diturunkan hukum yang memberatkan!"*

*Abdullah berkata, Kami lalu mengetahui dan terdiam. Sampai esok harinya aku bertanya pada Rasulullah dan mengatakan: "Apakah pemberatan yang telah diturunkan itu?"*

*Baginda bersabda "Tentang hutang. Demi Tuhan yang jiwaku berada ditangan-Nya, kalau seandainya seseorang terbunuh di jalan Allah, kemudian hidup lagi dan terbunuh lagi, kemudian hidup lagi dan terbunuh lagi sedangkan ada tanggungan hutang padanya maka dia tidak akan masuk syurga sampai dia melunasi hutangnya."*<sup>32</sup>

<sup>31</sup> **Sahih:** Diriwayatkan oleh Muslim (6/34) dan Ahmad (2/20), dinukil dari Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Islam Mengatas Kemiskinan, Tinjauan Kritis, Analisis Tentang Hadith Ekonomi*, Pustaka Azzam, 2002, ms 75

<sup>32</sup> **Hasan:** Hadith riwayat an-Nasaa'i (VII/314-315), at-Thabarani dalam *al-Ausath* (IV/128), al-Hakim dan disahihkannya serta disepakati oleh adz-Zdahabi (II/25). Ia dinilai hasan oleh al-Albani

Pentingnya peringatan ini sehingga orang yang mati syahid; cita-cita tertinggi yang dicari oleh mu'min pun tidak dapat menghapuskan hutangnya kepada orang lain.

Muhammad Akram Khan dalam bukunya *Introduction to Islamic Economics* menerangkan bahawa Rasulullah tidak menghapuskan riba dalam masa sehari. Pengharaman riba berlaku berperingkat-peringkat (*tadarruj*). Pertama sekali Rasulullah mengharamkan riba dalam pertukaran (*riba al-fadl*). Ini telah menyempitkan jalan-jalan menuju riba pinjaman. Pada masa yang sama Baginda menggalakkan umat Islam supaya hidup bersederhana. Mereka berbelanja mengikut pendapatan mereka dan apabila terdapat harta rampasan perang yang diagihkan, dalam pendapatan mereka terdapat lebihan. Jadi permintaan untuk pinjaman berkurangan.

Bagi tujuan perniagaan pula, perlu diberikan modal bukannya pinjaman. Pemodal akan berkongsi untung dan rugi. Ini semakin mengurangkan permintaan untuk pinjaman. Kalau ada pun hutang hanya dalam bentuk jual beli secara kredit. Jadi apabila Rasulullah mengharamkan riba atas pinjaman semasa hari terakhir haji wida' (10H), hati umat Islam telah bersedia

---

dalam *Sahih al-Jami' ash-Shaghir* (3600), dinukil dari Yusuf Qaradhawi, ***Peran Nilai dan Moral dalam Perekonomian Islam***, Robbani Press, 2001, ms 240

menerima hukum tersebut dan aktiviti kehidupan yang bersederhana serta tidak bergantung pada hutang memudahkan perlaksanaan hukum tersebut.<sup>33</sup>

Kita sebagai Muslim pada hari ini juga perlu meminimumkan hutang kita. Jika kita hendak membeli sesuatu yang memerlukan jumlah wang yang agak banyak buatlah perancangan dari awal dan buatlah peruntukan bulanan sebagai persediaan.

Salah satu cara berhutang yang mudah hari ini adalah dengan penggunaan kad kredit. Kad kredit hanya merupakan sarana (*tool*) untuk menggantikan wang tunai. Kepentingan kad kredit tidak dapat dinafikan terutamanya jika kita banyak bertandang ke luar negara, sering melakukan pembelian secara “*online*” dan menggantikan membawa wang tunai yang banyak atas tujuan keselamatan. Namun begitu “wang plastik” ini boleh membawa padah jika disalahgunakan. Kadangkala kita membeli tanpa memikirkan adakah mampu membayar semula hutang tersebut.

Pada tahun 2004 seramai 1,397 pemegang kad kredit telah diisyiharkan muflis. Jumlah ini meningkat sebanyak 450 orang berbanding 1,152 orang pada 2003.<sup>34</sup> Had kredit yang hampir dua kali ganda pendapatan bulanan sesetengah kita amat “menggoda” supaya kita berbelanja lebih dari

<sup>33</sup> Muhammad Akram Khan, *An Introduction to Islamic Economics*, IIIT, 1994, ms 25-26.

<sup>34</sup> *Majalah Nur*, “Eksekutif Muflis, Bahaya Kuasa Sekeping Kad”, Karangkraf, Edisi Ogos 2005, ms 14

kemampuan kita, yang akhirnya akan mengheret kita ke dalam belitan hutang. Pelbagai iklan yang menawarkan pembelian menggunakan kad kredit menambahkan lagi keinginan untuk memiliki aksesori yang tidak terlintas sebelum ini. Tidak salah menggunakan kad kredit sebagai alternatif kepada wang tunai namun jika kita menggunakan sebagai sumber hutang untuk membeli pelbagai barang melebihi kemampuan kita, maka hendaklah kita fikir-fikirkan semula fungsi sebenar "wang plastik" tersebut dan adakah kita benar-benar memerlukannya.

c. Beberapa perkara yang perlu diutamakan

Penulis akan menyenaraikan beberapa perkara dalam *Fiqh Awlawiyat* yang memberikan implikasi keatas *consumption* seorang muslim:

- i. Amal perbuatan yang berkesinambungan walaupun sedikit lebih utama daripada amal yang banyak tetapi terputus.<sup>35</sup> Contohnya dalam membudayakan bersedekah, mulakanlah dengan amaun yang kecil tetapi konsisten dilakukan setiap bulan.
- ii. Amal yang manfaatnya untuk orang lain hendaklah diberi prioriti di atas amal yang manfaatnya hanya untuk diri sendiri. Contohnya daripada mengerjakan haji sunat atau umrah yang kedua, ketiga dan seterusnya, adalah lebih *awla* jika duit itu digunakan untuk

---

<sup>35</sup>

Yusuf Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan*, Thinker's Library, Cetakan Keenam 2003, ms 114

membantu orang miskin lain menunaikan haji wajib mereka, menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin atau Iraq yang berjihad, memberikan sumbangan dalam menghalang usaha-usaha memurtadkan orang Islam atau menanggung pembiayaan pendidikan anak-anak orang miskin dan anak yatim. Ini merupakan satu perkara yang harus diberi perhatian kerana setiap tahun hanya 15% daripada jumlah jemaah haji merupakan mereka yang melaksanakan haji wajib<sup>36</sup>. Bayangkan jika baki 85% jemaah haji ini menghulurkan wang yang diperuntukkan untuk haji tadi bagi manfaat orang ramai. Penulis beberapa ketika yang lalu terharu melihat pasangan yang mengeluarkan wang tabung haji mereka sebanyak RM 18,000 untuk diberikan kepada *Tabung Bersamamu TV3* bagi membantu golongan yang memerlukan. Inilah pelaburan Islam yang pahalanya berlipat ganda seperti dijanjikan Allah dalam surah al-Baqarah 2:261.

- iii. Keutamaan hak-hak manusia keatas semata-mata hak Allah. Apabila menunaikan haji itu wajib dan membayar hutang itu wajib, maka membayar hutang mesti lebih diutamakan, sebab seorang muslim tidak boleh mendahulukan haji sebelum ia menjelaskan semua hutang-hutangnya melainkan apabila si pemutang memberikan izin baginya menunaikan haji.<sup>37</sup>

---

<sup>36</sup> Yusuf Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan*, Thinker's Library, Cetakan Keenam 2003, ms 15

<sup>37</sup> Yusuf Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan*, Thinker's Library, Cetakan Keenam 2003, ms 160

- iv. Antara perkara wajib dan sunat, fardhu ain dan fardhu kifayah, perkara wajib dan fardhu ain mesti diutamakan. Contohnya antara membayar hutang and memberi sedekah, pembayaran hutang mesti didahulukan.<sup>38</sup>
- v. Keutamaan amal yang lebih lama dan panjang kegunaan dan manfaatnya. Contohnya seperti memberi sedekah kambing yang telah mengandung supaya haiwan tersebut boleh memberikan susu untuk jangka masa yang agak lama.<sup>39</sup> Pada masa kini, jika kita mempunyai lebihan wang, bolehlah digunakan untuk memberikan modal kepada orang yang ingin mulakan perniagaan dan berkongsi keuntungan yang diperolehi. Jika kita sendiri telah mempunyai perniagaan dan rasa keberatan untuk memberikan modal begitu sahaja, kita boleh memberikan “apprentice training” kepada anak-anak muda di kampung yang kebanyakannya berhijrah ke bandar untuk bekerja di kilang. Dengan melaksanakan program sebegini kita mengajar mereka menangkap ikan daripada hanya memberikan mereka ikan setiap hari.

---

<sup>38</sup> Yusuf Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan*, Thinker’s Library, Cetakan Keenam 2003, ms 300

<sup>39</sup> Yusuf Qaradhawi, *Fiqh Keutamaan*, Thinker’s Library, Cetakan Keenam 2003, ms 122

Sebagai kesimpulan, berikut merupakan keputusan-keputusan yang dilakukan oleh pengguna dari perspektif Islam<sup>40</sup>:

- Berapa banyak hendak dibelanjakan untuk diri sendiri dan keluarga (X) dan berapa banyak diperuntukkan untuk orang lain yang berhak (Y)
- Berapa banyak hendak dibelanjakan kini dan disimpan untuk masa hadapan (*present vs future consumption*)? Ingin penulis ingatkan di sini simpanan yang tidak digunakan untuk sebarang tujuan akan tunduk kepada zakat jika telah mencapai *nisab* dan *haul*nya.
- Apa dan berapa banyak barang yang hendak dibeli (berdasarkan tingkat keutamaan yakni *daruriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat*)

### **Ketiga: Merangka Belanjawan dari Perspektif Islam**

Bagi melaksanakan poin-poin yang telah diterangkan dalam bahagian kedua di atas, adalah penting untuk kita merangka belanjawan (*budget*). Belanjawan ini bukan sahaja dapat memaksa kita merancang sebelum berbelanja malahan dapat digunakan sebagai mekanisma kawalan perbelanjaan kita. Maknanya setiap bulan kita dapat membandingkan berapa perbelanjaan yang dirancang dengan perbelanjaan yang sebenar. Jika ada perbezaan yang besar,

---

<sup>40</sup> Khan, Fahim, "Theory of Consumer Behavior from Islamic Perspective" dalam *Essays in Islamic Economics*, The Islamic Foundation, 1995, ms 39-40

sebab berlaku perbezaan ini perlu dikenalpasti dan langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil. Inilah yang dipanggil analisis varians (*variance = actual – budget*).

Berikut merupakan langkah-langkah untuk merangka belanjawan<sup>41</sup>:

1. Kenalpasti semua sumber pendapatan bulanan kita.
2. Kenalpasti semua perbelanjaan bulanan kita. Buat anggaran untuk perbelanjaan bulanan berdasarkan pengalaman lepas atau dengan merujuk bil-bil lepas.
3. Bagi setiap perbelanjaan ini kenalpasti samada:
  - a. Ia merupakan perbelanjaan yang wajib dibayar setiap bulan (*mandatory*) atau "*optional*"
  - b. Kenalpasti tingkat keutamaan perbelanjaan tersebut: *daruriyat, hajiyat, tahsiniyat*
4. Pastikan pendapatan kita dikenakan zakat atau tidak.
5. Dapatkan baki pendapatan kita yang masih ada selepas ditolak semua perbelanjaan.

---

<sup>41</sup> Bagi bacaan lanjut dan contoh lain, pembaca boleh merujuk <http://www.soundvision.com/Info/life/pfplan.asp>. Bagi contoh belanjawan keluarga, pembaca boleh merujuk <http://www.soundvision.com/Info/life/fbudget.asp>

6. Daripada baki ini peruntukkan sebahagian untuk simpanan dan sebahagian lagi untuk sedekah. Jika kita baru hendak mula untuk melakukan sedekah, mulakan dengan amaun yang kita rasakan boleh beristiqamah menderma setiap bulan.

**Contoh Belanjawan:**

1. Gaji bulanan = RM 2,400.
2. Senarai perbelanjaan:
  - Bagi keluarga penulis, kami menetapkan dana bulanan yang disumbangkan oleh setiap ahli keluarga bagi menyediakan peruntukan untuk persediaan raya. Dana seperti ini boleh digunakan oleh pembaca bagi merancang perbelanjaan jangka panjang.
  - Penulis juga memperuntukkan dana untuk kecemasan dan "*leisure*"- termasuk sebarang aktiviti/pembelian untuk kegunaan peribadi.
3. Adakah perbelanjaan:
  - Wajib bayar setiap bulan (*obligation*): M= *Mandatory*, O = *Optional*  
Bagi kolumn "*Obligation*" penulis hanya menentukan samada perbelanjaan ini sesuatu yang penulis mesti peruntukan setiap bulan atau penulis mempunyai pilihan untuk tidak memperuntukannya. Sebagai contoh walaupun penulis ada peruntukkan bagi *leisure*, buku

dan kelas jahitan, ia merupakan perbelanjaan yang mana penulis boleh memilih untuk tidak membelanjakannya.

- Tingkat keutamaan: D = *Daruriyat*, H = *Hajiyat*, T= *Tahsiniyat*

Dalam kolumn “Category” penulis menentukan tingkat keutamaan setiap perbelanjaan. Dana Hari Raya umpamanya merupakan kategori *tahsiniyat* kerana ia lebih bertujuan memberi keselesaan apabila kami melakukan perbelanjaan untuk Hari Raya setiap tahun. Manakala peruntukkan bagi kecemasan, telefon bimbit dan kelas jahitan penulis kategorikan sebagai *hajiyat* kerana ini lebih bertujuan untuk mengurangkan kesukaran. Begitu juga peruntukkan untuk membeli buku. Walaupun membaca merupakan sesuatu yang amat penting, tapi sumber bacaan tidak semestinya dibeli sahaja. Terdapat banyak sumber lain seperti perpustakaan dan bahan bacaan *online*. Namun jika terdapat buku sendiri ia dapat memudahkan pembacaan, maka penulis kategorikannya sebagai *hajiyat*.

Kereta bagi penulis merupakan *hajiyat* kerana ia memudahkan perjalanan. Namun oleh kerana bayaran bulanan kereta (hutang), servis dan perbelanjaan lain merupakan perbelanjaan yang perlu penulis keluarkan setiap bulan, maka penulis memasukkannya dalam kategori *daruriyat*. Penulis juga memperuntukkan elaun bulanan untuk membuat bayaran cukai jalan dan insuran apabila tamat tempohnya. Dengan cara ini, beban pembayaran tidak begitu terasa apabila tiba

masanya. Oleh itu, perbelanjaan-perbelanjaan ini termasuk dalam kategori *daruriyat/hajiyat*.

Pembaca bebas memasukkan apa sahaja perbelanjaan yang dirasakan perlu. Apa yang perlu dibuat untuk setiap perbelanjaan adalah menentukan “*obligation*” dan juga kategorinya.

<b>Perbelanjaan</b>	<b>Budget</b>	<b>Obligation</b>	<b>Category</b>
Dana Raya	35	M	T
Emergency	100	M	H
Household	100	M	D
Servis Kereta	100	M	D/H
Tol	100	M	D/H
Minyak	450	M	D/H
Road Tax & ins	100	M	D/H
Handphone	80	M	H
Leisure	100	O	T
Makan	100	M	D
Jahitan	80	O	H
Buku	100	O	H
Kereta	485	M	D/H
Bills:			
Telekom	150	M	D
TM Net	20	M	D
TNB	100	M	D
Indah Water & Cukai Pintu	13	M	D

4. Setelah mengira dengan calculator zakat di [www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my), penulis menganggarkan bayaran zakat setahun adalah lebih kurang RM 700. Setelah dibahagi dengan 12 bulan, penulis memperuntukkan RM60 setiap bulan untuk bayaran zakat.
5. Setelah mendapatkan amaun zakat, penulis menyusun perbelanjaan tersebut mengikut *obligation* dan kategorinya. Setelah mendapatkan baki pendapatan, penulis memperuntukkan sebahagian untuk simpanan dan sebahagian lagi untuk sedekah. Contoh belanjawan lengkap ditunjukkan dalam Jadual 1.
6. Jika tiada baki lebihan pendapatan, maka pembaca boleh mengurangkan sedikit peruntukan bermula dengan *Optional – Tahsiniyat & Hajiyat*. Kemudian kepada *Mandatory – Tahsiniyat*. Inilah gunanya membuat belanjawan yang mengambil kira tingkat keutamaan, supaya mudah untuk kita mengenalpasti perbelanjaan mana yang boleh dikurangkan atau perlu ditambah. Jika masih tiada baki, cuba peruntukkan amaun yang sangat kecil RM 5 misalnya untuk sedekah setiap bulan. *Insha’Allah* amaun ini sudah mencukupi sebagai permulaan. Yang penting, kita beristiqamah dan cuba sedikit demi sedikit meningkatkan amaun yang diperuntukkan untuk sedekah.

Penulis biasa membuat belanjawan untuk kegunaan peribadi sebelum ini, tetapi tidak pernah menjadikan sedekah itu satu kategori yang formal dalam belanjawan penulis. Setelah merangka belanjawan dengan kategori formal untuk

sedekah, penulis merasakan lebih mudah untuk menghulurkan sedekah. Tidaklah menghulurkan sedekah dengan hati yang antara hendak atau tidak. Inilah perbezaan yang paling ketara dapat penulis rasakan. Sebagai seorang muslim, kita semua sepatutnya mewujudkan satu kategori formal untuk sedekah. Bagaimana hendak kita salurkan dan kepada siapa, terpulang pada kita menentukannya. Beberapa keutamaan dalam perbelanjaan yang telah penulis terangkan pada bahagian dua boleh juga menjadi saluran untuk kita memberikan derma.

Ingin penulis berkongsi sedikit pengalaman dalam melaksanakan belanjawan yang telah dirancang. Belanjawan ini sekadar panduan untuk berbelanja. Jangan terlalu ketat apabila melaksanakannya lebih-lebih lagi jika kita baru pertama kali membuat belanjawan. Buat 2 atau 3 bulan pertama pasti berlaku perbezaan dari apa yang kita rancang. Biasanya akan terlebih belanja. Beri diri dan keluarga anda sedikit masa untuk menyesuaikan diri. Jadikan agenda belanjawan ini agenda keluarga. Jika anda dapat berbincang dengan ahli keluarga dalam merangka belanjawan tersebut adalah lebih baik kerana ini dapat mewujudkan rasa "milik bersama".

Setiap ahli keluarga boleh saling ingat mengingatkan apabila berbelanja. Dengan cara ini anda akan lebih bermotivasi untuk mengikut apa yang dirancang. Jika berlaku perbelanjaan yang diluar jangkaan, cuba buat perubahan yang perlu pada belanjawan anda. Jadikan belanjawan ini sesuatu yang fleksible dan seronok bukannya sesuatu yang sangat "rigid" dan membosankan. Jangan pula dalam

rangka kita bersemangat hendak bersedekah, kita “ketatkan” perbelanjaan keluarga sehingga ahli keluarga rasa tertekan. Ingat nafkah pada keluarga juga boleh menjadikan sarana untuk kita mendapat balasan pahala dari Allah.

Jadikan budaya bersedekah ini budaya keluarga. Anda boleh mewujudkan “*Secret Sadaqah Box (SSB)*” di mana setiap ahli keluarga menderma apabila tiada orang melihat. Setiap bulan amaun dari SSB boleh diserahkan kepada masjid, rumah anak yatim, Tabung BersamaMu TV3 atau sesiapa yang memerlukan. Latih anak-anak untuk biasa bersedekah. Sebagai contoh, jika anda biasa ke masjid atau surau bersama anak, berikan mereka sedikit duit untuk dimasukkan dalam tabung masjid. Kebiasaan ini *insha'Allah* akan menjadi sebat dengan jiwa mereka apabila membesar.<sup>42</sup>

Bermula dengan aktiviti demikian di rumah, kita boleh seterusnya menyarankan idea-idea tersebut di surau tempat tinggal kita atau juga di pejabat. Bagi jemaah di surau atau masjid tertentu, selain meningkatkan kemudahan, derma yang dikumpul boleh digunakan untuk memberi biasiswa kepada anak-anak jemaah yang kurang berkemampuan misalnya.

Islamic Center di Urbana-Champaign, Illinois tempat penulis melanjutkan pelajaran dahulu, menyediakan saluran bagi individu yang berkemampuan untuk memberi biasiswa kepada pelajar di UIUC ataupun kolej komuniti berdekatan.

---

<sup>42</sup> Untuk beberapa panduan lain sila rujuk <http://www.soundvision.com/Info/life/18.asp> dan <http://www.soundvision.com/Info/life/20kids.asp>

Individu tersebut pula boleh menetapkan pelajar program apa yang ingin dibiayainya (undang-undang, kejuruteraan, perniagaan dll). AJK Islamic Center tersebut menjadi pemegang amanah tabung tersebut dan memilih pelajar yang layak menerima biasiswa. Jika ini dapat diterapkan di institusi keagamaan di sini, *insha'Allah* akan membawa kesan yang amat positif untuk pembangunan jemaah setempat.

Suka penulis mengingatkan, dalam menjalankan aktiviti begini kita sepatutnya lebih pro-aktif bukannya reaktif. Dengan kata lain, pemegang amanah tersebut perlulah pergi mencari siapa yang berkelayakan menerima biasiswa tersebut, tidak hanya menanti di pejabat menunggu calon datang mengisi borang permohonan.

Selain menganjurkan majlis ilmu (*islah*), jemaah juga boleh menganjurkan lawatan ke hospital, rumah orang tua, orang-orang kurang upaya dan rumah anak-anak yatim. Aspek kebajikan orang lain inilah yang kurang diberi perhatian oleh umat Islam hari ini. Apabila kita membuat lawatan ketempat-tempat begini jangan hanya ditumpukan kepada orang Islam sahaja sebaliknya tumpukan kepada semua bangsa yang ada di hospital. Ini dapat menjadi salah satu dari usaha dakwah kepada orang bukan Islam.

Bagi pelajar univeristi yang tidak mampu membuat sumbangan kewangan pula, mungkin boleh menganjurkan kelas Matematik, Bahasa Inggeris atau Sains secara percuma atau dengan bayaran minimum bagi membantu pelajar-pelajar sekolah (rendah mahupun menengah) di kawasan surau berdekatan. Dengan

menganjurkan aktiviti-aktiviti sebegini barulah masjid dan surau memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan ummah secara syumul *insha'Allah*.

Setelah siap belanjawan, langkah seterusnya adalah untuk menyimpan rekod bagi perbelanjaan sebenar yang kita lakukan. Cuba simpan rekod setiap perbelanjaan yang anda lakukan. Cadangan penulis, simpan resit perbelanjaan dan jumlahkan pada setiap hujung minggu. Sediakan juga satu buku nota kecil untuk mencatat perbelanjaan kecil-kecilan yang tiada resit. Catatan belanjawan ini boleh dibuat samada pada satu buku atau menggunakan *excel file*.

Pada hujung bulan bandingkan belanjawan anda dengan jumlah perbelanjaan sebenar. Adakah berlaku sebarang perbezaan (*Varians = Budget – Actual*)? Adakah anda terlebih belanja (mendapat nombor negatif pada kiraan varians anda) atau terkurang belanja (mendapat nombor positif pada varians anda)? Jika perbezaan yang berlaku hanya kecil, maka tidak perlu risau. Namun jika perbezaan yang berlaku melebihi RM 50 atau RM 100 misalnya anda perlu mengenalpasti sebab berlaku perbezaan ini. Adakah perbezaan tersebut kerana perbelanjaan di luar jangka atau kerana anda terlebih belanja misalnya. Setelah sebab dikenalpasti, langkah pemberian boleh diambil samada anda membuat perubahan pada belanjawan jika perlu atau membuat perubahan dalam cara anda berbelanja.

**Jadual 1: Contoh Belanjawan**

<b><u>Essential: Must pay</u></b>	
<b>Daruriyat:</b>	
Zakat	60
Makan	100
Household	100
Bills:	
Telekom	150
TM Net	20
TNB	100
Indah Water & Cukai Pintu	13
Kereta	485
Servis Kereta	100
Tol	100
Minyak	450
Road Tax & ins	<u>100</u>
	1778
<b>Hajiyat</b>	
Handphone	80
Emergency	<u>100</u>
	180
<b>Tahsiniyat</b>	
Dana Raya	<u>35</u>
	<u>35</u>
	1993
<b><u>Non-Essential: Optional expenditure</u></b>	
<b>Hajiyat</b>	
Jahitan	80
Buku	<u>100</u>
	<u>180</u>
<b>Tahsiniyat</b>	
Leisure	100
	<u>100</u>
Jumlah Belanjawan	280
Gaji	2273
Baki	<u>2400</u>
Simpanan	<u>127</u>
Sedekah	75
	52

**Penutup:**

Apa yang penulis terangkan dalam artikel ini bukanlah sesuatu yang ada dalam diri setiap kita secara fitrah. Ia merupakan sesuatu yang perlu kita pelajari dan laksanakan secara berperingkat-peringkat. Kadangkala terasa sukar untuk bersedekah kerana pendapatan kita terasa sedikit. Tidak dinafikan dengan keperluan kehidupan yang semakin meningkat hari ini, pendapatan terasa amat terhad. Pada pandangan penulis, rezeki yang terhad ini boleh jadi mencukupi sekiranya terdapat dua elemen didalamnya:

**Pertama: Adanya elemen barakah dalam rezeki kita.**

Barakah ini berkait rapat dengan takwa sepetimana firman Allah yang bermaksud:

***“...Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan jalan keluar. Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas dihatinya.”*** (At-Talaq 65:2-3)

Selain takwa rezeki yang halal juga mengandungi barakah sepetimana firman Allah dalam surah al-Baqarah 2:276 yang bermaksud:

***“Allah susutkan riba dan Dia pula mengembangkan sedekah dan zakat.”***

Rezeki yang haram walaupun zahirnya kelihatan banyak tapi sekelip mata akan hilang entah ke mana. Bak kata pepatah Inggeris “*Easy come easy go*”. Manakala sedekah dan zakat walaupun pada zahirnya kelihatan seperti menyusut,

tapi dengan adanya elemen barakah tadi *insha'Allah* akan sentiasa bertambah rezeki kita.

Pada pemerhatian penulis, persoalan takwa ini semakin pudar dari pemikiran kita. Apabila tidak ada rasa keterikatan pada Allah, maka kita tidak kisah halal haram sumber rezeki kita. Kita mungkin tidak terlibat secara langsung dalam pekerjaan yang haram, namun kita mungkin "tidak sedar" apabila kita sambil lewa melaksanakan kerja dipejabat. Budaya masuk lambat balik awal seumpama mencuri waktu kerja sedangkan kita dibayar gaji untuk jumlah waktu tertentu.

Dr. Yusuf Qaradhwai memberikan contoh orang yang melaksanakan solat malam dan kemudian ke kerja dengan tenaga dan semangat yang kurang kerana keletihan dan akhirnya tidak dapat melaksanakan kerja dengan sempurna, umpama orang yang "**memakan harta orang lain dengan cara batil**"; iaitu gaji dan upah yang diterimanya setiap bulan tidak setimpal dengan kerja yang dilakukannya.<sup>43</sup>

Contoh di atas merupakan orang yang sambil lewa bekerja kerana letih beribadat sepanjang malam, bagaimana pula kita yang lambat masuk office selepas makan tengahari kerana pergi membeli belah di *shopping complex*?

Selain itu al-Qur'an juga mengaitkan antara *istighfar* dan rezeki, sepertimana firman Allah yang bermaksud:

---

<sup>43</sup> Yusuf Qaradhwai, *Fiqh Keutamaan*, Thinker's Library, Cetakan Keenam 2003, ms 153

**"Sehingga aku berkata (kepada mereka): "Pohonlah ampun (istaghfiru) kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia Maha Pengampun. Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu. Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai."** (Nuh 71:10-12)

Dalam sebuah hadith diriwayatkan bahawa: "**Barangsiapa memperbanyak istighfar, maka Allah akan memberikan kelapangan dalam setiap kesulitan dan memberikan jalan keluar bagi setiap kesempitan, serta memberikan rezeki yang tidak diduga-duga.**"<sup>44</sup>

Elemen barakah ini penulis kategorikan sebagai bantuan dari Allah. Sementara itu elemen yang kedua melibatkan usaha kita bagi memastikan rezeki yang dikurniakan kepada kita digunakan sebaik mungkin yakni dengan merancang perbelanjaan kita.

#### **Kedua: Merancang perbelanjaan.**

Mencukupi atau tidak adalah merupakan sesuatu yang relatif (berubah mengikut kayu ukur yang kita gunakan). Jika kita berbelanja mengikut kehendak nafsu tanpa melihat keutamaan dalam perbelanjaan tersebut, sudah pasti

---

<sup>44</sup> **Dhaif:** Hadith riwayat Ibnu Majah, di dalam sanadnya terdapat seorang perawi yang tidak dikenali (*majhul*). Ia dinilai dhaif oleh al-Albani dalam *Dhaif Sunan Ibnu Majah* – hadith no: 3819. Dikemukakan selari dengan syarat-syarat *al-Targhib wa al-Tarhib*.

pendapatan kita tidak mencukupi. Sejarah Perancis pada tahun 1786 membuktikan perkara ini apabila Permaisurinya Marie Antoinette membelanjakan USD 11 juta<sup>45</sup> setahun untuk pakaian dan Menteri Kewangannya sudah tidak mampu untuk menampung perbelanjaan tersebut dan terpaksa meminta bantuan Parlimen Perancis untuk menampung defisit tersebut.<sup>46</sup> Akan tetapi jika kita berbelanja mengikut keperluan (*need*) dan keperluan ini pula diutamakan perkara yang *daruriyat* daripada perkara *hajiyat* dan *tahsiniyat*, *insha'Allah* pendapatan kita mencukupi untuk diri dan keluarga serta boleh membantu orang lain yang memerlukan.

Semoga apa yang penulis sampaikan dalam risalah ini dapat membantu pembaca memahami keutamaan dalam berbelanja. Walaupun *consumption* merupakan persoalan ekonomi, ia tidak dapat lari daripada hubungan kita dengan Allah. Setiap yang kita belanjakan di dunia ini akan dicatat dan dibentangkan pada hari akhirat. Hati yang sedar bahawa Penciptanya sedang memerhatikannya (takwa) dan hati yang sedar akan tanggungjawabnya untuk menjawab pada Penciptanya pada hari kebangkitan semula akan sentiasa memerhatikan sumber rezekinya dan ke mana ia membelanjakan rezekinya. Persoalan iman inilah yang akan memandu kita dalam membuat *consumption decision*. *Wallahu ta'alaa a'lam*.

---

<sup>45</sup> Beliau membelanjakan 272,000 livre (matawang perancis pada zaman tersebut) = 60 juta francs = USD 11 juta

<sup>46</sup> Dr Ravi Batra, *Surviving The Great Depression of 1990*, Dell Publishing, Nov 1989, ms 15

**Meninjau Semula Hukum Kenajisan Khinzir**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Pada akhir bulan March 2005 yang lalu, umat Islam digemparkan dengan tindakan seorang wanita yang menjadi khatib dan mengimami solat Jumaat di bandar New York, Amerika Syarikat. Oleh kerana tindakan ini adalah sesuatu yang "baru" di sisi umat Islam, ramai yang menolak dan mengkritiknya secara negatif. Tidak kurang juga dicelah-celah itu, ada yang merebut peluang daripada tindakan tersebut demi mengembangkan lagi aliran *Islam Liberal* yang menjadi perjuangan mereka.

Lebih kurang pada tempoh yang sama, berlaku juga satu insiden yang menarik di tanah air. Dua buah kilang sosej telah diserbu kerana dituduh menggunakan bahan-bahan daripada khinzir dalam proses pembuatan sosej. Bertitik tolak daripada serbuan itu, timbul persoalan di kalangan umat Islam tanah air, apakah hukumnya jika mereka sebelum itu telah termakan sosej tersebut? Beberapa agamawan tanah air telah memberi jawapannya: Hendaklah disamak mulut, gigi dan lidah untuk menyucikannya daripada kesan khinzir yang terkandung dalam sosej tersebut. Memandangkan hukum samak terhadap najis khinzir adalah sesuatu yang "lama" di kalangan umat Islam tanah air, maka tidak ramai yang mempersoalkan hukum para agamawan tersebut.

Dalam risalah yang serba ringkas ini, penulis ingin mengajak para pembaca sekalian untuk meninjau semula, sejauh manakah kebenaran hukum tersebut. Ajakan penulis bukan kepada mengkritik para agamawan tersebut, tetapi kepada menganalisa sesuatu yang sudah sekian lama menjadi kefahaman kita semua. Tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa majoriti umat Islam Malaysia memahami khinzir dan anjing sebagai najis yang berat. Maka apabila sahaja bersentuhan dengan khinzir, sama ada secara keseluruhannya sebagai seekor haiwan atau sebahagian-sebahagian seperti kulit, bulu, tulang, usus, gigi dan sebagainya, hendaklah disamak dengan tujuh basuhan air, yang pertama disertai tanah.

#### **Dalil Kenajisan Khinzir Dan Cara Menyucikannya.**

Dalil yang digunakan dalam kefahaman ini ialah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah najis."**  
 [al-An'aam 6:145]

Jika daging khinzir adalah najis, sudah tentu keseluruhan badan dan anggota khinzir adalah najis juga. Ini kerana daging merupakan bahagian yang

utama bagi seekor haiwan sehingga jika ia najis, sudah tentu selainnya adalah najis.

Cara untuk menyucikan diri daripada khinzir ialah menyamaknya dengan tujuh basuhan air dengan basuhan yang pertama disertai dengan tanah. Ini merujuk kepada cara menyucikan diri daripada sentuhan anjing berdasarkan hadis:

!!!!!! !!!! ^ ^ !!!!! !!!! ^ ^ !!! !!! ^ ^ ! ! ! ! ! ! ! !

**"Apabila seekor anjing minum dalam bekas salah seorang daripada kamu, maka basuhlah ia tujuh kali."** [Shahih al-Bukhari – hadis no: 172 (*Kitab Wudhu, Bab jika anjing minum daripada bekas air.....*)]

Jika anjing yang tidak disebut dalam al-Qur'an perlu disamak dengan tujuh basuhan, sudah tentu khinzir yang disebut kenajisannya dalam al-Qur'an lebih patut disamak dengan tujuh basuhan juga.

Demikian dalil dan hujah majoriti ahli fiqh berkenaan hukum kenajisan khinzir dan anjing serta cara menyucikan diri daripadanya. Merujuk kepada hukum kenajisan anjing, penulis telah menulis sebuah risalah khusus tentangnya berjudul "*Hukum Kenajisan Anjing: Satu Penilaian Semula.*" Ia boleh dirujuk dalam buku penulis "*Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah*" (*Buku 3*) terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005. Maka dalam risalah ini, penulis akan memberi tumpuan kepada meninjau semula hukum kenajisan khinzir dan perkara-perkara berkaitan dengannya sahaja. Tinjauan adalah berdasarkan dalil-

dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Kemungkinan apa yang bakal dikemukakan oleh penulis dalam risalah ini adalah sesuatu yang baru lagi ganjil kepada sebahagian pembaca. Diharapkan yang menjadi ukuran benar atau salah ialah dalil dan hujah, bukan kebaruan dan keganjilannya.

#### **Tinjauan # 1: Setiap Sesuatu Adalah Baik, Halal Dan Bermanfaat.**

Tinjauan dimulakan dengan menjelaskan satu perkara yang amat asas lagi pokok dalam bab ini, iaitu setiap sesuatu yang ada di alam ini adalah baik dan bermanfaat untuk manusia. Maha Suci Allah daripada mencipta sesuatu yang buruk, rosak, dan sia-sia sehingga tidak memiliki manfaat untuk manusia. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya.*** [al-Sajdah 32:07]

***Dia-lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.*** [al-Baqarah 2:29]

***Dan Dia (Allah) memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.*** [al-Jatsiyah 45:13]

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka." [Ali Imran 3:191]

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai **hasan** oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 1726 (*Kitab al-Libas, Bab berkenaan pakaian kulit binatang*) Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

*"Yang halal adalah apa yang dihalalkan oleh Allah di dalam kitabnya dan yang haram adalah apa yang diharamkan oleh Allah di dalam kitabnya. Dan apa yang didiamkan oleh Allah maka ia adalah sebuah kelapangan daripada-Nya."*

Oleh itu setiap sesuatu yang ada di alam ini adalah baik dan bermanfaat untuk manusia melainkan wujud dalil yang sah lagi jelas (*qathi'*) yang menerangkan sebaliknya. Demikian juga, untuk ia menjadi baik dan bermanfaat, tentulah ianya suci bagi manusia. Maka dengan itu setiap sesuatu yang ada di

alam ini adalah suci melainkan wujud dalil yang sahih lagi jelas yang menerangkan kenajisannya.

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi *hafizahullah* menjelaskan dalam kitabnya *Fikih Thaharah* (edisi terjemahan oleh Samson Rahman; al-Kautsar, Jakarta, 2004), ms. 14:

Dari sini lahirlah sebuah kaedah umum yang mengatakan bahawa asal dari segala sesuatu adalah suci sehingga kita tahu kenajisannya berdasarkan dalil yang kuat. Kita tidak boleh menganggapnya menjadi najis kecuali dengan nas syari'at yang sabit dan dengan adanya dalil yang kuat dari kitab Allah atau dari Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam hal ini tidak ada pandangan dan pendapat orang-orang tertentu dan ijtihad para mujtahid. Dan kita yakin bahawa hukum syari'at di sini adalah sesuatu yang pasti bersesuaian dengan fitrah yang lurus dan akal yang sihat. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah berkata: "Ketahuilah bahawa asal dari segala sesuatu yang ada itu - dengan segala perbezaan bentuk dan sifatnya - adalah halal secara mutlak bagi anak Adam (manusia) dan suci serta tidak diharamkan ke atas mereka untuk menyentuh dan memegangnya."

#### **Tinjauan # 2: Hukum Asal Bagi Khinzir.**

Khzinir termasuk dalam keumuman ayat-ayat, hadis dan kaedah yang terbina daripadanya sebagaimana yang dijelaskan di atas. Oleh itu hukum asal

bagi khinzir adalah baik dan bermanfaat bagi manusia kecuali dagingnya di mana ia tidak suci dan tidak halal untuk dimakan. Pengecualian ini adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah najis."**

[al-An'aam 6:145]

Secara terperinci, ayat di atas terbahagi kepada dua bahagian.

- Bahagian Pertama adalah firman-Nya: "**Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya.....**" Ini merujuk kepada hukum asal sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, bahawa segala sesuatu adalah halal dan suci untuk dimakan.
- Bahagian Kedua mengecualikan keumuman Bahagian Pertama di atas: "**.....melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah najis.**" Berdasarkan pengecualian ini, dapat diketahui bahawa yang tidak suci dan tidak halal daripada khinzir hanyalah memakan dagingnya.

Dengan itu diulangi bahawa khinzir adalah baik dan bermanfaat bagi manusia kecuali dagingnya dimana ia adalah tidak suci dan tidak halal untuk

dimakan. Para ilmuan telah meluaskan erti "daging khinzir" kepada seluruh anggota dan organ khinzir. Oleh itu kita dilarang daripada memakan atau menjadikan bahan pemakanan apa-apa yang berasal daripada khinzir.

**Tinjauan # 3: Menganalisa Pendapat Yang Menajiskan Keseluruhan Khinzir.**

Jelas dalam ayat 145 surah al-An'aam di atas bahawa yang najis hanyalah menjadikan khinzir sebagai bahan makanan. Sesuatu yang najis untuk dimakan tidaklah bererti najis secara keseluruhannya. Justeru pendapat yang menajiskan seluruh khinzir adalah pendapat yang tidak tepat. Ini kerana seandainya keseluruhan khinzir adalah najis, pasti Allah dan Rasul-Nya akan menetapkan sedemikian. Namun apabila Allah hanya mengkhususkannya kepada kenajisan khinzir dalam konteks pemakanan, bererti Allah sememangnya mengkehendaki pengkhususan tersebut. Tak perlu manusia bersikap lebih "bijak" daripada Allah dengan meluaskannya kepada keseluruhan khinzir.

**Tinjauan # 4: Menganalisa Pendapat Yang Mewajibkan Samak Apabila Bersentuhan Dengan Khinzir.**

Setelah jelas bahawa keseluruhan khinzir bukan najis kecuali dalam konteks pemakanan, maka apakah hukum bersentuhan dengan khinzir atau perkakas yang pernah digunakan untuk menyaji daging khinzir? Adakah ia perlu

disamak dengan tujuh basuhan air dengan basuhan yang pertama disertai tanah atau memadai dengan basuhan air seperti biasa?

Hadir berikut yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan dinilai **sahih** oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 3839 (*Kitab pemakanan, Bab makan dalam perkakas Ahl al-Kitab*) menjadi rujukan:

*Abi Tsa'labah al-Khusyani radhiyallahu 'anh berkata, saya bertanya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: "Sesungguhnya kami bertetangga dengan Ahl al-Kitab. Mereka biasa memasak daging khinzir di dalam periuk mereka dan meminum khamar di dalam gelas mereka (lalu bolehkah kami menggunakan periuk dan gelas tersebut?)"*

*Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jika kalian dapat menggunakan perkakas yang lain maka makan dan minumlah dalamnya. Jika kalian tidak dapat perkakas yang lain maka cucilah ia dengan air kemudian makan dan minumlah."*

Jawapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menunjukkan bahawa perkakas yang bersentuhan dengan daging khinzir tidak perlu disamak tetapi memadai dibasuh dengan air sahaja. Berdasarkan hadis di atas maka pendapat

yang mewajibkan samak sebagai metode penyucian apabila bersentuhan dengan daging khinzir, atau keseluruhan khinzir, adalah pendapat yang tidak tepat.

#### **Tinjauan # 5: Kenapakah Daging Khinzir Dianggap Najis?**

Ramai orang yang membuat rumusan bahawa daging khinzir adalah najis kerana ia adalah binatang yang lazimnya memakan kotoran dan hidup di habitat yang kotor. Oleh itu memakan daging khinzir akan membawa kesan yang negatif kepada manusia. Ini adalah pendapat yang berdasarkan logik yang mudah serta penemuan sains yang tidak muktamad. Sebab pada realitinya banyak manusia yang memakan daging khinzir tanpa menghadapi apa-apa kesan negatif daripadanya. Pada waktu yang sama ada manusia yang menerima kesan negatif kerana memakan daging lembu, kambing, ayam dan sebagainya. Lalu bagaimanakah hendak dineracai hakikat ini?

Hal ini sebagaimana pendapat sebahagian orang yang mengatakan terdapat virus pada air liur anjing sehingga dengan itu kita diwajibkan samak daripada jilatannya. Akan tetapi pada realitinya anjing lazim menjilat orang yang memelihiaranya sebagai binatang kesayangan dan kita tidak melihat apa-apa kesan negatif kepada mereka.

Yang benar istilah najis itu sendiri memiliki banyak maksud di dalam bahasa Arab. Yang penting bagi kita ialah menjauhinya, bukan kerana logik atau penemuan sains tetapi kerana "Kami dengar dan kami taat" terhadap perintah

larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini kerana perintah larangan Allah adakala memiliki alasan logik di sebaliknya, adakala memiliki alasan ilmiah di sebaliknya dan adakala memiliki alasan ujian bagi orang yang beriman. Bukankah Allah telah berfirman:

***Dia-lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (bagi kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya.*** [al-Mulk 67:02]

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi memperincikan hakikat ini:

Mungkin ada beberapa orang yang mempersoalkan, kotoran apa yang terdapat di dalam khinzir? Sebagaimana yang kami katakan mengenai air liur anjing, maka demikian juga kami katakan mengenai daging khinzir. Kita terikat oleh perintah larangan serta beban syari'at sama ada kita mengetahui alasannya atau tidak. Ini merupakan bentuk ujian terhadap keimanan kita semua. Apakah kita taat kepada Tuhan kita atau kita taat terhadap akal kita? Sesungguhnya kewajipan kita adalah mengatakan apa yang diperintahkan kepada kita walaupun kita tidak mengerti maknanya. Kita mendengar dan kita taat. Kita meminta ampun kepada-Mu wahai tuhan dan kepada-Mu kita kembali. [*Fikih Thaharah*, ms. 28]

**Tinjauan # 6: Menganalisa Pendapat Yang Mengkategorikan Khinzir Sebagai Najis Berat.**

Dimaklumi bahawa pendapat yang masyhur mengkategorikan khinzir dan anjing sebagai najis berat, dikenali juga sebagai najis *mughallazhah* (منظلة). Sebenarnya mengkategorikan khinzir dan anjing sebagai najis berat tidak memiliki asas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Lebih berat, mengkategorikan khinzir dan anjing secara sedemikian membuatkan umat Islam memandang mereka sebagai makhluk yang najis, jijik, hina, buruk dan layak dizalimi. Pandangan atau sikap seperti ini adalah satu kesalahan besar di dalam Islam.

Ketahuilah bahawa khinzir dan anjing adalah makhluk yang dicipta oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firman-Nya:

***Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Dia kehendaki kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*** [al-Nur 24:45]

Mereka termasuk para makhluk yang sujud kepada Allah:

***Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat;***

***sedang mereka tidak berlaku sompong takbur (daripada beribadat dan sujud kepada-Nya).*** [al-Nahl 16:49]

Malah mereka juga sentiasa berzikir kepadanya:

***Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.*** [al-Isra' 17:44]

Habitat kehidupan khinzir yang kotor pada ukuran manusia tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mengkategorikannya sebagai haiwan najis berat kerana ia pada asalnya adalah ketentuan Allah jua:

***Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).*** [Hud 11:06]

Khinzir dan anjing termasuk dalam keumuman makhluk yang disebut dan dipuji oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dalam ayat-ayat-Nya di atas. Maka siapakah manusia untuk menyelisih ayat-ayat Allah di atas dengan mengkategorikan makhluk-Nya sebagai haiwan yang najis, jijik, hina dan dengan pelbagai sifat lain yang buruk?

Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengampuni kesalahan kita, amin.

#### **Tinjauan # 7: Hukum Memanfaatkan Khinzir Selain Dagingnya.**

Timbul persoalan selanjutnya, bolehkah kita memanfaatkan bahagian-bahagian khinzir selain dagingnya seperti kulit, bulu, gigi, tulang, usus, otak, enzim dan sebagainya? Adakah ia termasuk dalam kategori bangkai yang diharamkan dalam ayat 145 surah al-An'aam?

Persoalan ini dijawab dari dua sudut:

Pertama: Dimanfaatkan bukan untuk tujuan pemakanan.

Perbicaraan ayat 145 surah al-An'aam merujuk kepada apa yang halal dan apa yang haram untuk dijadikan makanan. Marilah kita merujuk kembali kepada ayat tersebut:

**Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah najis."**  
 [al-An'aam 6:145]

Oleh itu apa yang tidak dijadikan makanan, maka ia kembali pada hukum asal di mana segala sesuatu adalah baik, suci, halal dan bermanfaat kepada manusia. Maka dengan itu dibolehkan memanfaatkan apa-apa daripada khinzir

yang kegunaannya bukan untuk pemakanan. Secara lebih terperinci:

- Boleh menggunakan bulu khinzir untuk dibuat berus.
- Boleh menggunakan keputihan tulangnya (*bone white*) untuk membuat pinggan.
- Boleh menggunakan usus atau enzimnya dalam kegunaan kosmetik dan kebersihan seperti krim, sabun dan sebagainya.
- Boleh menggunakan kulit khinzir untuk dibuat beg, jaket dan kasut dengan syarat ia disamak terlebih dahulu sebagaimana kulit haiwan-haiwan yang lain. Ini berdalikan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Ahmad, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah yang **disahihkan** oleh al-Albani di dalam *Shahih al-Jami al-Shagheir* – hadis no: 2711:



**"Kulit apa saja yang disamak maka ia adalah suci."**

Kedua: Dimanfaatkan untuk tujuan pemakanan.

Jika sesuatu daripada khinzir selain dagingnya ingin dijadikan sumber makanan, maka setakat ini penulis belum menemui mana-mana ahli fiqh dan ilmuwan Islam yang membicarakannya secara mendalam. Malah mereka meluaskan erti "daging khinzir" dalam ayat 145 surah al-An'aam kepada keseluruhan khinzir dalam konteks pemakanan.

Lebih dari itu ayat 145 surah al-An'aam telah melarang kita memakan bangkai. Yang dimaksudkan sebagai bangkai ialah semua binatang, termasuk khinzir, yang mati tanpa disembelih seperti mati kerana sakit, tercekik, dipukul, jatuh, diterkam binatang lain dan sebagainya. Setakat ini tidak diketahui ada khinzir yang disembelih.

Oleh itu yang menjadi pilihan ialah tidak memanfaatkan apa-apa yang berasal dari khinzir untuk tujuan pemakanan.

Seperkara lain yang perlu ditekankan adalah, seseorang itu tidak perlu memberat-beratkan dirinya untuk menyelidik sama ada makanan yang ingin diambilnya mengandungi unsur khinzir atau tidak. Ini kerana syari'at Islam tidak memberatkan seseorang melebihi kemampuannya. Firman Allah:

***Dan Dia (Allah) tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*** [al-Hajj 22:78]

***Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*** [al-Maidah 5:06]

***Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu.*** [al-Maidah 5:101]

Oleh itu:

- Jika bagi sesuatu makanan tercatit secara jelas bahawa ia mengandungi unsur khinzir, maka jauhilah makanan tersebut.
- Jika bagi sesuatu makanan tidak dicatit secara jelas mengandungi unsur khinzir, maka dibolehkan mengambil makanan tersebut. Sebagai contoh, ada segelintir orang yang menjadi fobia melihat makanan yang kandungannya (*ingredients*) disenaraikan kod-kod kimia seperti E114, G45 dan sebagainya. Mereka membuat andaian bahawa ia adalah sesuatu yang dibuat daripada khinzir. Selagi mana andaian ini tidak memiliki bukti yang kukuh, maka ia tidak perlu diberi perhatian. Ini kerana keyakinan tidak dapat diubah oleh keraguan atau sangkaan.

Jika seseorang itu tanpa disedarinya telah memakan sesuatu yang mengandungi unsur khinzir, maka adalah memadai baginya berkumur-kumur seperti biasa. Mulutnya tidak perlu disamak.

### **Kesimpulan.**

Sebagaimana yang penulis sebut di permulaan risalah ini, kemungkinan apa yang dijelaskan di atas berkenaan hukum khinzir adalah sesuatu yang baru lagi ganjil kepada sebahagian pembaca. Akan tetapi bezakan bahawa apa yang penulis jelaskan adalah sesuatu yang berpijak di atas dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Maka nilailah penjelasan di atas berdasarkan dalil-dalilnya, bukan kebiasaan yang selama ini dipegang.

Ringkasnya khinzir adalah binatang yang baik dan bermanfaat bagi manusia. Kita hanya dilarang daripada memanfaatkannya sebagai sumber pemakanan. Jika tersentuh khinzir, memadai dengan basuhan air biasa. Lebih penting, hendaklah disedari bahawa khinzir dan anjing adalah dua makhluk Allah. Dengan kesedaran ini, janganlah kita mengkategorikannya sebagai makhluk yang najis, jijik, hina dan pelbagai lagi sangkaan yang buruk.

### **Pendirian Aisyah Dan Para Sahabat Di Sebalik Perang Jamal**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Sekalipun aliran Syi'ah telah diharamkan di Malaysia, sebahagian daripada ajaran mereka masih tersebar luas. Di antaranya ialah berkenaan sejarah para sahabat, dimana banyak buku-buku tempatan yang memuatkan kisah tersebut berdasarkan versi Syi'ah. Sejarah versi Syi'ah mudah dikenali, ia bersifat pro kepada Ali bin Abi Thalib serta ahli keluarganya dan bersifat kontra kepada para sahabat yang lain. Kisah-kisah sejarah versi Syi'ah telah mendapat tempat yang kukuh dalam pemikiran umat Islam tanah air sejak di bangku sekolah sehingga dianggap ia adalah fakta yang benar.

Hal ini menyebabkan beberapa kisah sejarah versi Syi'ah telah turut menyelinap masuk ke dalam *Majalah i* edisi Jun 2005, dalam ruangan *Srikandi* (mukasurat 56-58) di atas judul *Zainab bin Ali Saksi Peristiwa Karbala*. Kisah-kisah sejarah ini perlu diteliti semula agar para pembaca sekalian tidak terkesan dengan fitnah Syi'ah ke atas para sahabat *radhiyallahu 'anhuma*. Oleh itu saya, dengan segala kekurangan dan rendah diri, menyusun artikel ini sebagai satu penelitian ke atas beberapa kenyataan yang terkandungan dalam artikel *Zainab bin Ali Saksi Peristiwa Karbala*. Sebagai permulaan, penelitian ditujukan kepada peristiwa Perang Jamal sahaja.

Sebelum memulakan penelitian ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan syabas kepada pihak editorial *Majalah i* yang dengan segala keterbukaan telah sudi menerima dan menyiarkan artikel ini. Ia tidak lain menunjukkan kesungguhan mereka dalam menyampaikan ilmu yang terbaik kepada para pembaca sekalian. Selain itu, saya juga ingin mengajak para pembaca sekalian untuk berusaha mengenali para sahabat dan mengkaji sejarah mereka berdasarkan versi al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, bukan berdasarkan versi buku-buku teks sejarah dan sebagainya. Saya sendiri, *alhamdulillah*, telah mengusahakan buku yang khas dalam bab ini, berjudul *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah Berkennaan Keutamaan Dan Sejarah Para Sahabat* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

### **Aisyah memberontak kepada Ali?**

Dalam artikel *Zainab bin Ali Saksi Peristiwa Karbala*, dinyatakan bahawa:

".....Dia (Zainab) telah menyaksikan peristiwa pemberontakan Jamal yang diketuai oleh Siti Aisyah binti Abu Bakar menentang ayahnya (Ali bin Abi Thalib), yang mengorbankan sehingga sepuluh ribu orang Islam, termasuk para sahabat....."

Kenyataan di atas adalah versi Syi'ah yang masyhur tentang Perang Jamal. Kenyataan ini memerlukan penelitian semula: Benarkah Perang Jamal adalah satu gerakan pemberontakan ke atas Ali yang diketuai oleh Aisyah?

Perang Jamal bermula apabila Aisyah, Thalhah dan al-Zubair *radhiallahu 'anhum* serta orang-orang yang bersama mereka pergi ke Basrah selepas pengangkatan Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* menjadi khalifah umat Islam. Semua ini berlaku selepas pembunuhan *Amirul Mukminin* Usman bin Affan *radhiallahu 'anh*. Melihatkan pemergian Aisyah dan pasukannya, *Amirul Mukminin* Ali turut pergi ke Basrah bersama pasukannya. Apabila menghampiri Basrah, kedua-dua pasukan ini telah bertembung dan dengan itu berlakulah satu perperangan yang dinamakan Perang Jamal. Ia dinamakan sedemikian kerana Aisyah berada di atas unta (*Jamal*) ketika perperangan tersebut.

Dalam peristiwa ini, timbul dua persoalan. **Yang pertama**, kenapakah Aisyah dan pasukannya bergerak ke Basrah? Al-Qadhi Ibn al-Arabi *rahimahullah* (543H) menerangkan bahawa orang ramai mengemukakan beberapa pendapat. Ada yang berkata mereka keluar kerana ingin melucutkan Ali daripada jawatan khalifah. Ada yang berkata mereka benci kepada Ali. Ada yang berkata mereka ingin mencari para pembunuh Usman. Ada yang berkata mereka keluar untuk menyatu-padukan semula umat Islam. Di antara semua pendapat ini, yang benar adalah yang terakhir. Al-Qadhi Ibn al-Arabi menegaskan:

"Mungkin mereka keluar demi keseluruhan umat Islam, mengumpulkan dan menyatu-padukan mereka kepada undang-undang yang satu (Islam) agar tidak berlaku kebingungan yang akan mengakibatkan perperangan. Dan inilah pendapat yang benar, tidak yang lainnya." [al-'Awashim min al-Qawashim fi Tahqiq Mawaqif al-Shahabah ba'da Wafati al-Nabi (diteliti oleh Muhib al-Din al-

Khatib; Dar al-Jil, Beirut, 1994), ms. 155]

Sebelum itu hal yang sama ditegaskan oleh al-Imam Ibn Hazm *rahimahullah* (456H):

"Dan adapun (pemergian) *Ummul Mukminin* (Aisyah), al-Zubair dan Thalhah *radhiallahu 'anhum* berserta orang-orang yang bersama mereka (ke Basrah), tidaklah mereka sedikit jua bertujuan membatalkan kekhilafahan Ali, mereka tidak mencabar jawatan tersebut, mereka tidak menyebut apa-apa kecacatan yang merendahkan beliau daripada jawatan tersebut, mereka tidak bertujuan mengangkat khalifah baru yang lain dan mereka tidak memperbaharui bai'ah kepada sesiapa yang lain. Ini adalah sesuatu yang tidak dapat diingkari oleh sesiapa jua dengan apa cara jua.

Kebenaran yang sebenar yang tidak memiliki apa-apa permasalahan padanya adalah mereka tidak pergi ke Basrah untuk memerangi Ali atau menentangnya atau mencabut bai'ah daripadanya .....yang benar mereka berangkat ke Basrah tidak lain untuk menutup (daripada berlakunya) perpecahan yang baru dalam Islam disebabkan peristiwa pembunuhan yang zalim ke atas *Amirul Mukminin Usman radhiallahu 'anh.*" [al-Fishal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal (diteliti oleh Ahmad Syams al-Din; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1996), jld. 3, ms. 83]

Berdasarkan penerangan di atas, jelas kepada kita bahawa dalam

pemergiannya ke Basrah, Aisyah *radhiallahu 'anha* tidak memiliki tujuan berperang atau memberontak terhadap Ali *radhiallahu 'anh*. Ini membawa kita ke persoalan **kedua**, jika demikian kenapakah kedua-dua pasukan ini bertembung dan berperang?

### **Kenapakah berlakunya Perang Jamal?**

Al-Imam Ibn Hazm melanjutkan, pasukan Ali turut ke Basrah bukan untuk memerangi pasukan Aisyah tetapi untuk bersatu dengan mereka, menguatkan mereka dan menyatukan umat Islam dalam menghadapi peristiwa pembunuhan Usman. [*al-Fishal*, jld. 3, ms. 83]

Akan tetapi pada waktu yang sama wujud juga orang-orang yang sebelum itu terlibat dalam pembunuhan Usman. Mereka menyamar diri dengan berselindung di kalangan umat Islam. Apabila melihat Aisyah dan pasukannya pergi ke Basrah, mereka menyalakan api fitnah kononnya pemergian tersebut adalah kerana perpecahan daripada kekhilafahan Ali. Namun apabila para pembunuhan Usman mendapat tahu bahawa pasukan Aisyah dan Ali telah bersatu, mereka menjadi bimbang lagi cemas. Ini kerana selagi mana umat Islam berpecah, selagi itulah para pembunuhan Usman terselamat daripada apa-apa tindakan. Sebaliknya jika umat Islam bersatu, pasti kesatuan tersebut akan memudahkan tindakan diambil ke atas para pembunuhan Usman.

Maka para pembunuhan Usman merancang untuk melagakan kedua-dua

pasukan tersebut. Pada awal pagi ketika hari masih gelap, mereka menyerang pasukan Aisyah. Dalam suasana terperanjat daripada tidur yang lena, pasukan Aisyah menyangka bahawa pasukan Ali telah berlaku khianat dan menyerang mereka. Sebagai tindakan mempertahankan diri sendiri (*self defense*), mereka menyerang balas ke atas pasukan Ali. Pasukan Ali pula menyangka pasukan Aisyah telah berlaku khianat dan menyerang mereka. Dengan itu mereka menyerang balas, juga sebagai tindakan mempertahankan diri sendiri. Tanpa disangka-sangka, bermulalah Perang Jamal sekali pun kedua-dua pihak pada asalnya tidak memiliki apa-apa tujuan berperang. Al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* (774H) memperincikan detik-detik yang mengakibatkan bermulanya Perang Jamal:

"Orang-orangpun merasa tenang lagi lega ..... pada waktu malamnya kedua-dua pihak bermalam dalam keadaan yang sebaik-baiknya. Akan tetapi para pembunuh Usman melalui malam tersebut dalam keadaan yang seburuk-buruknya. Mereka berbincang dan bersepakat untuk mengobarkan perang pada awal pagi esoknya. Mereka bangun sebelum terbit fajar, jumlah mereka menghampiri seribu orang. Masing-masing kelompok bergabung dengan pasukannya lalu menyerang mereka (pasukan Aisyah) dengan pedang. Setiap golongan bergegas menuju kaumnya untuk melindungi mereka. Orang-orang (pasukan Aisyah) bangun dari tidur dan terus mengangkat senjata. Mereka berkata: "Penduduk Kufah (pasukan Ali) menyerbu kita pada malam hari, mereka mengkhianati kita!"

Mereka (pasukan Aisyah) mengira bahawa para penyerang itu berasal dari pasukan Ali. Suasana hura hara tersebut sampai ke pengetahuan Ali, lalu beliau bertanya: "Apa yang terjadi kepada orang ramai?" Mereka menjawab: "Penduduk Basrah (pasukan Aisyah) menyerang kita!"

Maka kedua-dua pihak mengangkat senjata masing-masing, mengenakan baju perang dan menaiki kuda masing-masing. Tidak ada seorang juu yang menyedari apa yang sebenarnya terjadi." [al-Bidayah wa al-Nihayah (diteliti oleh Ahmad 'Abd al-Wahhab; Dar al-Hadith, Kaherah, 1997), jld. 7, ms. 227]

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) meringkaskan detik-detik ini dalam satu perenggan:

"Mereka (para pembunuh Usman) menyerang khemah Thalhah dan al-Zubair. Lalu Thalhah dan al-Zubair menyangka bahawa Ali telah menyerang mereka, maka mereka menyerang kembali untuk mempertahankan diri (*self defense*). Seterusnya Ali pula menyangka bahawa mereka (Thalhah dan al-Zubair) menyerangnya, maka Ali menyerang kembali untuk mempertahankan diri. Maka berlakulah fitnah (peperangan) tanpa ia menjadi pilihan mereka (kedua-dua pihak). Manakala Aisyah *radhiyallahu anha* hanya berada di atas pelana untanya, beliau tidak menyerang dan tidak memerintahkan serangan. Demikianlah yang diterangkan oleh tidak seorang daripada para ilmuan dalam bidang sejarah (*Ah/*

*al-Ma'rifat bi al-Akhbar)." [Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Qadariyyah* (diteliti oleh M. Rasyad Salim; Muassasah Qurtubiyyah, 1986), jld. 4, ms. 317]

Demikianlah penjelasan para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berkenaan Perang Jamal. Kembali kepada persoalan asal pada permulaan artikel ini: Benarkah Perang Jamal adalah satu gerakan pemberontakan ke atas Ali yang diketuai oleh Aisyah? Penjelasan Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah menjadi jawapan kepada persoalan asas ini, sekali gus sebagai penutup kepada artikel ini:

"Sesungguhnya Aisyah tidak diperangi dan tidak pergi untuk berperang. Sesungguhnya beliau pergi hanya untuk kebaikan umat Islam. Beliau menjangkakan pada pemergiannya terdapat kemaslahatan kepada umat Islam. Kemudian sesudah itu jelas baginya bahawa meninggalkan pemergian tersebut adalah lebih tepat. Maka setelah itu apabila sahaja beliau mengingat kembali pemergiannya itu, beliau menangis sehingga membasahi kain tudungnya." [Minhaj al-Sunnah, jld. 4, ms. 316]

### **Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perang Siffin**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Dalam artikel *Zainab bin Ali Saksi Peristiwa Karbala (Majalah i Jun 2005)*, disebut bahawa:

"Zainab juga telah menyaksikan pertempuran demi pertempuran yang terpaksa ditempoh oleh ayahnya dalam menentang kaum pemberontak yang dipimpin oleh Muawiyah bin Abu Sufyan, seperti pertempuran di Siffin..."

Di atas adalah juga sejarah versi Syi'ah yang amat masyhur. Perlu diteliti semula, benarkah Muawiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anh* memimpin kaum pemberontak ke atas *Amirul Mukminin* Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh*? Sebelum menjawab persoalan ini, ingin saya jelaskan terlebih dahulu keutamaan Muawiyah. Ini kerana sejak dari bangku sekolah, kebanyakannya di kalangan kita mengenali beliau sebagai seorang sahabat yang zalim, pendusta dan pelbagai lagi sifat yang negatif. Pengenalan bentuk negatif ini begitu meluas sehingga jarang-jarang kita menemui ibubapa yang menamakan anaknya "Muawiyah" berbanding dengan nama para sahabat yang lain.

#### **Keutamaan Muawiyah bin Abi Sufyan.**

Muawiyah bin Abi Sufyan adalah salah seorang sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mulia. Beliau dilahirkan 15 tahun sebelum

peristiwa hijrah. Mengikut pendapat yang lebih tepat, beliau memeluk Islam selepas Perjanjian Hudaibiyah, iaitu antara tahun 6 hingga 8 hijrah. [Maulana M. Asri Yusoff – *Sayyidina Mu'awiyah: Khalifah Rashid Yang Teraniaya* (Pustaka Bisyaarah, Kubang Kerian, 2004), ms. 9-10]. Dalam sebuah hadis yang dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani *rahimahullah*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mendoakan Muawiyah: "**Ya Allah! Jadikanlah beliau orang yang memimpin kepada hidayah dan berikanlah kepada beliau hidayah.**" [*Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, 1995), hadis no: 1969]

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 2924 bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "**Pasukan pertama daripada kalangan umatku yang berperang di laut, telah dipastikan bagi mereka (tempat di syurga).**" Fakta sejarah mencatatkan bahawa armada laut yang pertama bagi umat Islam dipimpin oleh Muawiyah pada zaman pemerintahan *Amirul Mukminin Usman ibn Affan radhiallahu 'anh*.

Di dalam *Shahih Muslim* – hadis no: 2501, Abu Sufyan pernah meminta kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* agar Muawiyah menjadi jurutulis baginda. Rasulullah memperkenankan permintaan ini. Sejak itu Muawiyah menjadi jurutulis al-Qur'an dan surat-surat Rasulullah, sekali gus menjadi orang yang dipercayai di sisi baginda.

Muawiyah juga merupakan seorang sahabat yang dihormati oleh para sahabat yang lain. Beliau diangkat menjadi gabenor di Syam semasa zaman

pemerintahan *Amirul Mukminin* Umar dan Usman. Pada zaman pemerintahan beliau sendiri, pernah seorang mengadu kepada Ibn Abbas *radhiallahu 'anh* bahawa Muawiyah melaksanakan solat witir dengan hanya satu rakaat. Ibn Abbas menjawab: "**(Biarkan), sesungguhnya dia seorang yang faqih (faham agama).**" [Shahih al-Bukhari – hadis no: 3765]

Demikianlah beberapa keutamaan Muawiyah yang sempat dinyatakan dalam tulisan ini. Dapat dikenali bahawa beliau bukanlah sebarangan orang tetapi merupakan salah seorang sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mulia.

#### **Pendirian Muawiyah tentang kekhalifahan Ali.**

Apabila *Amirul Mukminin* Usman ibn Affan *radhiallahu 'anh* dibunuh, Ali bin Abi Thalib diangkat menjadi khalifah. Beliau dibai'ah oleh sebahagian umat Islam. Wujud sebahagian lain yang tidak membai'ah beliau, di antaranya ialah Muawiyah. Hal ini berlaku bukan kerana Muawiyah menafikan jawatan khalifah daripada Ali, akan tetapi Muawiyah mengkehendaki Ali terlebih dahulu menjatuhkan hukuman hudud ke atas para pembunuh Usman. Al-Imam Ibn Hazm *rahimahullah* menerangkan hakikat ini:

"Dan tidaklah Muawiyah mengingkari sedikit jua akan keutamaan Ali dan hak beliau untuk menjadi khalifah. Akan tetapi pada ijtihad beliau, perlu didahului penangkapan ke atas para pembakar api fitnah daripada kalangan para

pembunuhan Usman *radhiyallahu 'anh* daripada urusan bai'ah. Dan beliau juga berpendapat dirinya paling berhak untuk menuntut darah Usman." [al-Fishal, jld. 3, ms. 85]

Di sisi *Amirul Mukminin* Ali bin Abi Thalib, beliau bukan sengaja membiarkan para pembunuhan Usman berkeliaran secara bebas. Malah beliau mengetahui bahawa mereka itu menyamar diri dan berselindung di kalangan umat Islam serta berpura-pura membai'ah beliau. Akan tetapi dalam suasana umat Islam yang masih berpecah belah, adalah sukar untuk beliau mengambil apa-apa tindakan. Sebaliknya jika umat Islam bersatu, mudah baginya untuk mengambil tindakan ke atas para pembunuhan Usman.

### **Berlakunya Perang Siffin.**

Setelah Perang Jamal berakhir, *Amirul Mukminin* Ali bin Abi Thalib menghantar utusan kepada Muawiyah meminta beliau berbai'ah kepada dirinya. Muawiyah menolak, sebaliknya mengulangi tuntutannya agar *Amirul Mukminin* Ali mengambil tindakan ke atas para pembunuhan Usman. Jika tidak, Muawiyah sendiri yang akan mengambil tindakan. Mendengar jawapan yang sedemikian, *Amirul Mukminin* Ali menyiapkan pasukannya dan mula bergerak ke arah Syam. Senario ini menyebabkan Muawiyah juga mempersiapkan pasukannya dan mula bergerak ke arah Kufah. Akhirnya kedua-dua pasukan ini bertemu di satu tempat yang bernama Siffin dan bermulalah perperangan yang dikenali dengan Perang Siffin.

Para pengkaji berbeza pendapat, kenapakah *Amirul Mukminin* Ali mempersiapkan pasukannya ke arah Syam? Persoalan ini masih memerlukan penitian yang mendalam dengan mengambil kira faktor-faktor luaran dan dalaman yang wujud pada ketika itu. *Amirul Mukminin* Ali tidak akan mengambil apa-apa tindakan melainkan ia adalah untuk kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Hal ini mengingatkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang meramalkan berlakunya Perang Siffin:

**"Tidak akan datang Hari Kiamat sehingga dua kumpulan yang besar saling berperang. Berlaku antara kedua-duanya pembunuhan yang dahsyat padahal seruan kedua-dua kumpulan tersebut adalah satu (yakni kebaikan Islam dan umatnya)." [Shahih Muslim – hadis no: 157]**

### **Muawiyah memberontak kepada Ali?**

Kini penelitian kita sampai kepada persoalan: Benarkah Muawiyah memimpin pemberontakan ke atas *Amirul Mukminin* Ali? Jawapannya tidak. Ini kerana jika dikatakan seseorang itu memberontak kepada pemimpinnya, nescaya pemberontak itulah yang bergerak ke arah pemimpin. Akan tetapi dalam kes Muawiyah, beliau tidak bergerak ke arah *Amirul Mukminin* Ali. Sekalipun Muawiyah enggan membai'ah Ali, beliau hanya berdiam diri di Syam tanpa memulakan apa-apa tindakan ketenteraan. Syaikh Muhib al-Din al-Khatib *rahimahullah* (1389H) menjelaskan:

".....lalu Ali berangkat meninggalkan Kufah dan menuju di permulaan jalan yang menuju ke arah Syam dari Iraq. Ali mengisyaratkan supaya orang ramai tetap tinggal di Kufah dan mengirimkan yang selainnya ke Syam. Sampai berita kepada Muawiyah bahawa Ali telah mempersiapkan pasukannya dan Ali sendiri keluar untuk memerangi beliau. Maka para pembesar Syam mengisyaratkan kepada Muawiyah agar dia sendiri turut keluar (untuk berhadapan dengan pasukan Ali). Maka orang-orang Syam berangkat menuju ke Sungai Furat melalui Siffin dan Ali maju bersama pasukannya menuju Siffin juga.

.....Seandainya Ali tidak mempersiapkan pasukan yang bergerak dari Kufah nescaya Muawiyah tidak akan bergerak (dari Syam)." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 166 & 168 ]

Dalam persoalan ini terdapat sebuah hadis yang lazim dijadikan alasan melabel Muawiyah sebagai pemberontak. Hadis tersebut diriwayatkan oleh al-Imam Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 2916 di mana Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada 'Ammar bin Yasir radhiyallahu 'anh: "**Engkau akan dibunuh oleh kelompok pemberontak.**" Di dalam Perang Siffin, 'Ammar berada di dalam pasukan Amirul Mukminin Ali dan beliau terbunuh dalam peperangan tersebut. Lalu Muawiyah dilabel sebagai pemberontak kerana pasukan beliaulah yang memerangi Ali sehingga menyebabkan 'Ammar terbunuh.

Sebenarnya tidak tepat menggunakan hadis di atas untuk melabel

Muawiyah sebagai pemberontak. Sebabnya:

1. Sejak awal para sahabat mengetahui bahawa 'Ammar bin Yasir berada di dalam pasukan *Amirul Mukminin* Ali. Dengan itu, sesiapa yang memerangi pasukan Ali, nescaya mereka adalah para pemberontak. Akan tetapi fakta sejarah mencatatkan bahawa ramai sahabat yang mengecualikan diri daripada Perang Siffin. Jika mereka memandang pasukan Muawiyah sebagai pemberontak, nescaya mereka tidak akan mengecualikan diri, malah tanpa lengah akan menyertai pasukan Ali. Sikap mereka yang mengecualikan diri menunjukkan mereka tidak memandang pasukan Muawiyah sebagai pihak yang memberontak. Perlu ditambah bahawa hadis yang meramalkan pembunuhan 'Ammar bin Yasir oleh kelompok pembangkang adalah hadis *mutawatir* yang diriwayatkan oleh lebih daripada 20 orang sahabat. [Rujuk *Qathf al-Azhar al-Mutanatsirah fi al-Akhbar al-Mutawatirah* oleh al-Imam al-Suyuthi (911H) (al-Maktab al-Islami, Beirut, 1985), hadis no: 104]
2. *Amirul Mukminin* Ali juga mengetahui bahawa 'Ammar bin Yasir berada dalam pasukannya. Akan tetapi Ali mengakhiri Perang Siffin melalui perdamaian yang disebut sebagai peristiwa *Tahkim*. Seandainya Ali memandang Muawiyah sebagai pemberontak, nescaya beliau tidak akan melakukan apa-apa usaha perdamaian dengannya.
3. Apabila terbunuhnya *Amirul Mukminin* Ali, jawatan khalifah diserahkan kepada anaknya, Hasan bin Ali *radhiyallahu 'anh*. Tidak berapa lama

selepas itu, Hasan menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah. Padahal Hasan juga mengetahui bahawa 'Ammar bin Yasir telah terbunuh dalam Perang Siffin. Jika Hasan memandang Muawiyah sebagai pemberontak, nescaya beliau tidak akan menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah. Namun Hasan tetap menyerahkannya, menunjukkan beliau tidak memandang Muawiyah sebagai pemberontak.

Semua ini membawa kepada persoalan seterusnya, siapakah yang sebenarnya dimaksudkan sebagai "kelompok pemberontak"? Kelompok pemberontak tersebut bukanlah pasukan Muawiyah mahupun pasukan *Amirul Mukminin* Ali, akan tetapi adalah orang-orang yang pada asalnya menyebabkan berlakunya perperangan antara Muawiyah dan Ali. Mereka adalah kelompok pemberontak yang asalnya memberontak kepada *Amirul Mukminin* Usman ibn Affan sehingga akhirnya membunuh beliau. Diingatkan bahawa sekalipun pada zahirnya perperangan kelihatan berlaku di antara para sahabat, faktor yang menggerakkannya ialah para pemberontak yang asalnya terlibat dalam pembunuhan Usman.

Syaikh Mubih al-Din al-Khatib *rahimahullah* menjelaskan hakikat ini:

"Sesungguhnya orang yang membunuh orang Islam dengan tangan kaum Muslimin setelah terjadinya pembunuhan Usman, maka dosanya berada di atas para pembunuhan Usman kerana mereka adalah pembuka pintu fitnah dan mereka yang menyalakan apinya dan mereka yang menipu sebahagian hati kaum muslimin

dengan sebahagian yang lain. Maka sebagaimana mereka membunuh Usman maka mereka juga membunuh setiap orang yang mati selepas Usman, di antaranya seperti 'Ammar dan orang yang lebih utama daripada 'Ammar iaitu Thalhah dan al-Zubair, sehinggalah berakhirnya fitnah dengan terbunuhnya Ali.

.....Segala sesuatu yang terjadi kerana fitnah maka yang menanggungnya adalah orang yang menyatakan apinya kerana mereka lah penyebab yang pertama. Mereka itulah "kelompok pembangkang" yang membunuh, yang menyebabkan setiap pembunuhan dalam Perang Jamal dan Perang Siffin dan perpecahan yang berlaku selepas kedua-dua perang tersebut." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 173]

#### **Kebenaran tetap bersama pemimpin.**

Sekalipun dikatakan bahawa Muawiyah bukan pemberontak, tidaklah bererti Muawiyah berada di pihak yang benar. Di dalam Islam, apabila wujud perbezaan pendapat antara pemimpin dan selain pemimpin, maka kebenaran terletak bersama pemimpin. Hendaklah mereka yang menyelisihi pemimpin tetap bersama pemimpin dan berbincang dengan beliau terhadap apa yang diperselisihkan. Di dalam peristiwa yang membawa kepada Perang Siffin, pemimpin saat itu ialah *Amirul Mukminin* Ali. Maka sikap yang lebih tepat bagi Muawiyah ialah tidak meletakkan syarat untuk membai'ah Ali, sebaliknya terus

membai'ah beliau dan kemudian berbincang dengan beliau tentang cara terbaik untuk mengambil tindakan ke atas para pembunuh *Amirul Mukminin* Usman.

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* menegaskan:

"Dan Muawiyah bukanlah daripada kalangan mereka yang memilih untuk memulakan perang, bahkan beliau daripada kalangan yang paling mengkehendaki agar tidak berlaku perang ..... yang benar adalah tidak berlakunya peperangan. Meninggalkan peperangan adalah lebih baik bagi kedua-dua pihak. Tidaklah dalam peperangan tersebut (Perang Siffin, wujud satu) pihak yang benar. Akan tetapi Ali lebih mendekati kebenaran berbanding Muawiyah. Peperangan adalah peperangan kerana fitnah, tidak ada yang wajib dan tidak ada yang sunat dan meninggalkan perang adalah lebih baik bagi kedua-dua pihak. Hanya sahaja Ali adalah lebih benar. Dan ini merupakan pendapat (al-Imam) Ahmad dan kebanyakan ahli hadis dan kebanyakannya para imam fiqh dan ini juga merupakan pendapat para tokoh sahabat dan tabi'in yang selalu mendapat kebaikan." [Minhaj al-Sunnah, jld. 4, ms. 447-448]

**Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perlantikan Yazid  
dan Pembunuhan Hasan**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Apabila disebut nama Muawiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anh*, ia lazimnya dikaitkan dengan tiga peristiwa sejarah yang buruk. Pertama adalah Perang Siffin, kedua adalah tindakan Muawiyah melantik anaknya sendiri – Yazid bin Muawiyah – menjadi khalifah yang menggantinya dan ketiga adalah penglibatan Muawiyah dalam pembunuhan Hasan bin Ali *radhiallahu 'anh*. Dalam artikel sebelumnya, kita telah meneliti pendirian Muawiyah di sebalik Perang Siffin. Maka dalam artikel ini *insya-Allah*, kita akan meneliti pendirian Muawiyah di sebalik perlantikan Yazid dan pembunuhan Hasan.

**Perlantikan Hasan bin Ali sebagai khalifah.**

Apabila Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* dibunuh, orang ramai melantik anaknya Hasan sebagai khalifah yang baru. Ali tidak mewasiatkan sesiapa juu untuk menjadi penggantinya sebagaimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak mewasiatkan sesiapa menjadi pengganti baginda. Al-Imam al-Baihaqi *rahimahullah* (458H) meriwayatkan bahawa orang meminta kepada Ali:

"Lantiklah pengganti ke atas kami!" Ali menjawab:

"Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak melantik seorang pengganti (maka aku tidak akan menyelisihi sunnah sedemikian). Akan tetapi jika Allah mengkehendaki kebaikan kepada manusia, Allah akan mengumpul mereka sesudah aku di atas kebaikan mereka (sendiri) sebagaimana Allah telah mengumpul mereka (para sahabat) sesudah Nabi mereka *shallallahu 'alaihi wasallam* di atas kebaikan mereka (sendiri)." [al-Sunan al-Kubra (diteliti oleh Muhammad 'Abd al-Qadir 'Atha'; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1999), riwayat no: 16573]

Maksudnya, apabila masyarakat itu baik, maka kebaikan mereka secara tersendiri akan melahirkan seorang pemimpin yang baik ke atas mereka. Sebaliknya apabila masyarakat itu buruk, maka keburukan mereka secara tersendiri akan melahirkan pemimpin yang buruk ke atas mereka. Demikian peraturan Allah (*sunnatullah*) kepada manusia di mukabumi ini.

Tindakan Ali yang tidak melantik seorang pengganti dan menyandarkan tindakannya itu ke atas sunnah Rasulullah membantalkan dakwaan *Syi'ah* kononnya baginda telah melantik Ali sebagai khalifah pengganti ke atas umat Islam. Adapun ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan dalil kekhalifahan Ali oleh *Syi'ah*, semuanya adalah melalui takwilan yang batil. *Alhamdulillah* saya telah menyusun tiga buku khas dalam bab ini berjudul *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah Dalam Persoalan Khalifah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

### **Hasan menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah.**

Sekalipun orang ramai melantik Hasan sebagai khalifah yang mengantikan ayahnya, Hasan lebih mengingini kemaslahatan dan persatuan umat Islam daripada jawatan tersebut. Pada saat itu umat Islam masih berselisih kerana para pembunuh Usman ibn Affan *radhiyallahu anhu* masih belum ditangkap. Hasan ingin menutup perselisihan ini. Pada pengamatan beliau, hal ini hanya mampu dicapai jika jawatan khalifah diserahkan kepada Muawiyah. Maka tanpa berbelah bahagi Hasan menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah dan kemudian membai'ah Muawiyah sebagai khalifah umat Islam yang baru. Tindakan Hasan ini memiliki beberapa kepentingan:

**Pertama:** Ia menunjukkan kemuliaan tak tertanding yang dimiliki oleh Hasan bin Ali. Beliau lebih mencintai apa yang baik untuk umat Islam melebihi segala-galanya. **Kedua:** Ia membenarkan sabda Rasulullah *shallallahu alaihi wasallam* yang pada masa hidupnya telah bersabda di atas mimbar sambil mendukung Hasan yang ketika itu masih kecil: "**Sesungguhnya cucuku ini adalah Sayyid, semoga Allah mendamaikan dengannya dua kumpulan umat Islam yang sedang berselisih.**" [Shahih al-Bukhari – hadis no: 3629] al-Qadhi Ibn al-'Arabi mengulas dua kepentingan di atas:

"...Hasan lebih berhak daripada Muawiyah dan orang-orang yang lain (untuk jawatan khalifah). Beliau memiliki sifat-sifat seperti ayahnya, iaitu mengajak kumpulan yang berselisih kepada kebenaran dan ketaatan. Maka (bagi Hasan)

perdamaian diberi kepentingan (*priority*) dan semua masalah lain diketepikan. Ini semua adalah untuk menghindari pertumpahan darah di kalangan umat Islam dan membenarkan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa Hasan adalah seorang juru damai." [al-'Awashim min al-Qawashim, ms. 206-207].

**Ketiga:** Ia membuktikan bahawa Muawiyah bukanlah musuh atau pemberontak. Ini kerana jika Muawiyah adalah musuh atau pemberontak, yang menjadi wajib adalah perang dan bukannya perdamaian. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* menerangkan:

"Ini menunjukkan bahawa mendamaikan antara dua kumpulan adalah baik dan terpuji, dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya. Apa yang dilakukan oleh Hasan adalah daripada keutamaan beliau yang amat agung dan kedudukannya yang dipuji oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Seandainya perang adalah wajib atau disunatkan, nescaya Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak akan memuji sesiapa juar yang meninggalkan kewajipan atau kesunatan tersebut." [Minhaj al-Sunnah, jld. 4, ms. 531-532]

**Keempat:** Ia membuktikan bahawa *Syi'ah* bukanlah pendukung Hasan secara khusus dan *Ahl al-Bait* secara umum. Ini kerana jika mereka adalah pendukung yang sebenar, pasti mereka rela ke atas tindakan Hasan yang menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah. Namun riwayat-riwayat sejarah menunjukkan mereka amat marah dan benci kepada Hasan atas tindakannya itu.

Malah dalam sebahagian kitab mereka, Husain lebih diberi keutamaan berbanding Hasan.

### **Muawiyah seorang pemerintah yang cemerlang.**

Dalam artikel sebelumnya, kita dapat mengenal bahawa Muawiyah bukanlah calang-calang orang, tetapi seorang sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memiliki banyak keutamaan. Pernah seorang lelaki bertanya kepada al-Mu'afi bin Imran *rahimahullah*:

"Wahai Abu Mas'ud (gelaran al-Mu'afi)! Bagaimana kedudukan Umar bin Abdul Aziz berbanding Muawiyah bin Abi Sufyan?" al-Mu'afi menjadi amat marah mendengar soalan tersebut, lantas menjawab: "Para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak dapat dibandingkan dengan sesiapa jua. Muawiyah adalah seorang sahabat (Rasulullah), ipar baginda, jurutulis baginda dan kepercayaan baginda dalam menulis wahyu Allah." [Diriwayatkan oleh al-Imam al-Khatib al-Baghdadi (463H) di dalam *Tarikh Madinah al-Salam* (diteliti oleh Basyar 'Awwad Ma'ruf; Dar al-Gharb al-Islami, 2001), jld. 1, ms. 577]

Muawiyah juga memiliki satu keutamaan yang khusus, iaitu beliau memiliki ciri-ciri kepimpinan (*leadership qualities*) yang amat baik. Di atas ciri-ciri inilah beliau dapat memerintah negara Islam pada zamannya dengan penuh kecemerlangan, keadilan, kemakmuran dan kekuatan. Ciri-ciri ini dipersaksikan

oleh para sahabat yang lain. Di antaranya ialah Abdullah ibn Abbas *radhiyallahu 'anh* dimana beliau pernah berkata: "Belum pernah aku melihat orang yang lebih istimewa dalam pemerintahannya selain Muawiyah." [Diriwayatkan oleh al-Imam 'Abd al-Razzaq (211H) di dalam *al-Musannaf* (diteliti oleh Habib al-Rahman al-'Azhami; al-Maktab al-Islami, Beirut, 1983), riwayat no: 20985]

Abdullah ibn Umar *radhiyallahu 'anh* turut berkata:

"Tidak pernah aku melihat seorang jua selepas Rasulullah *shallallahu 'ala'ihis salam* yang lebih bijak kepimpinannya selain Muawiyah." Orang bertanya: "Tidak juga Abu Bakar al-Siddiq?" Ibn Umar menjawab: "Tidak juga Abu Bakar al-Siddiq akan tetapi Abu Bakar adalah lebih baik daripada beliau (dalam sudut-sudut yang lain). Orang bertanya lagi: "Tidak juga Umar?" Ibn Umar menjawab: "Tidak juga Umar akan tetapi Umar adalah lebih baik daripada beliau (dalam sudut-sudut yang lain)." [Diriwayatkan oleh al-Imam Ibn Asakir (571H) di dalam *Tarikh Dimashq al-Kubra* (diteliti oleh 'Ali 'Asyur; Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, 2001), jld. 62, ms. 120]

Qabishah bin Jabir *rahimahullah* berkata: "Belum pernah aku melihat orang yang lebih agung kesantunannya, lebih besar kemuliaannya dan lebih lembut pemerintahannya melainkan Muawiyah." [*Tarikh Dimashq al-Kubra*, jld. 62, ms. 123]. Bahkan Mujahid *rahimahullah* pernah berkata: "Seandainya kalian melihat Muawiyah, nescaya kalian akan mengatakan: Inilah Mahdi!" [*Tarikh Dimashq al-Kubra*, jld. 62,

ms. 119]

Terdapat banyak keterangan daripada para sahabat dan para tokoh daripada zaman selepas para sahabat berkenaan kecemerlangan pemerintahan Muawiyah, sehingga berkata Syaikh Muhib al-Din al-Khatib *rahimahullah*:

"Di antara perkara yang perlu dikaji berkenaan sejarah Arab dan Islam adalah untuk mengetahui bahawa Muawiyah mempelopori kepimpinan, kepanglimaan dan pembentukan hukum." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 211]

Mengenali kecemerlangan pemerintahan Muawiyah adalah penting kerana ia membentuk dasar kepada pengajian kita tentang sejarah pemerintahan beliau. Sebelum ini, kebanyakan umat Islam hanya mengenali Muawiyah sebagai seorang yang jahat lagi tercela, hasil daripada pengaruh *Syi'ah*. Semua ini menyebabkan mereka membaca sejarah pemerintahan beliau dengan *mindset* yang negatif. Kini, kita akan mengkaji semula sejarah pemerintahan beliau dengan *mindset* yang positif.

### **Pendirian Muawiyah di sebalik perlantikan Yazid.**

Sejarah versi *Syi'ah* mencela Muawiyah kerana telah menyerahkan jawatan khalifah kepada anaknya Yazid. Penyerahan ini, menurut *Syi'ah*, membuktikan bahawa Muawiyah bukanlah pemerintah yang adil. Bahkan ia

membuktikan Muawiyah tamak kepada jawatan tersebut dan enggan melepaskannya kecuali kepada keturunannya sendiri.

Adapun di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, tindakan Muawiyah tidak lain adalah kerana kemaslahatan yang ingin beliau berikan kepada seluruh umat Islam. Al-Allamah Ibn Khaldun *rahimahullah* (808H) menerangkan kemaslahatan ini:

"Seorang imam tidak sewajarnya dicurigai meskipun dia telah melantik ayah atau puteranya sendiri sebagai penggantinya. Dia telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kebijakan kaum muslimin selagi dia masih hidup. Lebih daripada itu dia bertanggungjawab untuk membasmi, semasa hidupnya (kemungkinan mewabaknya perkara-perkara yang tidak diingini) setelah kematiannya .... Malah, dia tidak harus sama sekalinya dicurigai dalam apa jua hal pun. Lebih-lebih lagi sekiranya ada alasan (untuk melantik seorang pengganti itu), seperti keinginannya untuk meningkatkan kepentingan umum, atau kekhawatiran akan terjadinya suatu malapetaka (sekiranya tidak dilantik seorang pengganti), oleh itu meragui seorang imam itu adalah bukan persoalannya.

Hal yang sedemikian sebagai satu contoh adalah sebagaimana yang berlaku apabila Muawiyah melantik puteranya, Yazid. Tindakan itu diambil dengan persetujuan rakyat dan, dengan kerana itu, dengan sendirinya menjadi satu bahan hujah kepada persoalan yang dibincangkan. Akan tetapi, Muawiyah sendiri

bersikap lebih menyokong puteranya Yazid berbanding dengan bakal penggantinya yang lain. Sebabnya ialah, dia lebih menitikberatkan kepentingan umum yang menghendaki adanya perpaduan dan harmoni di kalangan masyarakat itu, kerana orang yang menerajui kuasa eksekutif, iaitu Bani Umayyah, pada waktu itu bersetuju melantik Yazid.

Tidak ada motif yang lainnya daripada Muawiyah. Hemahnya yang tinggi dan hakikat bahawa dia merupakan salah seorang daripada sahabat-sahabat Nabi mencegah keterangan yang lain-lainnya. Fakta bahawa dia sering datang kepada para sahabat terkemuka, untuk dimintai nasihat, dan kenyataan bahawa mereka tidak memberikan pendapat (yang bertentangan) merupakan bukti tidak adanya kecurigaan atas dirinya. Mereka (para sahabat) tidak termasuk orang gegabah yang mengambil keputusan dalam masalah kebenaran, dan demikian pula Muawiyah tidak mudah seenaknya menerima kebenaran. Mereka mempunyai peranan masing-masing dalam masalah ini, dan keadilan mereka menahan diri mereka untuk bertindak sewenang-wenangnya." [Muqaddimah (edisi terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995), ms. 229-230]

Demikian penjelasan Ibn Khaldun. Sebelum beralih kepada penelitian seterusnya, ingin saya menarik perhatian para pembaca sekalian kepada satu fakta menarik. Kita perhatikan *Syi'ah* mencela Muawiyah kerana menjadikan jawatan khalifah sesuatu yang diwarisi oleh keturunannya. Bukankah pada waktu

yang sama *Syi'ah* juga menjadikan jawatan khalifah sesuatu yang diwarisi oleh keturunan, iaitu keturunan *Ahl al-Bait* Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? Yang dapat kita katakan adalah, celaan *Syi'ah* ke atas tindakan Muawiyah berbalik menjadi celaan ke atas diri mereka sendiri.

#### **Pendirian Muawiyah di sebalik pembunuhan Hasan.**

Apabila ditanya kepada orang ramai, siapakah yang membunuh Hasan? Pasti mereka menjawab "Muawiyah". Malah mereka mampu memperincikannya, konon Muawiyah telah merasuh isteri Hasan untuk meracuni suaminya. Sebagai ganjaran, isteri tersebut akan diberi sejumlah bayaran wang dan dikahwinkan dengan Yazid bin Muawiyah. Demikianlah kemasyhuran sejarah versi *Syi'ah* sehingga orang ramai menganggapnya sebagai satu peristiwa yang benar-benar berlaku.

Yang benar adalah, tidak ada apa-apa bukti untuk menuduh mahupun mengaitkan Muawiyah dengan peristiwa pembunuhan Hasan. Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* menegaskan:

"Dan adapun pendapat: "Sesungguhnya Muawiyah meracuni Hasan", maka ia adalah daripada perkara yang disebut-sebut oleh sebahagian orang, padahal tidaklah tuduhan yang sedemikian sabit daripada penjelasan syari'at atau pengakuan orang yang muktabar dan tidak juga dinukil secara tegas berkenaan. Dan ia adalah daripada sesuatu yang tidak mungkin berdasarkan ilmu, maka

berkata dengannya adalah perkataan yang berdiri tanpa ilmu." [Minhaj al-Sunnah, jld. 5, ms. 469]

Paling kurang terdapat tiga sebab kenapa dikatakan "ia adalah daripada sesuatu yang tidak mungkin berdasarkan ilmu".

**Pertama:** Muawiyah sendiri pada asalnya tidak pernah memandang Hasan sebagai persaingan dalam jawatan khalifah. Beliau mengenali Hasan sebagai seorang insan yang memiliki pelbagai ciri-ciri mulia. Antara ciri mulia tersebut adalah Hasan sanggup menyerahkan jawatan khalifah kepadanya (Muawiyah) demi kemaslahatan umat Islam dan beliau tidak memiliki hasrat untuk merebutnya kembali. Muawiyah mengetahui bahawa Hasan berpegang teguh kepada sabda datuknya *shallallahu 'alaihi wasallam*: "**Sesungguhnya cucuku ini adalah Sayyid, semoga Allah mendamaikan dengannya dua kumpulan umat Islam yang sedang berselisih.**" [Shahih al-Bukhari – hadis no: 3629]

**Kedua:** Jika Hasan adalah persaingan kepada Muawiyah, maka "membasmi" persaingan politik bukanlah merupakan tindak-tanduk seorang pemerintah yang cemerlang. Ia hanya akan menimbulkan rusuhan daripada masyarakat dan ini akhirnya akan memberi natijah yang buruk kepada pemerintah itu sendiri. Oleh itu seandainya Hasan menjadi persaingan kepada Muawiyah, pasti beliau akan bermusyawarah dengannya dalam mencari jalan keluar yang terbaik kepada agama, umat dan negara.

**Ketiga:** Cerita kononnya "Muawiyah merasuh isteri Hasan untuk meracuni suaminya" bukan sahaja merupakan fitnah ke atas Muawiyah tetapi juga ke atas Hasan. Ini kerana cerita tersebut menunjukkan seolah-olah Hasan telah memilih seorang isteri yang *fasiq* dan tidak prihatin ke atas tindak-tanduk isterinya yang sanggup menerima rasuah untuk meracuni dirinya. Hal ini sungguh tidak mungkin berlaku ke atas Hasan yang memiliki keimanan yang jitu, ketaqwaan yang teguh, keilmuan yang tinggi, wawasan yang luas dan kemuliaan yang tidak tertanding. Justeru *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bukan sahaja menolak cerita "Muawiyah merasuh isteri Hasan untuk meracuni suaminya" dalam rangka membersihkan nama Muawiyah tetapi juga dalam rangka membersihkan nama Hasan. Pada waktu yang sama dapat juga kita perhatikan bahawa dalam rangka *Syi'ah* membuat fitnah ke atas Muawiyah, mereka juga membuat fitnah yang tersembunyi yang lebih berbisa ke atas Hasan.

Dengan itu tinggal satu persoalan, siapakah yang meracuni Hasan? Apabila tidak ada bukti yang kukuh dalam persoalan ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menahan diri daripada menuduh sesiapa. Seorang penjenayah mungkin terlepas di dunia tetapi dia tidak akan terlepas di Akhirat. Andai kata dibolehkan membuat tuduhan, maka pihak yang paling layak menjadi *suspect* ialah orang-orang *Syiah* itu sendiri. Ini kerana tidak ada sesiapa jua yang lebih benci dan marah ke atas Hasan disebabkan tindakannya menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah melainkan orang-orang *Syi'ah* itu sendiri.

### **Pendirian Yazid Di Sebalik Pembunuhan Husain**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Sepertimana ayahnya – Muawiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anh*, Yazid bin Muawiyah *rahimahullah* juga terkenal dengan pelbagai keburukan, hasil daripada kisah-kisah sejarah versi *Syi'ah*. Antara keburukan yang paling menonjol ialah kononnya Yazid telah memerintah orang-orang bawahannya untuk membunuh Husain bin Ali *radhiallahu 'anh*. Dalam artikel ini *insya-Allah* kita akan meneliti sejauh manakah kebenaran kisah tersebut.

#### **Husain menerima surat daripada Kufah.**

Setelah Yazid *dibai'ah* menjadi khalifah umat Islam, Husain menerima beberapa surat daripada penduduk Iraq, khasnya dari bandar Kufah. Surat-surat tersebut menjemput Husain ke Kufah, kononnya orang-orang di sana ingin *membai'ah* beliau sebagai khalifah. Sebahagian riwayat menambah bahawa setelah *dibai'ah*, mereka akan bersama Husain untuk memerangi dan menjatuhkan pemerintahan Yazid.

Walaubagaimanapun tokoh-tokoh yang utama pada saat itu daripada

kalangan sahabat dan selainnya seperti Muhammad bin Hanafiyah, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Ja'far, Abdullah bin Umar, Abu Sa'id al-Khudri dan termasuklah Yazid, semuanya menasihati Husain agar tidak mengendahkan jemputan tersebut. Syaikh Muhib al-Din al-Khatib *rahimahullah* menerangkan hal ini:

"Adapun orang yang merasa kasihan terhadap pemergian Husain adalah semua pencintanya, kerabatnya, para penasihatnya dan orang-orang yang berpegang kepada sunnah-sunnah Islam. Mereka semua mencegah Husain untuk pergi dan mengingatkan beliau tentang akibatnya (yang buruk)." [catatan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 237]

Sebab utama mereka menghalang pemergian Husain adalah kerana yang menulis surat-surat tersebut ialah orang-orang *Syi'ah* dan para pemberontak yang sebelum itu terlibat dalam pembunuhan Usman ibn Affan *radhiallahu 'anh*. Mereka adalah orang-orang yang suka menimbulkan fitnah dan jemputan mereka kepada Husain hanya bertujuan menimbulkan fitnah yang baru ke atas ahli keluarga Rasulullah secara khusus dan umat Islam secara umum.

Penerangan Syaikh Muhib al-Din al-Khatib sekali lagi menjadi rujukan:

"Orang yang pertama menulis surat kepada Husain ialah para guru *Syi'ah* sebagaimana yang diriwayatkan oleh para ahli sejarah, (di antara penulis tersebut ialah) Lut bin Yahya, Salman bin Sordi, Musyab bin Najbah, Rafaah bin Syadad,

Hubaib bin Mudhahir dan mereka mengirim surat mereka bersama Abdullah bin Saba', al-Hamadani dan Abdullah bin Wa'il." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 236]

Namun Husain enggan mendengar nasihat tersebut. Beliau mengumpulkan ahli keluarganya dan memulakan perjalanan ke Kufah. Sebahagian orang yang ada mengejar Husain sehingga ke pertengahan jalan ke Kufah untuk menasihati beliau, tetapi beliau tetap tidak mahu mengubah pendiriannya. Para ahli sejarah tidak dapat memastikan kenapa Husain tetap berpegang kepada pendiriannya untuk ke Kufah sekalipun semua isyarat-isyarat pada ketika itu mengarahkan beliau agar tetap di Madinah. Pemergiannya itulah yang akhirnya menyebabkan beliau dan sebahagian ahli keluarganya terbunu.

Setelah mengkaji semua data-data sejarah dan penjelasan para peneliti, seorang ahli sejarah: Syaikh Darwazah menerangkan hakikat ini dengan penuh rendah diri:

"Kami bersaksi kepada Allah bahawa kami tidak menulis apa yang kami tulis (tentang pemergian Husain) kerana mengikuti hawa nafsu dan benci kepada Husain dan keluarganya. Kami sungguh menaruh perhatian yang sangat tinggi dan rasa cinta kepada mereka termasuk silsilah dan keturunan (mereka kepada) keluarga Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mulia. Akan tetapi kami sebagaimana ahli sejarah yang lain tidak mampu mengungkap selain itu, .....di sini aku utamakan dua pendapat, iaitu pendapat imam yang agung - Ibn Taimiyah dan

ahli sejarah yang sekali gus seorang peneliti - Syaikh Muhammad al-Khudhari.

(Berkata Ibn Taimiyah): "Sesungguhnya pemergian Husain tidak menambah kebaikan baik untuk agama maupun dunia. Adalah pemergiannya dan terbunuuhnya termasuk kerosakan dan ini tidak akan terjadi jika beliau tetap di negerinya (Madinah). Tujuan beliau yang ingin mendapatkan kebaikan dan mencegah kejahatan (tidak membuat hasil) kecuali menambahkan kejahatan. Ini kerana pemergiannya itulah yang menyebabkan beliau terbunuuh, malah mengurangi kebaikan itu sendiri. Terbunuuhnya Husain mengharuskan sebab bagi lahirnya beberapa fitnah yang baru."

(Berkata Syaikh al-Khudhari): "Kesimpulannya bahawa Husain dalam pemergiannya adalah satu kesalahan besar yang menyebabkan umat berada dalam bencana perpecahan dan perbezaan serta runtuuhnya tiang yang berlanjutan sehingga sekarang." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 243-244]

#### **Adakah Yazid bertanggungjawab di sebalik pembunuhan Husain?**

Apabila Yazid menerima khabar bahawa Husain dan ahli keluarganya tetap memulakan perjalanan ke Kufah, beliau menyuruh gabenornya di Basrah, Ubaidullah bin Ziyad, untuk ke Kufah dan memerhatikan gerakan Husain dan

kebangkitan orang-orang Kufah. Yazid memberi arahan khusus kepada Ubaidullah bin Ziyad untuk hanya memerhatikan Husain dan tidak bertindak melainkan jika Husain yang bertindak terlebih dahulu. Akan tetapi dalam suasana yang tegang antara orang-orang Kufah yang ingin menimbulkan fitnah, pergerakan Husain ke Kufah dan sikap Ubaidullah bin Ziyad yang gelojoh, Husain dan sebahagian ahli keluarganya akhirnya terbunuh di sebuah tempat yang bernama Karbala.

Sejarah versi *Syi'ah* pantas menuduh Yazid sebagai pembunuh Husain. Mereka mendakwa Yazid telah memberi arahan khusus kepada Ubaidullah bin Ziyad untuk terus memerangi dan membunuh Husain. Malah kononnya Yazid memberi arahan lanjut agar kepala Husain dipenggal dan dibawa ke istananya di Syam sebagai bukti pembunuhan. Setelah itu kononnya kepala Husain dihantar ke Mesir.

Semua ini adalah tidak benar. Syaikh Darwazah menerangkan:

"Sebagaimana disebutkan sebelum ini bahawa di sana tidak ada sesuatu (bukti) yang menunjukkan peristiwa pembunuhan Husain memiliki hubungkait dengan Yazid. Yazid tidak memerintah untuk memerangi Husain, apalagi membunuhnya. Segala perintah adalah sekadar untuk mewaspadainya (Husain) dan tidak menyerang kecuali jika Husain menyerang (terlebih dahulu)." [catitan notakaki kepada *al-'Awashim min al-Qawashim*, ms. 242]

Adapun kisah kepala Husain dibawa kepada Yazid di Syam, Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* menerangkan kisah yang sebenar:

"Adapun Husain *radhiallahu 'anh*, maka beliau terbunu di Karbala berhampiran (sungai) Furat. Jasadnya dikebumikan di tempat terbunu dan kepalanya dibawa ke hadapan Ubadullah bin Ziyad di Kufah. Demikianlah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* dan daripada para imam yang lain.

Adapun kisah dibawanya (kepala Husain) ke Syam kepada Yazid, maka sesungguhnya yang sedemikian diriwayatkan secara terputus (sanadnya) dan tidaklah ia sabit barang sedikit jua. Bahkan dalam riwayat-riwayat tersebut kelihatan sesuatu yang menunjukkan kedustaan yang direka-cipta, kerana di dalamnya disebut bahawa Yazid kononnya telah menusuk gigi taring (Husain) dengan besi dan bahawa sebahagian sahabat yang hadir (pada saat itu) seperti Anas bin Malik dan Abi Barzah telah mengingkari yang sedemikian.

Ini adalah satu kerancauan. Sesungguhnya yang menusuk dengan besi adalah Ubaidullah bin Ziyad. Demikian yang tercatit di dalam kitab-kitab sahih dan musnad. Mereka meletakkan nama Ubaidullah bin Ziyad di tempat Yazid. Tanpa diragui, sesungguhnya Ubaidullah telah memerintah agar Husain dibunu dan dibawa kepala Husain kepada hadapannya. Kemudian sesudah itu (Ubaidullah) bin Ziyad dibunu disebabkan apa yang dia lakukan.

Malah yang lebih jelas (tentang kedustaan kisah kepala Husain dibawa kepada Yazid) ialah para sahabat yang disebut-sebutkan hadir bersama seperti

Anas bin Malik dan Abi Barzah, mereka sebenarnya tidak berada di Syam melainkan berada di Iraq pada ketika itu. Sesungguhnya kejahilan para pendusta tersebut dalam mencipta kisah ini dengan sendirinya membongkar kedustaan mereka.

Adapun kisah dibawa (kepala Husain) ke Mesir, maka ia adalah batil menurut kesepakatan orang ramai. Para ilmuan seluruhnya juga bersepakat bahawa apa yang disebut-sebut sebagai lokasi kepala Husain di Kaherah, Mesir (dikenali sebagai *Masyhad al-Husain*) adalah sebenarnya batil, di dalamnya tidak terdapat kepala Husain mahupun apa-apa jua daripada bahagian kepala Husain.

Pendapat yang kuat di kalangan ahli ilmu berkenaan lokasi kepala Husain bin Ali *radhiallahu 'anhuma* ialah seperti apa yang disebut oleh al-Zubair bin Bakr dalam kitabnya *Ansab Quraisy* dimana al-Zubair bin Bakr adalah daripada orang yang paling berpengetahuan lagi dipercayai dalam masalah ini. Beliau menyebut bahawasanya kepala (Husain) dibawa ke Madinah al-Nubuwah dan dikebumikan di sana dan inilah pendapat yang munasabah. Sebabnya, di sana (Madinah) letaknya kubur saudaranya Hasan, pakcik ayahnya - al-Abbas, anak Ali dan lain-lain daripada ahli keluarganya." [Majmu al-Fatawa, (Dar al-Wafa', Kaherah, 2001), jld 4, ms. 507-509]

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa Yazid tidak memerintahkan

pembunuhan Husain dan tidak pula meminta agar kepala Husain dibawa kepalanya di Syam. Bahkan tercatit di dalam kitab-kitab sejarah bahawa beliau menjadi amat sedih apabila mendengar Husain telah dibunuh oleh Ubaidullah bin Yazid. Beliau juga diriwayatkan telah memberi perlindungan kepada ahli keluarga Husain yang terselamat sehingga kembali mereka ke Madinah.

### **Siapakah pembunuhan sebenar Husain?**

Jawapan kepada persoalan ini boleh dirujuk kepada hadis berikut yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari *rahimahullah* (256H) di dalam *Shahihnya* – hadis no: 5994 dimana Abdul Rahman bin Abi Na'm menerangkan:

**"Aku melihat (Abdullah) Ibn Umar ditanya oleh seorang lelaki berkenaan hukum darah lalat. Ibn Umar bertanya: "Kamu berasal dari mana?" Lelaki itu menjawab: "Aku daripada orang-orang Iraq."**

**Lalu Ibn Umar berkata: "Lihatlah orang ini, dia bertanya kepada aku berkenaan darah lalat padahal mereka (orang-orang Iraq) membunuh cucu Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Aku mendengar Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Mereka berdua (Hasan dan Husain) adalah penyejuk hatiku di dunia".**

Terdapat beberapa sebab kenapa seorang sahabat yang alim yang hidup sezaman dengan Husain bin Ali berkata sedemikian:

1. Orang yang menjemput Husain dari Madinah ke Kufah adalah orang-orang

Iraq.

2. Orang-orang Iraq kononnya ingin membai'ah Husain dan memulakan gerakan bagi menjatuhkan pemerintahan Yazid. Ini menyebabkan Yazid terpaksa mengambil langkah berjaga-jaga bagi memerhati tindakan Husain yang seterusnya. Seandainya Husain bergerak ke satu tempat tanpa tujuan politik, pasti Yazid tidak perlu memerhati beliau.
3. Orang-orang Iraq berura-ura untuk memulakan gerakan menjatuhkan gabenor pemerintahan Yazid di Kufah dan bandar-bandar di sekitarnya. Hal ini menyebabkan Ubaidullah bin Ziyad secara gelojo mengambil tindakan ketenteraan.
4. Orang-orang Iraq yang pada asalnya ingin membai'ah Husain dan menjadikan beliau khalifah terus melarikan diri apabila melihat kemaraan tentera Ubaidullah bin Ziyad. Maka secara tiba-tiba tinggallah Husain serta ahli keluarganya terperangkap di hadapan tentera Ubaidullah bin Ziyad yang besar jumlahnya.

Justeru sekalipun yang membunuh Husain ialah tentera dibawah arahan Ubaidullah bin Ziyad, faktor sebenar yang menyebabkan Husain terbunuh ialah orang-orang Iraq itu sendiri.

Timbul soalan seterusnya, kenapakah orang-orang Iraq yang pada asalnya ingin membai'ah Husain dan menjadikan beliau khalifah terus melarikan diri tanpa membela Husain? Jawapannya adalah mudah, mereka pada asalnya tidak

memiliki apa-apa keinginan untuk menjadikan Husain sebagai khalifah. Tujuan mereka hanyalah untuk menimbulkan fitnah yang baru, yakni dengan melagakan Husain dengan pemerintahan Yazid. Perkara lain yang menarik untuk diperhatikan adalah, penduduk Iraq pada ketika itu kebanyakannya mereka adalah orang-orang *Syi'ah*.

### **Pendirian *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Terhadap Yazid bin Muawiyah**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Yazid bin Muawiyah adalah salah seorang individu yang mendapat perhatian di dalam sejarah Islam. Umat Islam terbahagi kepada tiga kumpulan apabila berinteraksi dengannya. Ada yang mencela beliau serendah-rendahnya, ada yang memuji beliau setinggi-tingginya dan ada yang mengambil sikap pertengahan antara mencela dan memuji. Sikap orang-orang yang dipertengahan adalah sikap *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dan sememangnya begitulah sikap orang-orang berilmu lagi adil yang berada di atas kebenaran.

Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* memiliki sebuah penjelasan yang menarik dalam perkara ini. Ikutilah ia:

"Tidak berlaku sebelum ini perbincangan berkenaan Yazid bin Muawiyah dan tidak pula berbincang mengenainya menjadi salah satu urusan agama. Hanya setelah itu, setelah berlaku beberapa peristiwa, segolongan orang melaknat Yazid bin Muawiyah secara terang-terangan. Bahkan mungkin dengan sedemikian mereka ingin melanjutkan laknat tersebut kepada orang-orang yang lain pula.

Padahal kebanyakan *Ahl al-Sunnah* membenci perbuatan melaknat seseorang secara khusus. Setelah mendengar (perbuatan melaknat) sedemikian, maka timbul pula segolongan orang yang berkeyakinan bahawa Yazid adalah daripada kalangan sahabat yang utama dan seorang imam yang memberi petunjuk.

Maka golongan yang melampaui batas berkenaan Yazid terdiri daripada dua golongan yang saling bertentangan. (Golongan yang pertama), mereka berkata bahwasanya beliau (Yazid) adalah seorang kafir zindiq dan sesungguhnya beliau telah membunuh anak perempuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, (para sahabat dari kalangan) Anshar serta anak-anak mereka pada peristiwa *al-Hurrah* (pembebasan kota Madinah) untuk membalas dendam ahli-ahli keluarganya yang terbunuh, seperti datuk sebelah ibunya yang bernama Utbah bin Rabi'ah dan pakciknya yang bernama al-Walid dan selain mereka. Juga disebut-sebut tentang beliau sebagai peminum arak dan melakukan maksiat secara terang-terangan.

(Golongan yang kedua pula) berkeyakinan bahawa Yazid adalah seorang imam yang adil, yang mendapat petunjuk lagi memberi petunjuk dan beliau daripada generasi sahabat atau daripada sahabat yang utama, malah daripada kalangan wali-wali Allah Ta'ala. Bahkan sebahagian mereka ada yang berkeyakinan bahawa Yazid adalah daripada kalangan Nabi-nabi dan mereka berkata: Sesiapa yang menentang Yazid maka Allah akan menghentikannya di dalam neraka

jahannam.....

Maka kedua-dua golongan ini bersikap melampaui batas terhadap Yazid dan mereka menyelisih apa yang disepakati oleh para ilmuan dan imam. Yazid bin Muawiyah lahir pada zaman khalifah Usman ibn Affan *radhiallahu 'anh* dan tidak pernah bertemu dengan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh itu berdasarkan kesepakatan para ilmuan, beliau bukanlah daripada kalangan generasi sahabat. Beliau juga bukanlah masyhur dari sudut keagamaannya dan keshalihannya. Beliau hanyalah seorang dari kalangan pemuda-pemudi Islam.

Pada waktu yang sama, beliau tidak kafir dan tidak zindiq. Beliau memegang jawatan khalifah selepas ayahnya di atas kebencian sebahagian umat Islam dan keredhaan sebahagian yang lain. Beliau memiliki keberanian dan kemuliaan dan tidaklah beliau menampakkan perbuatan-perbuatan maksiat sebagaimana yang dihikayatkan oleh musuh-musuhnya.

Pada masa pemerintahannya, telah terjadi beberapa peristiwa yang besar. **Peristiwa pertama** adalah pembunuhan Husain *radhiallahu 'anh* sedangkan beliau tidak memerintahkan pembunuhan tersebut, tidak menampakkan kegembiraan terhadap pembunuhan tersebut, tidak menusuk gigi taring (Husain) *radhiallahu 'anh* dengan besi dan tidak (memerintah agar) dibawa kepala Husain *radhiallahu 'anh* ke Syam. Akan tetapi yang beliau perintahkan ialah agar memerhatikan

Husain *radhiallahu 'anh* dan menahan urusannya, sekalipun sehingga perlu memeranginya. Akan tetapi orang suruhannya telah melebihi daripada apa yang diperintahkan dan al-Syamarzi telah mendorong Ubaidullah bin Ziyad untuk membunuh Husain dengan tenteranya.....

Maka mereka membunuh Husain secara zalim, demikian juga terhadap sebahagian daripada ahli keluarganya, *radhiallahu 'anhum*. Pembunuhan Husain *radhiallahu 'anh* adalah satu musibah yang besar. Sesungguhnya pembunuhan Husain dan pembunuhan Usman sebelum itu merupakan sebab utama berlakunya fitnah ke atas umat ini manakala pembunuhan kedua-dua mereka adalah seburuk-buruk makhluk di sisi Allah.

Tatkala ahli keluarga Husain *radhiallahu 'anhum* menghadap Yazid bin Muawiyah, beliau memuliakan mereka dan menghantar mereka ke Madinah. Diriwayatkan bahawa Yazid melaknat Ubaidullah bin Ziyad atas pembunuhan Husain..... akan tetapi di sebalik itu semua Yazid tidak menampakkan pengingkarannya terhadap peristiwa pembunuhan Husain, beliau tidak menyokongnya dan tidak pula menghukumnya padahal itu (menghukum orang-orang yang bertanggungjawab) adalah satu kewajipan ke atas dirinya. Ini menyebabkan para ahli kebenaran mencelanya disebabkan sikapnya yang meninggalkan kewajipan (menjatuhkan hukuman) dan juga disebabkan oleh beberapa perkara lain. Adapun

musuh-musuh Yazid, mereka menokok tambah ke atasnya pelbagai kedustaan yang lain.

Adapun **peristiwa kedua** adalah berkenaan penduduk Madinah yang membatalkan *bai'ah* mereka kepada Yazid dan menghalau keluar orang-orang Yazid serta ahli keluarganya. Maka Yazid menghantar sepasukan tentera kepada mereka dan memberikan syarat - jika mereka tidak taat dalam masa tiga hari, beliau akan memasuki kota Madinah dengan pedang dan menghalalkan darah mereka. Setelah tiga hari, tentera Yazid memasuki kota Madinah dan membunuh penduduknya, merampas harta mereka dan menodai kesucian wanita mereka. Kemudian Yazid menghantar tenteranya ke kota Mekah yang mulia dan mengepungnya. Namun Yazid mati dalam suasana tenteranya sedang mengepung kota Mekah. Ini semua merupakan permusuhan dan kezaliman yang dilakukan di atas perintahnya.

Di atas peristiwa-peristiwa ini, *Ahl al-Sunnah* dan para imam umat ini berkeyakinan untuk tidak mencela atau mencintai Yazid. Berkata Shalih bin Ahmad bin Hanbal, aku bertanya kepada ayahku: "Satu kaum mereka berkata bahawa mereka mencintai Yazid." Ayahnya (Imam Ahmad bin Hanbal) menjawab: "Wahai anakku! Bagaimana mungkin seseorang yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat boleh mencintai Yazid?" Aku bertanya lagi: "Wahai ayahku! Maka

kenapakah engkau tidak melaknat Yazid?" Ayahnya menjawab: "Wahai anakku! Sejak bila engkau melihat ayah engkau melaknat seseorang?"

Dalam riwayat yang lain, orang berkata kepada (Imam Ahmad bin Hanbal): "Adakah engkau menulis hadis daripada Yazid bin Muawiyah?" Beliau menjawab: "Tidak, tidak ada kemuliaan pada dirinya. Bukanakah dia telah melakukan ke atas penduduk Madinah apa yang dia lakukan?"

Maka di sisi para ilmuan dan para imam kaum muslimin, Yazid adalah seorang raja daripada raja-raja. Mereka tidak mencintainya seperti mencintai orang-orang yang shalih dan wali-wali Allah. Pada waktu yang sama mereka tidak mencelanya. Ini kerana mereka (para ilmuan dan para imam kaum muslimin) tidak suka melaknat seorang muslim secara khusus.

Ini berdasarkan sebuah hadis di dalam *Shahih al-Bukhari* daripada Umar bin al-Khatthab *radhiyallahu 'anh*, bahawa seorang lelaki yang digelar 'Himar' sering meminum arak. Setiap kali dia dihadapkan kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, dia dipukul (sebagai hukuman hudud). Maka (setelah beberapa ketika) berkata seorang lelaki: "Semoga Allah melaknatnya. Berapa kali dia sudah dihadapkan kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*!" Lalu Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menjawab: "Jangan melaknat dia kerana sesunguhnya dia mencintai Allah dan Rasul-Nya."

Namun demikian segolongan daripada *Ahl al-Sunnah* membolehkan melaknat Yazid kerana mereka berkeyakinan bahawa beliau telah melakukan kezaliman yang membolehkan laknat ke atas pelakunya. Manakala segolongan yang lain berpandangan boleh mencintai Yazid kerana sesunguhnya beliau seorang muslim yang memegang jawatan khalifah pada zaman para sahabat dan dibai'ah oleh para sahabat. Malah mereka berkata, tidaklah sah apa yang dinukil tentang (kezaliman-kezaliman) Yazid padahal beliau memiliki beberapa kebaikan atau beliau seorang mujtahid dalam apa yang dilakukannya.

Yang benar adalah apa yang diperkatakan oleh para imam bahawa mereka tidak mengkhususkan kecintaan kepada Yazid mahupun melaknatnya. Sekalipun beliau seorang yang fasiq atau zalim, maka Allah akan mengampuni seorang yang fasiq dan zalim jika orang itu memiliki beberapa kebaikan yang besar. Sesungguhnya al-Bukhari di dalam *Shahihnya* telah meriwayatkan daripada Ibn Umar *radhiyallahu anhuma* bahawa Nabi *shallallahu alaihi wasallam* bersabda: "*Pasukan tentera yang pertama menyerang Konstantinopel, maka Allah mengampunkan mereka*". Pasukan pertama yang menyerang Konstantinopel adalah dibawah pimpinan Yazid bin Muawiyah."

Demikian penjelasan Ibn Taimiyyah, dinukil secara berpisah daripada *Majmu al-Fatawa*, jld. 3, ms. 409-413.

**Panduan Membicara Sejarah Para Sahabat**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Ramai yang menganggap sejarah adalah satu bidang yang mudah. Bagi yang menulisnya, ia sekadar mencatat peristiwa yang telah berlaku sementara bagi yang membacanya, ia sekadar novel pengembaraan yang menyeronokkan. Anggapan di atas tidaklah tepat. Sejarah adalah satu bidang ilmu yang memiliki keistimewaan yang tersendiri. Al-Allamah Ibn Khaldun *rahimahullah* (808H) menjelaskan hakikat ini:

"Suatu yang harus diketahui ialah bahawa sejarah itu adalah disiplin ilmu yang memiliki pelbagai pendekatan. Aspek penggunaannya adalah sangat banyak. Tujuannya pula dapat dibeza-bezakan. Sejarah membuat kita faham akan hal-hal sesuatu bangsa yang terdahulu kerana ia tercermin melalui perilaku mereka. Melalui sejarah kita dapat mengetahui biografi para nabi, sesebuah kerajaan dan dasar-dasar raja-rajanya. Ia membolehkan sesiapa yang berminat menteladani contoh-contoh sejarah sebagaimana dalam bidang agama dan perkara-perkara duniaawi.

Untuk menulis sesuatu sejarah menghendaki sumber yang banyak dan pengetahuan yang bermacam-macam. Ia memerlukan agakan yang tepat dan

ketekunan yang membolehkan para sejarawan itu menemui kebenaran dan menjauhkan daripada melakukan pelbagai ketersasulan dan kesalahan. Sekiranya seseorang sejarawan itu menerima catatan sejarah dalam bentuk yang dinukilkkan dan tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang prinsip-prinsip yang didasarkan oleh kebiasaan, tentang fakta-fakta politik yang asas, tentang watak peradaban, atau keadaan-keadaan yang mempengaruhi organisasi sosial manusia, dan sekiranya lanjutan daripada itu, dia menilai antara bahan yang terpencil atau lama, melalui perbandingan di antara yang baru atau semasa, maka pastinya dia tidak akan dapat mengelak daripada tergelincir dan menyimpang daripada jalan yang benar.

Ramai ahli sejarah tafsir dan ulama terkenal telah melakukan kesalahan ketika menyampaikan hikayat-hikayat dan peristiwa-peristiwa. Hal itu terjadi kerana mereka mengambil dengan begitu sahaja tanpa memikirkan nilainya. Mereka tidak memeriksa prinsip-prinsip yang berlaku pada situasi historis, juga tidak memperbandingkannya dengan bahan-bahan yang serupa. Mereka juga tidak menyelidikinya mengikut ukuran falsafah, dengan bantuan pengetahuan tentang watak alam semesta atau perenungan, dan dengan pengetahuan yang mendalam tentang peristiwa-peristiwa sejarah." [Muqaddimah, ms. xix-xx]

Pencermatan ke atas kata-kata Ibn Khaldun di atas akan membantu kita meletakkan garis panduan untuk membicara sejarah para sahabat. Terdapat lima

garis panduan yang utama dan ia adalah seperti berikut:

**Panduan Pertama:**

**Menyedari bahawa sejarah yang bakal dibicara melibatkan sekumpulan manusia yang paling mulia sesudah para Rasul dan Nabi.**

Pembicaraan sejarah para sahabat hendaklah dimulai dengan penetapan asas yang kukuh bahawa sejarah yang bakal dibicarakan bukanlah melibatkan calang-calang orang. Akan tetapi ia melibatkan sekumpulan manusia yang telah dipersaksikan kedudukan mereka oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Salah satu daripada sekian banyak persaksian tersebut adalah firman Allah (yang bermaksud):

***Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.* [al-Taubah 9:100]**

Dalam ayat di atas Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyebut para sahabat daripada kalangan *Muhajirin*, *Ansar* dan yang selepas mereka, Allah redha kepada mereka dan mereka redha kepada Allah. Allah juga menjanjikan syurga yang

kekal kepada mereka semua. Ayat di atas membuktikan kedudukan istimewa para sahabat yang dipersaksikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Persaksian Allah adalah berterusan daripada zaman kehidupan Rasulullah sehingga ke masa kewafatan para sahabat itu sendiri. Ini kerana Allah Maha Mengetahui perbuatan semua sahabat, sama ada yang sudah, sedang atau akan dilakukan.

Al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* (774H) mengulas:

"Para sahabat seluruhnya adalah adil di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Allah telah memuji mereka dalam kitab-Nya (*al-Qur'an*) dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah memuji mereka melalui sabda baginda. (Pujian ini merujuk kepada) seluruh akhlak dan perbuatan mereka. Juga terhadap pengorbanan harta dan jiwa yang mereka persembahkan demi membela Rasulullah, semata-mata mengharapkan balasan yang besar dan pahala yang mulia di sisi Allah." [*al-Ba'its al-Hatsits* (اباعث الحثيث) *Syarh Iktishar 'Ulum al-Hadits* (diteliti dan disyarah oleh Ahmad Syakir, Dar al-Fikr, Beirut, 1996), ms. 127]

Oleh itu al-Imam Ibn Baththah *rahimahullah* (387H) mengingatkan:

"(*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*) bersaksi bahawa seluruh kaum *Muhajirin* dan *Ansar* dijamin masuk syurga, mendapat keredhaan, diterima taubatnya dan memperoleh rahmat daripada Allah. Hendaklah anda meresapkan ilmu ini benar-benar dan engkau yakini dengan hatimu bahawa seorang yang telah melihat Nabi

*shallallahu 'alaihi wasallam, menyertai baginda, beriman kepada baginda dan mengikuti baginda meskipun sesaat adalah lebih utama daripada orang yang belum pernah melihat baginda dan belum pernah menyertai baginda sekalipun dia mengerjakan seluruh amal syurga." [al-Syarh wa al-Ibanah 'ala Ushul al-Sunnah wa al-Diyanah (diteliti oleh Redha bin Na'san Mu'thi; Maktabah al-Faisal, Mekah), ms. 263]*

Justeru panduan yang pertama adalah menetapkan asas yang kukuh dalam diri kita bahawa apa yang bakal dibicara ialah perihal sejarah orang-orang yang diredhai dan dijamin kedudukan syurga oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Disebabkan mereka adalah orang-orang yang diredhai oleh Allah, hendaklah kita membicara sejarah mereka agar dengan itu kita juga memperoleh keredhaan Allah, bukan kemurkaannya. Disebabkan mereka adalah orang-orang yang dijamin kedudukan dalam syurga, hendaklah kita orang-orang yang belum terjamin kedudukannya membicara sejarah mereka agar dengan itu kita juga memperoleh tempat di dalam syurga, bukan neraka.

#### **Panduan Kedua:**

**Mengenali sikap para sahabat bahawa mereka bukanlah sekumpulan orang yang suka berperang.**

Panduan kedua sebelum memulakan perbicaraan tentang sejarah para sahabat adalah mengenali sikap mereka, bahawa mereka bukanlah sekumpulan

orang yang suka berperang sesama sendiri. Memang, mereka pada awalnya hidup berkabilah dan lazim bercakaran sesama mereka. Akan tetapi setelah Islam masuk ke dalam hati mereka, sifat saling bercakaran berubah menjadi saling bersatu dan bersaudara. Ini semua adalah nikmat yang Allah kurniakan kepada mereka:

***Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.*** [Ali Imran 3:103]

Hasil daripada nikmat Allah ini, para sahabat bukan sahaja saling bersatu dan bersaudara, mereka juga berkasih sayang sesama mereka. Pada waktu yang sama mereka bersikap keras lagi tegas kepada orang-orang yang memusuhi Islam. Allah Subhanahu wa Ta'ala bersaksi ke atas sikap yang mulia ini:

***Nabi Muhammad ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam).*** [al-Fath 48:29]

Berdasarkan sikap saling bersatu, bersaudara dan berkasih sayang, dapat kita sedari bahawa perperangan yang berlaku di antara mereka, yakni Perang Jamal dan Siffin, bukanlah sesuatu yang berlaku di atas pilihan dan kesukaan

mereka. Namun ia berlaku di atas faktor-faktor yang tidak disengajai oleh mereka semua sehingga menyebabkan kekeliruan dalam melakukan takwil dan kesalahan dalam berijtihad. Hal ini sepertimana yang penulis terangkan dalam artikel-artikel sebelum ini. al-Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari *rahimahullah* (324H) menegaskan:

"Adapun apa yang terjadi antara Ali, al-Zubar dan Aisyah *radhiallahu 'anhuma*, maka ia tidak lain adalah takwil dan ijtihad. Ali adalah imam (pemimpin saat itu) manakala setiap daripada mereka adalah orang yang layak berijtihad. Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersaksi bahawa mereka adalah ahli syurga dan (sebahagiannya) akan gugur syahid. Maka ini menunjukkan bahawa setiap daripada mereka adalah benar dalam ijtihad mereka. Demikianlah juga apa yang terjadi antara Ali dan Muawiyah *radhiallahu 'anhuma*, ia adalah takwil dan ijtihad.

Semua sahabat adalah imam dan terdiri daripada orang yang dipercayai, tanpa dicurigai agama (mereka). Demi sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah memuji mereka keseluruhannya serta menyuruh kita untuk menghormati, mengagung dan mencintai mereka sebagai satu bentuk ibadah. Hendaklah berlepas diri daripada setiap orang yang mencela seorang jua daripada mereka, *radhiallahu 'anhum ajma'in.*" [al-Ibanah 'an Ushul al-Diyanah (Univ. Islam Madinah), ms. 224-225]

Lebih dari itu, sekalipun Perang Jamal dan Siffin benar-benar berlaku, jumlah sahabat yang terlibat dalamnya amatlah sedikit. Ini bukan sahaja

disebabkan sikap mereka yang saling bersatu, bersaudara dan berkasih sayang, tetapi juga disebabkan peringatan yang diberikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada mereka sejak dari awal. Baginda pernah bersabda:

**Akan terjadi fitnah. Duduk ketika itu adalah lebih baik daripada berdiri, berdiri ketika itu adalah lebih baik daripada berjalan dan berjalan ketika itu adalah lebih baik daripada berlari. Orang yang menyaksikannya (peristiwa fitnah) akan tertarik ke dalamnya. (Oleh itu) sesiapa yang mendapati tempat berlindung maka hendaklah dia berlindung di dalamnya.** [Shahih Muslim – hadis no: 2886]

Berkenaan jumlah sahabat yang terlibat dalam Perang Jamal, al-Sya'bi *rahimahullah* (104H) menerangkan: "Tidak ada para sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang turut serta dalam Perang Jamal kecuali Ali, Ammar, Thalhah dan al-Zubair. Jika dikatakan ada orang kelima, maka aku berdusta." Adapun Perang Siffin, maka Muhammad bin Sirin *rahimahullah* (110H) menegaskan: "Api fitnah (Perang Siffin) membawa sementara para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berjumlah puluhan ribu. Tidak sampai seratus orang yang terlibat di dalamnya, bahkan tidak sampai tiga puluh orang." [Kedua-duanya diriwayatkan oleh Abu Bakar al-Khallal dalam *Kitab al-Sunnah* (Dar al-Rayah, Riyadh, 1410H), riwayat no: 729 & 728 dan sanad kedua-duanya dinilai sahih oleh peneliti kitab: Dr. 'Athiyah al-Zaharani]

Berdasarkan Panduan Kedua ini, dapat dikenali sikap para sahabat *radhiallahu 'anhuma* bahawa mereka bukanlah sekumpulan manusia yang suka

berperang sesama mereka. Perang Jamal dan Perang Siffin benar-benar berlaku akan tetapi ia bukanlah di atas pilihan mereka. Lebih penting, yang terlibat secara tidak sengaja dalam kedua-dua peperangan tersebut hanya segelintir sahabat yang terkeliru dalam melakukan takwil dan ijтиhad. Majoriti sahabat mengecualikan diri daripadanya.

Panduan Pertama dan Kedua di atas membentuk asas yang penting kepada setiap individu yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat dalam membincarkan sejarah para sahabat. Tanpa kedua-dua asas ini, seseorang itu akan cenderung kepada membincara sejarah para sahabat dengan pandangan yang negatif, sekaligus menjerumuskan dirinya untuk membuat kesalahan-kesalahan yang *fatal*.

### **Panduan Ketiga:**

**Setiap peristiwa sejarah hendaklah dinilai sama ada ia adalah sahih atau tidak.**

Perlu diketahui bahawa sumber yang lazim digunakan untuk membincara sejarah para sahabat terbuka kepada pelbagai manfaat dan mudarat. Sumber yang dimaksudkan ialah kitab-kitab sejarah itu sendiri. Ini kerana tidak ada kitab sejarah yang ditulis ketika berlaku sesebuah peristiwa sejarah pada zaman sahabat. Kitab sejarah hanya ditulis beberapa dekad atau kurun selepas berlaku sebuah peristiwa berdasarkan riwayat-riwayat yang dicerita daripada seseorang

kepada orang yang lain. Riwayat-riwayat inilah yang memenuhi kitab-kitab sejarah kita. Orang-orang yang menyampaikan peristiwa sejarah ini, hanya segelintir yang dipercayai dan boleh diambil pengkhabaran mereka. Bakinya yang majoriti terdiri daripada orang yang tidak dapat dipercayai, pendusta, pemfitnah, pengampu pemerintah, tukang cerita yang menokok tambah dan sebagainya.

Memang, para pengarang kitab sejarah telah mengemukakan nama-nama penyampai peristiwa sejarah agar orang-orang terkemudian dapat mengkajinya dan membezakan antara yang benar dan salah. Pun begitu, pada hakikatnya tidak ramai yang mampu atau mahu melakukan kajian dan pembezaan sedemikian. Tanpa kajian dan pemeriksaan ini, ditambah dengan kejihilan akan Panduan Pertama dan Kedua di atas, ramai penulis buku atau artikel sejarah hanya mengambil cerita-cerita yang menyeronokkan para pembacanya. Tidak ketinggalan adalah para penulis daripada aliran Syi'ah, mereka memilih cerita-cerita yang dapat dijadikan sumber fitnah ke atas para sahabat.

Justeru melalui Panduan Ketiga ini, hendaklah setiap yang ingin membicara sejarah para sahabat terlebih dahulu menilai kesahihan sesuatu peristiwa sejarah yang bakal dibincarakan. Hendaklah peristiwa sejarah itu dirujuk kepada kitabnya yang asal agar dengan itu dapat ditemui nama para penyampainya. Kemudian dikaji sama ada para penyampai tersebut boleh dipercayai atau sebaliknya.

Tugas ini pasti amat memberatkan. Ia hanya mampu dilakukan oleh para tokoh yang menguasai kesemua kitab hadis dan sejarah dengan penghususan

kepada ilmu sanad dan *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Disebut "kitab-kitab hadis" kerana sumber-sumber sejarah para sahabat juga terhimpun di dalam kitab-kitab hadis dan ianya lebih terjamin kesahihannya berbanding kitab sejarah. Maka dengan itu ambillah sejarah para sahabat daripada para tokoh yang penulis sebutkan ciri-cirinya di atas. Manhaj ini jugalah yang diguna oleh penulis (Hafiz Firdaus) dalam artikel-artikel sebelum ini berkenaan pendirian para sahabat di sebalik Perang Jamal, Siffin, pembunuhan Hasan dan Husain. Penulis tidak merujuk terus kepada kitab sejarah, sebaliknya terus kepada para tokoh yang telah meneliti kitab-kitab sejarah tersebut dan seterusnya membezakan antara yang hak dan batil.

Jika menghadapi kesukaran untuk mempraktikkan Panduan Ketiga ini, memadailah dengan Panduan Pertama dan Kedua di atas. Tenangkan diri dengan kedudukan para sahabat yang telah dipersaksikan oleh Allah dan Rasul-Nya serta pelbagai jasa mereka untuk membela dan menegakkan Islam. Janganlah diberi perhatian atau disebar-sebarkan riwayat tentang sejarah pertikaian para sahabat yang ditemui di sana sini. Ini kerana riwayat-riwayat sejarah tersebut kemungkinan besar adalah dusta atau ditokok tambah manakala kesaksian Allah dan Rasul-Nya adalah bebas daripada semua itu.

Al-Imam Ibn Baththah berpesan:

"Kita wajib menahan diri daripada pertikaian yang terjadi di antara sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebabnya, mereka telah melalui pelbagai peristiwa bersama Rasulullah dan telah mendahului manusia yang lain

dalam hal keutamaan. Allah telah mengampuni mereka dan memerintahkan agar (umat Islam terkemudian) memintakan ampun untuk mereka dan mendekatkan diri kepada-Nya dengan mencintai mereka. Semua itu Allah wajibkan melalui lisan Rasul-Nya.

Allah Maha Mengetahui apa yang bakal terjadi, bahawa mereka akan saling berperang. Mereka memperoleh keutamaan daripada yang lainnya kerana segala kesalahan dan kesengajaan mereka telah dimaafkan. Semua pertikaian yang terjadi di antara mereka telah diampuni.

(Oleh itu) janganlah melihat (memberi perhatian) ulasan-ulasan tentang Perang Siffin, Perang Jamal, pertikaian di Dewan (Bani Sa'idah) dan selainnya yang terjadi di antara mereka. Janganlah anda tulis untuk dirimu sendiri atau orang lain. Janganlah anda meriwayatkannya daripada seorang jua dan jangan pula membaca serta menyampaikannya kepada orang lain. Itulah perkara yang disepakati oleh para ilmuan umat Ini. Mereka sepakat melarang perkara yang kami sebutkan (di atas)." [al-Syarh wa al-Ibanah, ms. 268-269]

#### **Panduan Keempat:**

**Setiap peristiwa sejarah hendaklah dinilai kewajarannya.**

Jika kesahihan sesebuah hadis dinilai dari sudut sanad dan matannya,

demikianlah juga kesahihan sesebuah peristiwa sejarah. Ia tidak sahaja dinilai dari sudut para penyampainya tetapi juga apa yang disampaikan. Di sini sesebuah peristiwa sejarah yang disampaikan hendaklah dinilai kewajarannya berbanding faktor tempat, zaman dan keadaan manusia saat itu. Jika faktor-faktor ini adalah tidak wajar, dapat dikenali bahawa peristiwa tersebut sebenarnya adalah tidak sahih. Sering kali sesebuah peristiwa sejarah didapati tidak wajar kerana ia telah dibesar-besarkan (*exaggeration*). Lebih menarik, peristiwa sejarah yang sering dibesar-besarkan ialah apa yang menyangkut peperangan dan harta benda. Al-Allamah Ibn Khaldun menerangkan hakikat ini:

"Apabila seseorang pembicara pada sesuatu zaman ingin menggambarkan tentang jumlah tentera sesuatu kerajaan itu atau semasanya dan apabila mereka bercakap fasal tentera Islam atau Kristian, atau ketika hendak menggambarkan hasil-mahsul dan jumlah wang yang dibelanjakan, apa yang dilakukan oleh orang kaya, semuanya itu didapati bagi sengaja dilebih-lebihkan, sesuatu yang melampaui apa yang sepatutnya, dan sesuatu yang hanya untuk membangkitkan perhatian umum semata. Apabila seseorang pegawai yang bertanggungjawab disoal tentang jumlah tenteranya, apabila barang-barang dan harta benda itu ditaksirkan, dan apa yang dibelanjai oleh si kaya-raya dilihat mengikut keadaan biasa, ternyata jumlah itu hanya mencapai 1/10 daripada apa yang telah dinyatakan tadi. Sebabnya mudah sekali, ia sengaja direka-reka untuk menarik perhatian." [Muqaddimah, ms. xxiv]

Contoh terbaik peristiwa sejarah yang dibesar-besarkan sehingga melebihi batas kewajaran adalah jumlah pasukan yang terlibat dalam Perang Jamal dan Siffin serta jumlah yang terkorban daripadanya. Ambil sahaja Perang Siffin, disebut-sebut kononnya pasukan Ali berjumlah 90,000 orang manakala pasukan Muawiyah berjumlah 120,000 orang. Jumlah yang terkorban daripada kedua-dua pihak ialah 70,000 orang. Sedikit penelitian yang kritis akan mendapati jumlah di atas telah dibesar-besarkan berkali ganda sehingga lebih mirip kepada sebuah mitos dongeng. Perhatikan poin-poin berikut:

- Sebelum ini diterangkan bahawa jumlah sahabat yang terlibat dalam Perang Siffin adalah tidak lebih daripada 30 orang. Maka siapakah yang membentuk baki selebihnya? Adakah mereka terdiri daripada orang-orang yang baru memeluk Islam? Hal ini tidak mungkin kerana orang-orang yang baru memeluk Islam akan menjadikan para sahabat yang bertanggungjawab menyebarkan Islam kepada mereka sebagai tempat rujukan. Jika para sahabat ini tidak turut serta dalam Perang Siffin, maka mereka juga tidak akan turut serta.
- Mungkinkah baki selebihnya adalah tentera upahan? Jawapannya tetap tidak mungkin kerana menggerakkan pasukan tentera dengan jumlah sebesar itu adalah sesuatu yang amat sukar lagi mustahil dari sudut logistik. Setiap anggota perlu terlebih dahulu dilatih dan diberi kelengkapan yang sesuai. Kemudian ketika bergerak ke medan peperangan, perlu disediakan bekalan makanan dan minuman yang

mencukupi kepada setiap anggota pasukan, termasuk kepada haiwan tunggangan mereka. Perlu diingatkan bahawa pada zaman itu tidak ada kemudahan logistik yang membolehkan persiapan dan pergerakkan pasukan tentera secara besar-besaran dalam masa yang singkat.

- Seandainya benar dua pasukan umat Islam yang amat besar telah terlibat dalam Perang Siffin, sudah tentu ia akan melemahkan kedudukan umat Islam secara keseluruhannya di mata musuh. Seterusnya pasti musuh-musuh ini akan mengambil kesempatan untuk menyerang mana-mana wilayah Islam. Ternyata hal ini tidak berlaku. Musuh Islam tetap gerun kepada umat Islam sepanjang tempoh itu, menunjukkan tidak ada dua pasukan umat Islam yang amat besar telah saling bertempur sesama mereka.
- Disebut bahawa jumlah korban adalah 70,000 orang. Siapakah orang terpercaya yang menghitung jumlah ini? Jawapannya tidak ada.
- Seandainya 70,000 orang telah menjadi korban, nescaya proses pengkbumian akan mengambil masa yang tersangat lama. Ini kerana pada zaman itu tidak ada jentera berat yang dapat mempercepatkan proses ini. Anehnya tidak ditemui kitab sejarah yang mencatat proses pengkbumian ini.
- Akhir sekali, seandainya 70,000 orang gugur di Siffin, sudah tentu tempat itu akan menjadi lokasi arkeologi besar-besaran yang amat masyhur

sekarang ini. Ia akan dibanjiri dengan para pengkaji arkeologi bagi meneliti susuk manusia, pakaian, kelengkapan mereka 1400 tahun yang lalu. Akan tetapi hal ini jelas tidak berlaku.

Berdasarkan penelitian yang adil terhadap poin-poin di atas, benarlah kenyataan al-Allamah Ibn Khaldun bahawa jumlah yang sebenar hanyalah 10 peratus daripada apa yang disebut-sebutkan. Malah tidaklah menjauhi kebenaran jika dikatakan jumlah yang sebenar adalah lebih kecil daripada 10 peratus. Sebagai contoh, kitab-kitab sejarah menyebut bahawa jumlah korban Perang Jamal adalah 10,000 orang. Akan tetapi Dr. Muhammad bin Shamil al-Sulami dalam kajian tesisnya mendapati jumlah yang sebenar adalah tidak lebih daripada 300 orang. [*Tartib wa Tahzib Kitab al-Bidayah wa al-Nihayah* (edisi terjemahan oleh Abu Ihsan al-Atsari; Darul Haq, Jakarta, 2004), ms. 476] Jumlah ini hanyalah 3 peratus daripada jumlah yang disebut-sebut dalam kitab sejarah. Setakat ini penulis tidak menemui kajian khas tentang jumlah korban Perang Siffin. Namun tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa jumlahnya adalah sekitar satu hingga lima peratus daripada jumlah 70,000 yang disebut-sebutkan.

Pengajaran penting Panduan Keempat ini adalah, apabila ingin membicara sejarah para sahabat, hendaklah diperhatikan kewajarannya berbanding faktor tempat, zaman dan keadaan manusia saat itu. Hendaklah berbicara dengan pemikiran tajam yang bersifat menganalisa, lebih-lebih lagi apabila ia menyangkut peristiwa peperangan dan harta benda. Ini kerana pada kedua-dua peristiwa ini, lazimnya telah berlaku tokok tambah yang berganda-ganda. Ingat,

sejarah para sahabat bukanlah novel pengembaran yang boleh ditulis dan dibaca begitu sahaja dengan pemikiran yang tumpul lagi mendatar.

**Panduan Kelima:**

**Peristiwa sejarah yang sahih dan wajar hendaklah dibicara dengan minda yang positif.**

Sesuatu peristiwa sejarah yang lulus Panduan Ketiga dan Keempat hendaklah dibicara dengan minda yang positif agar ia menepati Panduan yang Pertama dan Kedua. Sebagai contoh, di dalam *Shahih al-Bukhari* – hadis no: 3670, diterangkan bahawa berlaku kekecohan di dewan Bani Sa'idad ketika membincangkan pengganti Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Para penulis dan pembaca yang cenderung membicarakan sejarah para sahabat dengan minda yang negatif akan menafsirkan “kekecohan” tersebut sebagai suasana perpecahan yang dahsyat dan pemilihan Abu Bakar *radhiallahu 'anh* yang terhasil daripadanya adalah pemilihan yang tidak adil.

Padahal jika dibicarakan dengan minda yang positif, dapat difahami bahawa “kekecohan” tersebut timbul tidak lain kerana kesungguhan para pembesar sahabat ketika itu untuk membincangkan pengganti Rasulullah. Ini kerana isu kepimpinan adalah satu persoalan yang amat penting untuk agama dan umat. “Kekecohan” tersebut reda apabila Abu Bakar dipilih menjadi khalifah yang pertama. Seandainya pemilihan tersebut berlaku dalam suasana yang tidak

adil, sudah tentu "kekecohan" akan berterusan sesudah itu.

Demikian lima panduan kepada sesiapa yang ingin membicarakan sejarah para sahabat. Ringkasnya untuk membicarakan apa-apa sejarah para sahabat, hendaklah terlebih dahulu menyedari bahawa yang bakal dibicarakan melibatkan sekumpulan orang yang diredhai oleh Allah dan dijamin masuk syurga. Selain itu mereka juga adalah sekumpulan orang yang saling bersatu, bersaudara dan berkasih sayang sesama mereka hasil daripada nikmat Allah kepada mereka. Justeru apabila ingin membicarakan sejarah mereka, hendaklah disemak terlebih dahulu sama ada peristiwa tersebut adalah sahih sumbernya dan wajar berlaku pada zaman, tempat dan keadaan manusia pada saat itu. Seandainya sahih dan wajar, maka bicaralah dengan minda yang positif agar ia menepati ciri-ciri mereka yang diredhai oleh Allah dan ahli syurga. Semoga dengan panduan ini, kita juga termasuk dalam golongan yang diredhai Allah dan dimasukkan ke dalam syurga-Nya.

**Pencerahan Dalam Persoalan Solat Sunat Qabliyah Jumaat**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Disampaikan kepada saya oleh beberapa pencinta ilmu yang ikhlas lagi jujur bahawa dalam sebuah forum di alam maya yang bernama "Bicara Sufi", terdapat perbincangan berkenaan persoalan solat sunat *qabliyah* Jumaat yang dikaitkan dengan nama saya. Perbincangan yang saya maksudkan boleh dirujuk di: <http://www.bicarasufi.com/sgtt/viewtopic.php?topic=11947&forum=3&21>

**Pada 2005-06-17 17:38, seorang ahli forum yang menggunakan nama e-mel "System" bertanya:**

Assalamu'alaikum. Minta kebenaran untuk mengemukakan beberapa soalan.

1. Apakah hukumnya melakukan solat sunat qabliyah jumaat? Adakah ia sunat atau bida'ah? Saya ada menghadiri kuliah saudara Hafiz Firdaus. Beliau mengatakan solat ini tiada nasnya. Adakah benar?

**Pada 2005-06-17 21:27, ustaz dalam forum tersebut yang menggunakan nama e-mel "Viceroy" menjawab:**

**Masalah qabliyyah jumaat :**

Nas memang tidak ada tapi dalilnya ada. Elok ditanya Hafiz Firdaus apa beza "nas" dengan "dalil".

Di sini ku bentangkan beberapa hadis yang dijadikan dalil oleh para imam mazhab Syafie dalam mentsabitkan solat sunat qabliyyah jummat.

- 1) Hadis riwayat Imam Muslim yang ertinya : "Apabila seseorang dari kamu bersolat jumaat maka solatlah sebelumnya 4 rakaat dan selepasnya 4 rakaat.
- 2) Hadis riwayat Imam Turmudzi : "Bawa Ibn Mas'ud r.anhu bersolat sebelum Jumaat 4 rakaat dan selepasnya 4 rakaat".  
Imam al-Baijuri ketika membahaskan dalam kitab fiqhnya : "Dan yang zahir (yakni dapat difahami berdasarkan hadis ini) perbuatan Ibn Mas'ud itu didapatnya dari Nabi s.a.w.
- 3) Hadis riwayat Imam Ibn Hibban, dari Abdullah ibn Zubair r.anhu secara marfu' : Tiada suatu solat melainkan mengiringinya 2 rakaat".
- 4) Syeikh Sulaiman al-Kurdi (pengarang Hasyiah 'ala Manhajil Qawim Ibn Hajar Haitami) : "Aku melihat dalam Syarah Misykat (kitab Misykat al-Masabiih) oleh Imam Mulla 'Ali Qari apa yang dinyatakannya bahwa telah datang suatu hadis dengan suatu sanad yang jayyid (baik) sebagaimana diakui oleh Ima 'Iraqi bahwa Nabi s.a.w bersolat sebelum Jumaat 4 rakaat.

5) dalam Sunan al-Turmudzi dinyatakan bahwa Ibn Umar memanjangkan solatnya sebelum Jumaat dan bersolat selepasnya 2 rakaat di rumahnya dan menceritakan bahwa Nabi s.a.w berbuat sedemikian juga.

6) Berkata Al-Mubarakfuri dalam kitabnya Awnul Ma'bud bahwa Imam Nawawi berkata dalam kitabnya Al-Khulasah bahwa hadis dia tas (no 5) adalah sahih atas syarat Imam Bukhori dan Muslim. Imam Iraqi juga menyatakan dalam Syarah Turmudzi bahwa isnadnya sahih.

Maka berdasarkan dalil-dalil di atas maka para mujtahid mazhab Syafie mengambil faham bahwa solat qabliyyah Jumaat itu wujud dan sunat dibuat.

### **Tanbihun**

Telah datang riwayat bahwa Nabi s.a.w menyatakan bahwa hendaklah berhati-hati dari siapa kita mengambil agama ini. Saya diberitahu bahwa Hafiz Firdaus ini adalah seorang Juruterbang MAS. Iyya, apa salahnya juruterbang mengajar agama jika dia berkemahiran ? Masalahnya sehingga sekarang belum ketemu dari siapa dia mengambil fiqhnya. Siapa gurunya?

Berdasarkan buku-bukunya dalam pasaran dia seorang yang tidak berpegang pada mazhab dan padanya mazhab Syafie sekarang tidak sama dengan mazhab Syafie pada zaman Imam Syafie, sudah ditokok tambah dan sebagainya.

Maka adakah beliau seorang mujtahid yang mampu melayari Quran dan Sunnah dan mengambil hukum darinya ? Atau muqallid yang hanya berpegang dengan pegangan Nasir Albani dan Ibn Taymiyyah serba sikit. Kerna dari buku-bukunya yang jelasnya di situlah dia mengambil pegangannya. wallahu a'lam

Perkara ini pada awalnya saya anggap baik kerana memang saya menyukai apa-apa persoalan agama yang dibincang secara terbuka dan ilmiah. Akan tetapi setelah diteliti, ia berubah daripada satu kebaikan kepada keburukan. Hal ini berlaku kerana jawapan yang diberikan oleh "ahli fiqh" forum "Bicara Sufi", iaitu seseorang yang menggunakan nama "Viceroy", sebenarnya adalah tidak tepat untuk mewakili Mazhab al-Syafi'e mahupun sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Di atas sebab inilah saya rasa perlu untuk diusahakan pencerahan ini.

Pencerahan ini saya bahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian **pertama** menjelaskan hukum solat sunat *qabliyah* Jumaat di kalangan imam Mazhab al-Syafi'e. Sebenarnya para imam Mazhab al-Syafi'e terbahagi kepada dua dalam persoalan ini:

- **Pertama** adalah mereka yang mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat.
- **Kedua** adalah mereka yang menafikan kesabitan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

Memandangkan "Viceroy" telah mengemukakan dalil dan hujah bagi mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat, maka saya akan mengemukakan pula dalil dan hujah bagi menafikan kesabitan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Penafian ini saya nukil tidak lain daripada para imam Mazhab al-Syafi'e itu sendiri.

Seterusnya, bahagian **kedua** merupakan analisa dan pencerahan ke atas hujah-hujah yang dikemukakan oleh "Viceroy" berkenaan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Bahagian **ketiga** adalah kesimpulan ke atas keseluruhan pencerahan ini.

**Bahagian Pertama: Solat Sunat *Qabliyah* Jumaat Di Sisi Para Imam Mazhab al-Syafi'e Yang Menafikan Kesabitannya.**

Seperimana yang disebut sebelum ini, para imam hadis Mazhab al-Syafi'e terbahagi kepada dua dalam persoalan ini. Sebahagian daripada mereka mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat manakala sebahagian yang lain menafikannya. Mereka yang menafikannya berhujah, bahawa tidak ada sebarang hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengajar atau mempraktikkan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Demikian juga oleh para sahabat *radhiallahu 'anhum*, tidak ada di kalangan mereka yang mengajar atau mempraktikkan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Ini kerana tertib perlaksanaan solat Jumaat pada zaman mereka menafikan kemungkinan wujudnya solat sunat *qabliyah* Jumaat. Perkara ini dapat diperincikan dalam dua poin berikut ini:

**Pertama:**

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, azan bagi solat Jumaat hanya sekali. Apabila masuk waktu solat Jumaat, Rasulullah akan masuk ke masjid dan terus naik ke mimbar. Kemudian muazin (tukang azan) akan melaungkan azan di hadapan baginda. Setelah itu Rasulullah akan terus berkutbah, diikuti dengan solat Jumaat itu sendiri. Tidak wujud selang masa dimana Rasulullah dan para sahabat melakukan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

Al-Hafiz Abu Syamah *rahimahullah* (665H) menerangkan:

Bahawa kebiasaan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika keluar dari

rumahnya pada hari Jumaat, maka baginda terus naik ke mimbar lalu muazin melaungkan azan. Setelah muazin selesai melaungkan azannya, maka baginda terus menyampaikan khutbahnya. Seandainya pada solat Jumaat tersebut wujud solat sunat *qabliyah*, tentu sesudah azan selesai dilaungkan baginda akan menyuruh para sahabat mendirikan solat sunat tersebut. Bahkan baginda sendiri akan mendirikannya terlebih dahulu sebelum menyuruh para sahabatnya. Pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak dikenali solat sunat pada hari Jumaat yang didirikan setelah azan dilaungkan dan didirikan di hadapan khatib. [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits (الباعث على إنكار البدع والحوادث) (tahqiq: Basyir Muhammad Uyun, edisi terjemahan oleh Abu Hilmi & Kamaluddin dengan judul *Bid'ah yang Dibungkus Dengan Hadits Palsu*; Pustaka Azzam, Jakarta, 2002), ms. 225-226]

Perkara yang sama diterangkan oleh al-Hafiz al-'Iraqi *rahimahullah* (806H):

Yang sedemikian adalah kerana Nabi *al-Sholah wa al-Salam*, tidak dilaungkan azan pada hari Jumaat kecuali di hadapan baginda dan baginda pada ketika itu di atas mimbar. Maka tidaklah baginda bersolat untuknya (sesudah azan). Dan demikian juga para sahabat *radhiallahu 'anhum*, dimana apabila keluarnya imam mereka terus memberhentikan solat. [Tharh al-Tsarib (طرح التصريب) fi Syarh al-Taqrif (Muassasah al-Tarikh al-'Arabi, Beirut,

1996), jld. 3, ms. 41]

Adapun yang dimaksudkan oleh al-Hafiz al-'Iraqi sebagai solat yang dihentikan oleh para sahabat ketika keluarnya imam, ia adalah solat-solat sunat mutlak sepetimana yang akan dijelaskan selepas ini *insya-Allah*.

**Kedua:**

Tertib perlaksanaan solat Jumaat pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* boleh diringkaskan sebagai berikut:

1. Matahari tergelincir, menandakan masuknya waktu solat Jumaat.
2. Rasulullah masuk ke masjid.
3. Rasulullah terus menaiki mimbar.
4. Muazin melaungkan azan.
5. Rasulullah menyampaikan khutbah.
6. Rasulullah turun dari mimbar untuk bersolat Jumaat.

Di antara enam tertib di atas, tidak wujud satu riwayat jua yang menerangkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau para sahabatnya *radhiallahu 'anhum* melaksanakan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Bahkan enam tertib di atas berlangsung secara berterusan sehingga tidak wujud selang masa yang memungkinkan perlaksanaan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

Al-Hafiz al-'Iraqi menegaskan:

Sesungguhnya baginda *'alaihi al-Sholah wa al-Salam* tidak mendirikan apa-apa solat sebelum solat Jumaat. Andai kata yang sedemikian berlaku (mendirikan solat sunat sebelum solat Jumaat) pasti ia dinukil secara pasti daripada baginda sebagaimana dinukil secara pasti bahawa baginda mendirikan solat sunat selepas Jumaat (*ba'diyah* Jumaat) dan sebagaimana dinukil secara pasti bahawa baginda mendirikan solat sunat sebelum Zohor (*qabliyah* Zohor). [*Tharh al-Tsarib*, jld. 3, ms. 41]

al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) turut menegaskan:

Dan adapun (solat) sunat Jumaat yang didirikan sebelumnya (*qabliyah* Jumaat) maka tidaklah sabit tentangnya sedikit juu. [*Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (tahqiq: 'Abd al-'Aziz bin Baz, Dar al-Fikr, Beirut, 2000), jld. 3, ms. 75]

Dua poin di atas menunjukkan bahawa solat sunat *qabliyah* Jumaat adalah tidak sabit. Perbuatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tidak melaksanakan solat sunat *qabliyah* Jumaat menjadi dalil tidak adanya solat sunat tersebut. Ini kerana mengikuti sunnah Rasulullah dalam hal ibadah ialah melaksanakan apa yang dilaksanakan oleh baginda dan meninggalkan apa yang ditinggalkan oleh baginda.

Dalam bab ini, para imam Mazhab al-Syafi'e yang menafikan kesabitan solat sunat *qabliyah* Jumaat juga telah menjawab beberapa kemusykilan yang

berkaitan. Di sini saya susun semula kemosykilan tersebut dalam bentuk "Kemosykilan dan Pencerahannya" untuk memudahkan kefahaman para pembaca:

## Kemusykilan Pertama:

Bolehkah disabitkan bahawa solat sunat *qabliyah* Jumaat berdasarkan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin Mughaffal *radhiyallahu 'anh*:



***Di antara setiap dua azan ada solat, di antara setiap dua azan ada solat (kemudian baginda bersabda pada kali ketiga): Kepada sesiapa yang mengingininya.*** [Shahih al-Bukhari – hadis no: 627 (Kitab al-Azan, Bab berapa lamakah antara azan dan iqamat...)]

## Pencerahan:

Hadis di atas memang dijadikan hujah oleh para imam Mazhab al-Syafi'e yang mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani membongkar hakikat ini:

Apa yang paling kuat dijadikan pegangan bagi mensyari'atkana (solat sunat) dua rakaat sebelum Jumaat adalah keumuman daripada apa yang disahkan oleh Ibn Hibban daripada hadis 'Abd Allah bin al-Zubair secara *marfu'*: "*Tidak ada solat fardhu melainkan ia didahului oleh dua rakaat*", juga hadis semisal

daripada 'Abd Allah bin Mughaffal dalam bab "Waktu Maghrib": "*Di antara setiap dua azan ada solat.*" [Fath al-Bari, jld. 3, ms. 96]

Kata-kata al-Hafiz Ibn Hajar di atas bukanlah untuk membenarkan penggunaan dua hadis tersebut sebagai dalil, sebaliknya mengisyaratkan kelemahannya. Isyarat ini dapat ditangkap daripada perkataan beliau "...adalah keumuman daripada apa yang...", kerana dalil yang umum tidak boleh digunakan bagi mengkhususkan sesuatu amalan jika amalan itu sendiri telah dinafikan oleh dalil khusus yang lain.

Di antara yang berhujah dengan hadis 'Abd Allah bin Mughaffal ialah al-Imam al-Nawawi *rahimahullah* (676H) dimana beliau berkata:

Dan adapun sunat sebelumnya (*qabliyah* Jumaat) maka asasnya adalah hadis 'Abd Allah bin Mughaffal yang telah disebut dalam perbincangan sebelum ini: "*Di antara setiap dua azan ada solat*" dan juga diqiyaskan kepada solat Zohor. [al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (tahqiq: M. Najib; Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, 2001), jld. 3, ms. 349]

Menggunakan hadis di atas sebagai dalil adalah tidak tepat. Selain daripada sifatnya yang umum, ia juga dipandang tidak tepat kerana:

1. Yang dimaksudkan dengan "dua azan" bukanlah dua azan solat Jumaat sebagaimana yang wujud sekarang. Ini kerana pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, hanya ada satu azan bagi solat Jumaat. Maka

yang dimaksudkan sebagai "dua azan" ialah azan dan iqamat. Demikian jelas al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani: "Maksudnya ialah azan dan iqamah. Tidak sah mengambil (kefahaman) hadis ini secara zahir." [Fath al-Bari, jld. 2, ms. 315]

2. Azan dan iqamat berlaku pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika melaksanakan solat Jumaat. Akan tetapi – sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini – tertib perlaksanaan solat Jumaat pada zaman baginda tidak memungkinkan perlaksanaan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

Oleh itu pendapat al-Imam al-Nawawi di atas telah ditolak oleh Al-Hafiz al-Busyiri *rahimahullah* (840H):

Dan di antara yang terbaik yang dijadikan dalil dengannya (dalam bab solat sunat *qabliyah* Jumaat) ialah apa yang sabit daripada dua kitab saih daripada hadis 'Abd Allah bin Mughaffal daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*: "*Di antara setiap dua azan ada solat*".

Padahal ini mustahil berlaku pada solat (Rasulullah) *shallallahu 'alaihi wasallam* kerana sesungguhnya baginda di antara azan dan iqamat berkutbah, maka tidak ada solat pada ketika itu di antara kedua-duanya (azan dan iqamat).

Benar, bahawa sesudah itu Utsman (ibn 'Affan *radhiallahu 'anh*)

mengadakan azan di atas *al-Zawra* (sebagai azan pertama manakala azan kedua di dalam masjid), memungkinkan solat sunat Jumaat sebelum keluarnya imam untuk berkhutbah. [*Mishbah al-Zujajah fi Zawa'id Ibn Majah* (tahqiq: Kamal Yusuf; Dar al-Jinan, Beirut, 1986), jld. 1, ms. 213]

Oleh itu tidaklah tepat menggunakan hadis "***Di antara setiap dua azan ada solat***" sebagai dalil kerana tertib perlaksanaan solat Jumaat pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, khasnya dari azan hingga iqamat, tidak memiliki selang masa untuk melaksanakan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

#### **Kemusykilan Kedua:**

Apakah boleh mengqiyaskan solat sunat *qabliyah* Jumaat kepada solat sunat *qabliyah* Zohor sebagaimana kata-kata al-Imam al-Nawawi yang dinukil di atas?

Pencerahan:

Kata-kata atau pendapat al-Imam Nawawi untuk menggunakan kaedah qiyas dalam persoalan ini telah ditolak oleh seorang tokoh Mazhab al-Syafi'e yang sezaman dengan beliau, iaitu al-Hafiz Abu Syamah:

Alasan tidak adanya solat sunat *qabliyah* Jumaat adalah bahawa yang dimaksudkan dengan solat sunat dalam pandangan kami adalah solat yang

didasarkan kepada petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sama ada petunjuk itu dalam bentuk ucapan mahupun perbuatan. Berkenaan solat sunat *qabliyah* Jumaat, tidak ada satu petunjuk jua daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menunjukkan bahawa solat tersebut disunnahkan. Disamping itu tidak dibenarkan melakukan qiyas dalam menetapkan dalil syar'i yang berkenaan dengan solat. [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits, ms. 224]

Sebenarnya terdapat banyak perbezaan antara solat Jumaat dan solat Zohor. Di antaranya, solat Jumaat wajib berjamaah manakala solat Zohor hanya sunat muakad, wajib meninggalkan jual beli apabila dilaungkan azan Jumaat, solat Jumaat adalah 2 rakaat manakala solat Zohor adalah 4 rakaat, solat Jumaat didahului dengan khutbah manakala solat Zohor tidak, bacaan surah dalam solat Jumaat adalah kuat manakala dalam solat Zohor adalah perlahan dan sebagainya. Perbezaan-perbezaan ini menutup pintu yang membolehkan perhubungan antara solat Jumaat dan solat Zohor melalui jalan qiyas.

Bahkan dalam bab ini terdapat dalil yang menunjukkan perbezaan solat-solat sunat bagi solat Zohor dan Jumaat. Dalil tersebut ialah hadis 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma* dimana beliau berkata:

!! !!!!y!!!!!! !!!!y!!!!!! !!!! ! !!!! ! !!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!  
!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!! !!!!!y!! 鱼 y!!!!!! !!!!! !!!!!y! !!!!!y!!!!

!! !!!f!!! !! !!! !! !!

**Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersolat sebelum zohor dua rakaat dan sesudah zohor dua rakaat, sesudah Maghrib dua rakaat di rumahnya dan sesudah Isya' dua rakaat. Dan baginda tidak bersolat sesudah Jumaat sehingga meninggalkan masjid dan baginda bersolat dua rakaat.** [Shahih al-Bukhari – hadis no: 937 (Kitab al-Jumuah, Bab solat sesudah Jumaat dan sebelumnya)].

Perhatikan bahawa apabila Ibn 'Umar menerangkan solat-solat sunat Rasulullah, beliau membezakan antara solat Zohor dan solat Jumaat. Dua perbezaan yang paling nyata adalah:

1. Solat Zohor memiliki sunat *qabliyah* dan *ba'diyah* manakala solat Jumaat hanya memiliki sunat *ba'diyah*.
2. Sunat *ba'diyah* Zohor dilaksanakan di masjid manakala sunat *ba'diyah* Jumaat dilaksanakan di dalam rumah.

Justeru pendapat al-Imam al-Nawawi untuk menggunakan kaedah qiyas dalam bab ini adalah pendapat yang lemah. Ini kerana peranan qiyas adalah menghubungkan satu persoalan baru dalam kehidupan manusia kepada persoalan asal yang sudah sedia wujud hukumnya pada zaman Rasulullah berdasarkan kesamaan *illat* (sebab di sebalik hukum). Adapun ibadah, maka tidak boleh ada satu jua ibadah yang baru melainkan apa yang sudah disyari'atkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Dengan itu, qiyas tidak memiliki peranan untuk mewujudkan hukum

ibadah yang baru, seperti mewujudkan ibadah "solat *qabliyah* Jumaat" dan menghukumnya sebagai "sunat".

Lebih dari itu, syarat utama bagi qiyas ialah wujudnya sebab yang sama antara kedua-dua persoalan yang ingin dihubungkan. Syarat ini tidak dapat dipraktikkan dalam persoalan ibadah kerana manusia tidak mampu mengetahui "sebab di sebalik" sesuatu ibadah untuk dikaitkan kepada ibadah yang lain. Sebab di sebalik semua ibadah adalah ketaatan kepada Allah semata-mata. Namun, toh dikatakan boleh mengamalkan qiyas untuk ibadah, ia tetap tidak boleh digunakan dalam persoalan solat sunat *qabliyah* Jumaat kerana terdapat banyak perbezaan antara solat Jumaat dan solat Zohor sepertimana yang diterangkan di atas.

### **Kemusykilan Ketiga:**

Jika dikaji semua hadis-hadis dalam bab ini, ditemui bahawa sebahagian sahabat ada yang melaksanakan solat sunat sebelum solat Jumaat. Kenapakah hadis-hadis ini tidak dijadikan dalil bagi solat sunat *qabliyah* Jumaat?

Pencerahan:

Benar bahawa terdapat hadis-hadis yang menerangkan bahawa para sahabat melaksanakan solat-solat sunat sebelum solat Jumaat. Namun solat-solat sunat tersebut bukanlah solat sunat *qabliyah* Jumaat tetapi adalah solat sunat mutlak semata-mata.

Ringkasnya, solat sunat (*tathawwu'*) terdiri daripada dua jenis:


1. Solat sunat mutlak, ia adalah solat-solat sunat yang didirikan secara bebas.
2. Solat sunat khusus, ia adalah solat-solat sunat yang terikat dengan peraturan syari'at. Contohnya ialah solat Id al-Adha, solat Id al-Fitri, solat Jenazah, solat Witir, solat Dhuha, solat Istikarah dan sebagainya. Solat-solat sunat sebelum atau selepas sesuatu solat wajib juga duduk di dalam kategori ini.

Maka apa yang dilakukan oleh para sahabat, ia adalah solat sunat mutlak. Ia bukan solat sunat *qabliyah* Jumaat yang duduk di dalam kategori solat sunat khusus yang sedang kita bincang dalam pencerahan ini. Para pembaca sekalian perlu membezakan antara dua bentuk solat sunat ini dengan pembezaan yang sejelas-jelasnya, umpama siang dengan malam. Ini kerana banyak kekeliruan timbul dalam bab ini, termasuk di kalangan sebahagian tokoh dan ilmuan, disebabkan kegagalan untuk membezakan dua bentuk solat sunat ini.

Al-Hafiz Abu Syamah berkata:

Solat sunat tersebut dibolehkan dan tidak dikategorikan sebagai perbuatan mungkar jika dilihat dari sudut ibadah solat. Namun kemungkaran ibadah tersebut terletak pada keyakinan orang-orang di antara mereka dan sebahagian orang yang memiliki pengetahuan, yang menganggap solat tersebut sebagai solat sunat *qabliyah* Jumaat, seperti solat sunat *qabliyah* Zohor. [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits, ms. 223]

Adapun melaksanakan solat-solat sunat secara mutlak sebelum Jumaat, maka ia disunnahkan oleh hadis berikut daripada Salman al-Farisi *radhiallahu 'anh* bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:



*Tidaklah seseorang itu mandi pada hari Jumaat dan bersuci semampu dirinya, meminyakkan rambut atau menyapu minyak wangi dari rumahnya, kemudian keluar (menuju ke masjid) dan dia tidak memisahkan dua orang (yang telah sedia duduk di saf hadapan masjid), kemudian dia bersolat menurut apa yang ditentukan oleh Allah baginya (yakni sekadar mampu), kemudian dia diam apabila imam berkata-kata (berkhutbah), kecuali diampunkan baginya (dosa-dosa) antara Jumaat itu dan Jumaat berikutnya.* [Shahih al-Bukhari – hadis no: 883 (Kitab al-Jumuah, Bab meminyakkan rambut untuk berjumaat)].

Maka berdasarkan hadis di atas, para sahabat berusaha untuk pergi awal ke masjid dalam keadaan berseri-seri. Kemudian mereka melaksanakan solat-solat sunat mutlak sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sehingga masuknya waktu solat Jumaat. Solat-solat sunat mutlak yang dilaksanakan oleh para sahabat berbeza-beza jumlah rakaatnya,

semuanya bergantung kepada kemampuan masing-masing.

Penjelasan al-Hafiz Abu Syamah sekali lagi menjadi rujukan:

Abu Bakar al-Munzir berkata: "Kami telah meriwayatkan daripada Ibn 'Umar bahawa beliau biasa mendirikan solat sunat sebelum Jumaat sebanyak 12 rakaat. Dalam riwayat lain daripada Ibn 'Abbas bahawa beliau biasa mendirikan solat sunat (sebelum Jumaat) sebanyak 8 rakaat."

Keterangan di atas menjadi dalil bahawa solat sunat yang dilaksanakan oleh mereka (para sahabat) adalah semata-mata solat sunat (mutlak) menurut pandangan mereka sendiri dan bukan didasarkan kepada petunjuk (yakni contoh praktikal daripada) Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Demikian juga dengan jumlah rakaat yang diriwayatkan daripada mereka, dimana jumlah rakaatnya berbeza-beza. Hal ini semata-mata sebagai solat sunat (mutlak) tanpa dikaitkan dengan solat Jumaat.

Selanjutnya berkenaan waktu perlaksanaannya, bahawa para sahabat sebagaimana yang disebut di atas, mendirikan solat tersebut sebelum dilaungkan azan dan sebelum masuknya waktu solat Jumaat. Ini kerana mereka datang ke masjid pada pagi hari sebelum imam tiba (sebagaimana yang dianjurkan oleh hadis Salman al-Farisi di atas), maka mereka biasa mendirikan solat sunat (mutlak).

Solat sunat (mutlak) seperti ini biasa juga mereka dirikan pada solat Id

(Hari Raya) padahal mereka juga mengetahui bahawa dalam solat Id tidak ada solat sunat *qabliyah* dan *ba'diyahnya*. [*al-Baits al-Ingkar al-Bida'* wa *al-Hawadits*, ms. 223]

Al-Hafiz al-'Iraqi turut menjelaskan:

Terdapat kemusyikan di dalam masalah ini, disebabkan oleh satu bab yang disusun oleh (al-Imam) Ibn Abi Syaibah di dalam (kitab) *al-Musannafnya*, iaitu "Bab solat sebelum Jumaat" dimana di dalamnya terdapat riwayat daripada 'Abd Allah ibn Mas'ud bahawa beliau bersolat empat rakaat sebelum Jumaat, daripada Ibn 'Umar bahawa beliau mengasingkan diri pada hari Jumaat untuk bersolat dengan panjang sebelum keluarnya imam, daripada 'Umar bin Abd al-Aziz dimana beliau bersolat sebelum Jumaat sebanyak 10 rakaat, daripada Ibrahim al-Nakha'e dimana beliau bersolat sebelum Jumaat empat rakaat, daripada Abi Majlazin bahawa beliau bersolat dirumahnya dua rakaat pada hari Jumaat dan daripada Thawus dimana beliau tidak akan mendatangi masjid pada hari Jumaat sehingga beliau bersolat di rumahnya dua rakaat.

Tidaklah daripada semua itu menjadi dalil ke atas solat sunat (sebelum) Jumaat kerana yang sedemikian dilaksanakan sebelum gelincir matahari (sebelum masuk waktu Jumaat). [*Tharh al-Tsarib*, jld. 3, ms. 43]

Seterusnya marilah kita menganalisa dalil dan hujah yang dikemukakan

oleh "Viceroy" yang mewakili para imam Mazhab al-Syafi'e bagi mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Analisa dan

## **Bahagian Kedua: Analisa Dan Pencerahan Ke Atas Hujah-Hujah "Viceroy"**

## Pertama:

Hujah Viceroy:

Di sini ku bentangkan beberapa hadis yang dijadikan dalil oleh para imam mazhab Syafie dalam mentsabitkan solat sunat qabliyyah jummat.

- 1) Hadis riwayat Imam Muslim yang ertiannya : "Apabila seseorang dari kamu bersolat jumaat maka solatlah sebelumnya 4 rakaat dan selepasnya 4 rakat.

## Analisa dan Pencerahan:

Nampaknya berlaku kekeliruan. Hadis di atas tidak terdapat di dalam *Shahih Muslim*. Di dalam *Shahih Muslim*, hanya terdapat hadis berikut:

!!!!!! !!!!! ! !!!!! ! !!!!! ! !!!!! ! !!!!! ! !!!!!

**Apabila seseorang kalian bersolat Jumaat, maka bersolatlah sesudahnya empat rakaat.** [Shahih Muslim – hadis no: 667 (Kitab al-Jumu'ah, Bab solat sesudah Jumaat)]

**Kedua:**

Hujah Viceroy:

- 2) Hadis riwayat Imam Turmudzi : "Bahwa Ibn Mas'ud r.anhu bersolat sebelum Jumaat 4 rakaat dan selepasnya 4 rakaat".

Pencerahan:

Hadis ini boleh dirujuk dalam *Sunan al-Tirmizi*, dimana ia merupakan penjelasan al-Imam al-Tirmizi *rahimahullah* kepada hadis no: 481 (*Kitab al-Jumuah, Bab berkenaan solat sebelum Jumaat dan sesudahnya*):



***Diriwayatkan daripada 'Abd Allah bin Mas'ud bahawa beliau bersolat sebelum Jumaat empat rakaat dan selepas Jumaat empat rakaat.***

Hadis ini memang masyhur dijadikan hujah, termasuk oleh al-Imam al-Nawawi di dalam *Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 3, ms. 349. Akan tetapi yang benar, solat yang dilaksanakan oleh Ibn Mas'ud bukanlah solat sunat *qabliyah* Jumaat tetapi solat sunat mutlak sebelum Jumaat. Hal ini sebagaimana yang diterangkan oleh al-Hafiz al-'Iraqi yang saya nukil sebelum ini. al-Hafiz Abu Syamah turut menjelaskan:

*Menurut saya, solat sunat empat rakaat yang sebelum solat Jumaat yang seperti yang didirikan oleh Ibn Mas'ud adalah semata-mata solat sunat*

(mutlak) yang biasa beliau laksanakan sehingga imam datang. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Dengan demikian, maka atas dasar apakah anda menyakini bahawa solat sunat yang didirikan oleh Ibn Mas'ud adalah solat sunat *qabliyah Jumaat?* [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits, ms. 223]

### **Ketiga:**

Hujah Viceroy:

- 3) Hadis riwayat Imam Ibn Hibban, dari Abdullah ibn Zubair r.anhu secara marfu' : Tiada suatu solat melainkan mengiringinya 2 rakaat".

Pencerahan:

Hadis ini terdapat di dalam *Shahih Ibn Hibban* – hadis no: 2455 (*Kitab al-Solat, Bab solat Nawafil*) sebagaimana berikut:

!! !!!y!!! !! !!! !!! !! !!! ! !!! ! !!!

***Tidak ada solat fardhu melainkan ia didahului oleh dua rakaat.***

Berkata penyemak – Syaikh Syu'aib al-Arna'uth: "Isnadnya kuat." Sepertimana kata al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani yang saya nukil sebelum ini, hadis 'Abd Allah bin al-Zubair ini turut menjadi dalil yang masyhur bagi mensabitkan solat sunat *qabliyah Jumaat*. Akan tetapi hal ini telah ditolak

oleh al-Hafiz al-'Iraqi:

Juga yang dijadikan dalil adalah apa yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban di dalam *Shahihnya* dan al-Daruquthni di dalam *Sunarnya* dan selain mereka berdua daripada 'Abd Allah bin al-Zubair, beliau berkata, bersabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: "*Tidak ada solat fardhu melainkan ia didahului oleh dua rakaat*" dan hadis ini ditujukan kepada solat Jumaat dan selainnya. Akan tetapi ini adalah pendalilan yang lemah disebabkan ia adalah satu keumuman yang menerima pengkhususan padahal telah disebut sebelum ini apa yang nyata daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat bahawa mereka tidak melakukan sedemikian (yakni bersolat dua rakaat *qabliyah* Jumaat). [*Tharh al-Tsarib*, jld. 3, ms. 43]

#### **Keempat:**

Hujah Viceroy:

- 4) Syeikh Sulaiman al-Kurdi (pengarang Hasyiah 'ala Manhajil Qawim Ibn Hajar Haitami) : "Aku melihat dalam Syarah Misykat (kitab Misykat al-Masabiih) oleh Imam Mulla 'Ali Qari apa yang dinyatakannya bahwa telah datang suatu hadis dengan suatu sanad yang jayyid (baik) sebagaimana diakui oleh Ima 'Iraqi bahwa Nabi s.a.w bersolat sebelum Jumaat 4 rakaat.

Pencerahan:

Kitab al-Imam Mulla 'Ali al-Qari *rahimahullah* (1014H) yang dimaksudkan ialah *Mirqat al-Mafatih Syarh Miskat al-Mashabih* (tahqiq: Shiddiq Hasan Jamil; Dar al-Fikr, Beirut, 1994) dan kata-kata beliau boleh dirujuk dalam jld. 3, ms. 246: "Dan sungguh telah datang dengan sanad yang baik (*jayyid*) sebagaimana kata al-Hafiz al-'Iraqi, bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersolat sebelum Jumaat empat rakaat."

Walaubagaimanapun, apabila dirujuk kepada kitab al-Hafiz al-'Iraqi yang berjudul *Tharh al-Tsarib*, jld. 3, ms. 41, di dapati kata-kata beliau ialah: "...Hadis *Sunan Ibn Majah* bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersolat sebelum Jumaat empat rakaat, dan isnadnya adalah amat lemah (*dha'if jiddan*)."

Di sini berlaku dua kemungkinan:

1. Berlaku kesilapan oleh al-Imam Mulla 'Ali al-Qari ketika menukil kata-kata al-Hafiz al-'Iraqi.
2. al-Imam Mulla 'Ali al-Qari sebenarnya merujuk kepada hadis yang lain yang dinilai oleh al-Hafiz al-'Iraqi di tempat yang lain.

Apapun, seandainya benar hadis tersebut memiliki sanad yang baik, ia bukanlah dalil bagi mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat kerana apa yang dilakukan oleh baginda termasuk solat sunat mutlak sebelum solat Jumaat. Ini sebagaimana yang dilakukan juga oleh para sahabat baginda,

sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Hafiz Abu Syamah dan al-Hafiz al-'Iraqi sebelum ini.

**Kelima:**

Hujah Viceroy:

- 5) dalam Sunan al-Turmudzi dinyatakan bahwa Ibn Umar memanjangkan solatnya sebelum Jumaat dan bersolat selepasnya 2 rakaat di rumahnya dan menceritakan bahwa Nabi s.a.w berbuat sedemikian juga.
- 6) Berkata Al-Mubarakfuri dalam kitabnya Awnul Ma'bud bahwa Imam Nawawi berkata dalam kitabnya Al-Khulasah bahwa hadis dia tas (no 5) adalah sahih atas syarat Imam Bukhori dan Muslim. Imam Iraqi juga menyatakan dalam Syarah Turmudzi bahwa isnadnya sahih.

Pencerahan:

Hadis Ibn 'Umar yang dimaksudkan, maka ia diriwayatkan oleh Nafi':

!! !! !!!!!!! !! !!!f!!!!!! !! !!!!! j!! !!!!! ! !!!!! !! !!!!! !! !!  
!! !!!!j!! !!!!! !!!!! !!!!! !! !!!!! !! !!!!! !! !!!!! !! !!!!!

***Adalah Ibn 'Umar beliau memanjangkan solatnya sebelum Jumaat dan beliau bersolat sesudahnya dua rakaat di rumahnya dan beliau***

**menceritakan bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan sedemikian.**

Adapun menyandarkan hadis ini kepada *Sunan al-Tirmizi*, maka ia adalah satu kekeliruan kerana hadis ini tidak ditemui dalam *Sunan al-Tirmizi*. Yang benar ia terdapat di dalam *Sunan Abu Daud* – hadis no: 953 (*Kitab al-Solat, Bab solat sesudah Jumaat*).

Kemudian berlaku kekeliruan lagi. al-Mubarakfuri tidak mengarang kitab *Awnul Ma'bud* dan *Awnul Ma'bud* tidak dikarang oleh al-Mubarakfuri. Yang benar, al-Imam al-Mubarakfuri mengarang kitab *Tuhfah al-Ahwazi Syarh Jami' al-Tirmizi* manakala '*Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*' dikarang oleh al-Imam Abi al-Thayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azhim al-Abadi.

Adapun yang nukilan yang dikemukakan oleh Viceroy, maka ia adalah daripada kitab '*Awn al-Ma'bud*'. Sayang sekali, beliau tidak menukil secara penuh perbincangan al-Imam Syams al-Haq dalam bab ini. Saya menyambung kata-kata al-Imam Syams al-Haq selepas beliau menerangkan kesahihan hadis tersebut:

Adapun yang dimaksudkan dalam perkataan Ibn 'Umar "**Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan sedemikian**", maka yang nyata adalah apa yang dikatakan oleh al-Syaikh Abu Syamah bahawa ia merujuk kepada tindakan (Ibn 'Umar) bersolat dua rakaat sesudah Jumaat di rumahnya.

Dan berkata al-Hafiz (Ibn Hajar al-'Asqalani): al-Nawawi berhujah dengan hadis Ibn 'Umar untuk mensabitkan (solat) sunat sebelum Jumaat dan beliau mengulas bahawa ucapan "*Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan sedemikian*" ditujukan kepada perkataan "*beliau bersolat sesudahnya dua rakaat di rumahnya*" dan ini ditunjuki oleh riwayat al-Laits daripada Nafi' daripada 'Abd Allah (ibn 'Umar) yang dikeluarkan oleh (al-Imam Muslim): "*Bahawa beliau apabila bersolat Jumaat, beliau meninggalkan masjid dan bersolat dua rakaat di rumahnya. Kemudian beliau berkata, adalah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan yang sedemikian.*"

Adapun perkataannya "*Adalah Ibn 'Umar beliau memanjangkan solatnya sebelum Jumaat*", maka jika yang dimaksudkan adalah sesudah masuknya waktu (Jumaat) maka tidaklah ia sah daripada Rasulullah disebabkan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* keluar (rumah) apabila tergelincirnya matahari lalu baginda sibuk dengan khutbah, kemudian (sibuk) dengan solat Jumaat.

Jika yang dimaksudkan adalah sebelum masuknya waktu (solat Jumaat) maka yang sedemikian adalah solat sunat mutlak dan bukannya solat *ratibah (qabliyah)* Jumaat). Maka hadis tersebut bukanlah hujah untuk

mensunatkan solat sebelum Jumaat (*qabliyah* Jumaat). Bahkan ia adalah anjuran kepada solat sunat mutlak (sebelum masuknya waktu Jumaat). [*'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud* (tahqiq: Shiddiq Hasan Jamil; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1995), jld. 3, ms. 356]

Demikian penjelasan al-Imam Syams al-Haq. Hadis Ibn 'Umar memang disahihkan oleh al-Imam al-Nawawi akan tetapi hujah yang diambil daripadanya oleh beliau, menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, adalah tidak benar. Yang benar, solat panjang yang didirikan oleh Ibn 'Umar sebelum solat Jumaat adalah solat sunat mutlak, bukan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Perkataan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani yang dinukil oleh al-Imam Syams al-Haq boleh dirujuk dalam *Fath al-Bari*, jld. 3, ms. 95.

Jelas bahawa Viceroy hanya menukil daripada kitab *'Awn al-Ma'bud* apa yang selari dengan pendapatnya dan meninggalkan apa yang menyelisihi pendapatnya, lalu kemudian mendakwa itulah pendapat dalam Mazhab al-Syafi'e.

Demikian analisa dan pencerahan ke atas dalil dan hujah yang dikemukakan oleh "Viceroy" sebagai mewakili para imam Mazhab al-Syafi'e yang mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat. Dalil dan hujah tersebut tidak saya tolak melainkan berdasarkan penolakan para imam Mazhab al-Syafi'e juga, yakni mereka yang menafikan kesabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat.

### **Bahagian Ketiga: Kesimpulan.**

Terdapat beberapa kesimpulan dan iktibar yang dapat kita ambil daripada keseluruhan pencerahan ini:

#### **Pertama: Dari sudut sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.**

1. Apabila tergelincirnya matahari menandakan masuknya waktu solat Jumaat, baginda terus masuk ke masjid dan menaiki mimbar. Muazin kemudiannya melaungkan azan dan baginda terus berkhutbah, diikuti dengan solat Jumaat.
2. Sebelum itu, para sahabat ada melaksanakan solat-solat sunat. Ia bukanlah solat sunat *qabliyah* Jumaat tetapi solat sunat mutlak yang dilaksanakan sebelum masuknya waktu Jumaat.
3. Justeru tidak ada solat sunnah *qabliyah* Jumaat jika dirujuk pada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

#### **Kedua: Dari sudut Mazhab al-Syafi'e.**

1. Di sisi al-Imam al-Syafi'e *rahimahullah* (204H), tidak ada solat sunat *qabliyah* Jumaat. Pendapat beliau dalam bab ini adalah selari dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, dimana beliau berkata:

*Saya menyukai apabila azan pada hari Jumaat dilaungkan ketika imam sudah memasuki masjid dan beliau duduk pada tempat yang beliau*

berkhutbah di atasnya dengan posisi yang agak tinggi seperti kayu atau pelepah kurma, mimbar, pelantar atau selainnya, atau di atas tanah itu sendiri. Apabila (imam telah) melakukan (sedemikian), muazin melaungkan azan. Apabila telah selesai, imam berdiri lalu menyampaikan khutbah. Tidak ada tambahan ke atas itu. [al-Umm (tahqiq: Ahmad Badr al-Din; Dar al-Qutaibah, 1996), jld. 3, ms. 60.]

2. Sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan dipraktikkan oleh para sahabat, al-Imam al-Syafi'e juga menyukai agar orang-orang yang sampai awal ke masjid melaksanakan solat-solat sunat mutlak sehinggalah imam menaiki mimbar. Setelah menerangkan kelebihan orang yang pergi awal ke masjid sempena solat Jumaat, beliau berkata:

Apabila orang ramai pergi melaksanakan solat Jumaat, hendaklah mereka bersolat sehinggalah imam menaiki mimbar. Apabila imam berada di atas mimbar, mereka yang mendirikan solat dua rakaat dan berkata-kata hendaklah berhenti supaya imam dapat memulakan khutbah. Apabila imam berkhutbah, mereka diam memerhatikannya. [al-Umm, jld. 3, ms. 73]

3. Kemudian berlaku penambahan di kalangan sebahagian tokoh Mazhab al-Syafi'e, dimana mereka menambah solat sunat *qabliyah* Jumaat. al-Imam al-Nawawi menyebut:

Berkenaan sunat sebelum Jumaat dan sesudahnya: Disunatkan untuk bersolat sebelumnya dan sesudahnya, yakni dua rakaat sebelumnya dan dua rakaat sesudahnya manakala yang lebih sempurna adalah empat rakaat sebelumnya dan empat rakaat sesudahnya. Ini secara ringkas. Adapun secara terperinci, maka berkata Abi al-'Abbas ibn al-Qas (335H) di dalam (kitabnya) *al-Miftah* dalam bab solat Jumaat: "Disunatkan untuk sebelumnya empat rakaat dan sesudahnya empat rakaat." Berkata pengarang (kitab) *al-Tahzib* (iaitu al-Imam al-Baghawi, 516H) dalam bab solat sunat sesudah solat Jumaat, dimana ia adalah seperti (solat sunat) sesudah solat Zohor. ....Berkata pengarang (kitab) *al-Bayan* (iaitu al-Imam al-'Imrani, 558H): "Dan demikian juga didirikan solat sebelumnya (sebelum solat Jumaat) seperti apa yang didirikan sebelum Zohor." [*al-Majmu Syarh al-Muhazzab*, jld. 3, ms. 348]

Adapun di sisi al-Imam al-'Imrani *rahimahullah*, maka beliau mensabitkan solat sunat *qabliyah* Jumaat kepada solat sunat *qabliyah* Zohor dengan kaedah *qiyyas*. Beliau tidak menyandarkan pensabitan tersebut kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mahupun perkataan al-Imam al-Syafi'e *rahimahullah*. Rujuk kitab beliau *al-Bayan* (tahqiq: Qasim Muhammad; Dar al-Minhaj), jld. 2, ms. 595.

4. Kemudiannya sebahagian imam Mazhab al-Syafi'e menolak penambahan tersebut. Bagi mereka yang benar adalah tidak ada solat sunat *qabliyah*

Jumaat sepetimana yang ditunjuk oleh sunnah yang sahih dan perkataan asal al-Imam al-Syafi'e.

5. Hasilnya, para imam Mazhab al-Syafi'e terbahagi kepada dua dalam persoalan solat sunat *qabliyah* Jumaat, dengan yang pertama mensabitkannya manakala yang kedua menafikannya.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa hukum solat sunat *qabliyah* Jumaat sebenarnya telah melalui satu proses "evolusi" di dalam Mazhab al-Syafi'e. Proses "evolusi" ini akhirnya melahirkan dua pendapat:

- Pendapat pertama mensabitkannya dan pada zahirnya kelihatan inilah yang masyhur dalam Mazhab al-Syafi'e.
- Pendapat kedua menafikan kesabitannya dan ini adalah pendapat yang kuat (*rajih*) dan benar, sekalipun pada zahirnya ia kelihatan agar terselindung. Dikatakan kuat kerana hujah-hujah para imam Mazhab al-Syafi'e yang menafikannya adalah jauh lebih kuat daripada yang mensabitkannya. Dikatakan benar kerana ia bertepatan dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabatnya *radhiallahu 'anhuma*.

### **Ketiga: Dari Sudut Berinteraksi Dengan Ilmu Agama.**

Manfaat yang ingin disampaikan dalam pencerahan ini tidak sekadar persoalan sabit atau tidak solat sunat *qabliyah* Jumaat tetapi tentang bagaimana kita berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama.

Di luar sana terdapat sebahagian orang yang angkuh dan ujub dengan dirinya sendiri sebagai konon duduk dalam jurusan agama, memiliki guru dalam beragama, mahir dalam bahasa Arab dan pembela Mazhab al-Syafi'e. Pada waktu yang sama mereka meremehkan orang lain sebagai kononnya bukan dari aliran agama, tidak memiliki guru, tidak tahu berbahasa Arab, tidak memiliki apa-apa mazhab dan hanya bertaqlid buta kepada tokoh tertentu.

Pencerahan ini memaparkan satu contoh terbaik dimana orang sedemikian sebenarnya tidak sebagaimana yang dia war-warkan tentang dirinya. Kononnya memiliki guru akan tetapi gurunya tidak mengajar beliau berakhhlak jujur dalam membicara agama. Kononnya mahir berbahasa Arab tetapi kemahiran tersebut hanya digunakan untuk membaca pendapat yang dikehendakinya sahaja. Kononnya membela Mazhab al-Syafi'e padahal yang dibela hanya apa yang selari dengan citarasanya. Kononnya tidak mengamalkan budaya taqlid padahal kekeliruan dalam mengemukakan hadis menunjukkan beliau juga hanya bertaqlid.

Nasihat saya kepada para pembaca sekalian, berwaspadalah kepada orang-orang seperti di atas. Ukuran yang mudah dalam hal ini ialah memerhatikan akhlak mereka dalam membicarakan sesuatu persoalan agama. Ini kerana orang yang memiliki ilmu yang benar, keilmuan tersebut akan terpancar melalui setiap tingkah lakunya, baik perkataan, penulisan dan perwatakan.

**Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu**  
**(Sebagaimana yang Diajar dan Dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.)**  
Jahabersa 1999 & 2002 & 2004

**Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak?**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah (s.a.w.)**  
**(Suatu Jemputan Ke Arah Berselawat Dengan Sebenar-benar Selawat dan**  
**Huraian Tentang Beberapa Salah Faham Dalam Bab Berselawat)**  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Mendirikan Sembahyang**  
Jahabersa 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam**  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan**  
Jahabersa 2000, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Solat Tarawikh:**  
**Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.**  
Jahabersa 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya**  
Jahabersa 2002 & 2005, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.**  
Jahabersa 2002, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil**  
Jahabersa 2003, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah:  
73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari**  
Jahabersa 2003

**Apakah Jihad Di Jalan Allah ?**

**Buku 1:** Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad  
Jahabersa 2003

**Buku 2:** Hukum dan Syarat-Syaratnya  
Jahabersa 2004

**Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah.**

**Siri Pertama:** Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.  
Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Siri Kedua:** Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.  
Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

**Siri Ketiga:** Jawapan Ahl al-Sunnah kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.  
Jahabersa 2005

**Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah**

**Buku 1:**  
Jahabersa 2004

**Buku2:**  
Jahabersa 2005

**Buku 3**  
Jahabersa 2005

**Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa  
(Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)**  
Jahabersa 2005

**Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an**  
Jahabersa 2005

**Buku-buku yang disunting oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

**Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars**

**Part One: The History of Christianity, The Concept of Salvation, The Doctrine of the Trinity and Incarnation (al-Hulul wa al-Ittihad)**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com))

**Part Two: The Doctrine Of The Original Sin And The Atonement, The Crucifixion And The Resurrection Of Jesus Christ, Jesus Was Sent Only To The Israelites, The Authenticity Of The Bible, Contradictions And Errors In The Biblical Text.**

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004, Juga Edisi E-Book di [www.al-Firdaus.Com](http://www.al-Firdaus.Com))

**Koleksi Kertas Kerja Seminar "Ahli Sunnah Wal Jamaah Golongan Tauladan"**  
(Jahabersa 2004)

**Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli.**  
Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Leo Africanos: Pengembara Muslim Yang Belum Dikenali Ramai.**  
Oleh Dr. Pekka Masonen & Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

**Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.**  
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Azzahari bin Murad. (Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com))

**Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul al-Fiqh**  
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2004)

**Kaedah Memahami Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah**

Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005, juga edisi e-book yang ringkas di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com))

**Keadilan Para Sahabat Di Sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2005)

**Bid'ah Hasanah: Istilah Yang Disalah Fahami**

Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin (Jahabersa 2005)

**Sembahyang Jamak Dan Qasar Adalah Sedekah Allah**

Oleh Abu Iqbal Mohd Yaakub bin Mohd Yunus al-Mandeeli (Jahabersa 2005)

**Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu *Ushul al-Tafsir***

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd. Othman (Jahabersa 2005)

**Jawapan *Ahl al-Sunnah* Kepada *Syi'ah al-Rafidhah* Berkenaan Keutamaan Dan Sejarah Para Sahabat.**

Oleh 'Abd Allah 'Abd al-Qadir al-Taliri. Penterjemah: Muhammad Amin Yaacob. (Jahabersa 2005)

**Syarah Riyadhus Salihin Imam an-Nawawi (Buku 1)**

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Rosmalizawati Ab Rashid (Jahabersa 2006)

**Penulis anda,** Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

*Alhamdulillah* buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran. Buku-buku beliau dalam versi *e-book* di laman web: [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com) juga menjadi rujukan oleh sesiapa juar yang boleh berbahasa Melayu di seluruh dunia, khasnya para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara.

Ringkasnya, sesiapa juar yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.